

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Solat merupakan penghubung antara manusia dengan Penciptanya. Melalui solat seseorang itu dapat berhubung terus dengan Allah SWT untuk memohon hidayah, meminta pertolongan serta mengadu dan menyerah diri kepada Allah SWT. Melalui solat juga seseorang dapat menghampirkan diri kepada Allah SWT, mendapat sumber tenaga yang baru dan bekalan kepada jiwa yang sentiasa memerlukannya sepanjang perjalanan hidup ini.¹ Solat juga merupakan perkara pertama yang akan dipersoalkan di hari akhirat kelak. Ini menunjukkan bahawa solat adalah ibu kepada segala ibadat dan ianya amat penting untuk dilaksanakan dalam kehidupan. Solat juga adalah tiang agama yang membawa maksud teras kepada amalan-amalan yang lain. Oleh itu, seseorang yang meninggalkan dan mengabaikan solat seolah-olah ia telah meruntuhkan agamanya sendiri.

Solat juga adalah perisai dan benteng yang kebal dalam menghadapi fitnah, kejahatan, kemungkaran dan hasutan syaitan. Seseorang itu akan merasakan Allah SWT sentiasa mengawasi dan memerhatikan tingkah lakunya,

¹ Mustafa Masyhur (1987), *Bekalan di Sepanjang Jalan Dakwah*, Mohd Tahir Daeng Mengati (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h.129

itulah sebabnya ia akan menjauhkan dirinya dari segala bentuk kemungkaran serta menjaga dirinya dari perkara-perkara negatif.²

Sehubungan dengan itulah, Islam menyuruh para ibu bapa mengajar, membimbing dan menitikberatkan pelaksanaan solat fardu sebagai amalan anak-anak mereka seawal usia 7 tahun. Islam juga telah menyarankan kepada para ibu bapa supaya memukul anak-anak yang berusia 10 tahun sekiranya mereka masih meninggalkan solat lima waktu. Ibu bapa tidak boleh bertolak ansur dalam perkara ini dengan anak-anak mereka.³ Hal ini menunjukkan betapa pentingnya solat dilaksanakan dalam membentuk jati diri seseorang mukmin.

Apabila anak-anak mula melangkah kaki ke alam persekolahan, tanggungjawab memastikan anak-anak melaksanakan solat dikongsi pula dengan guru-guru di sekolah. Menyedari kewajipan tersebut, maka pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) pada tahun 1995 untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah Kementerian Pelajaran Malaysia. Amali solat adalah salah satu komponen yang terdapat dalam PAFA yang dilaksanakan sebagai pengisian kepada salah satu daripada dua waktu tambahan Pendidikan Islam. Ia merupakan satu program khusus ke arah melatih pelajar secara praktikal melaksanakan solat serta latihan

² *Ibid*, h.130

³ Akhlaq Husain (1996), *Ibu bapa Muslim*. Mustafa Ramadhan (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Hayathi, h. 171.

kerohanian (*tazkiyah al-nafs*) seperti wirid dan doa.⁴ Huraian sukatan mata pelajaran Pendidikan Agama Islam (PPK 1992) ada menyebut tentang objektif amali solat; iaitu pelajar dapat mempraktikkan ilmu pengetahuan yang telah diajar melalui teori oleh guru dalam kehidupan hariannya. Objektif ini diperkukuhkan lagi dengan objektif ujian PAFA iaitu menilai dari segi lisan dan amali.⁵ Amali solat bukan sekadar menunaikan solat fardu, tetapi juga melatih pelajar agar melaksanakan solat untuk menepati firman Allah SWT dalam surah al-‘Ankabut ayat 45 yang memberi maksud “Sesungguhnya ibadah solat boleh menjauhkan diri dari perkara keji dan munkar.” Usaha ini juga bertujuan untuk membimbing dan memastikan setiap pelajar faham serta dapat mengamalkan perkara-perkara yang ditetapkan dalam PAFA iaitu perkara asas yang wajib dilakukan oleh setiap orang dengan betul dan sempurna. Ia selaras dengan objektif Falsafah Pendidikan Negara yang disuratkan pada tahun 1987 yang dinyatakan seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini ialah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan

⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Panduan Amali Pendidikan Islam Sekolah Menengah*. h. 1.

⁵JAPIM (1995), dalam Abd Mubin b. A. Gani (1999), “Kajian Pelaksanaan Amali Solat Dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSM di Sekolah Menengah Rendah Daerah Kluang, Johor”, (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia) h. 37.

*berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.*⁶

Matlamat yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Negara ini ternyata seiring dengan matlamat Pendidikan Islam untuk melahirkan insan salih yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak atau insan yang sempurna (insan kamil). Sehubungan itu, untuk mencapai matlamat melahirkan insan salih atau insan sempurna ini, antara perkara dasar yang perlu diutamakan dalam Pendidikan Islam ialah membangunkan peribadi berasaskan sifat takwa.⁷

Melalui pelaksanaan solat lima waktu yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas setiap mukmin, ia menjadi asas kepada lahirnya sifat takwa dalam diri seseorang. Oleh itu dalam usaha melahirkan generasi yang berakhlak mulia serta bertanggungjawab, pelaksanaan serta penghayatan solat dalam kehidupan adalah perlu diberi perhatian khusus.

⁶ Tajul Ariffin dan Nor’Aini Dan (2002), *Pendidikan & Pembangunan Manusia, Pendekatan Bersepadu*. Selangor: As-Syabab Media, h. 33.

⁷ Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, h. 15.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan solat adalah satu bentuk pendidikan awal yang perlu ditekankan sebagai amalan kanak-kanak seawal usia tujuh tahun seperti mana yang disarankan oleh Rasulullah SAW. Ini kerana solat merupakan tiang agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Ia merupakan identiti penting yang membezakan antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Para ibu bapa khususnya perlu menyedari tanggungjawab mereka untuk memastikan anak-anak melaksanakan solat secara konsisten kerana solat merupakan tonggak utama untuk mengisi jiwa anak-anak dengan akidah tauhid.⁸

Ibadah solat yang dilakukan secara sempurna mampu mempersiapkan jati diri seseorang dalam menempuh seribu satu cabaran di samping dapat menghindari segala bentuk kejahatan dan kemungkaran. Menurut Hamka dalam tafsirannya ke atas ayat 45, Surah al-Ankabut, bahawa ibadah solat lima waktu yang dilakukan dengan sempurna mampu menghalang seseorang dari melakukan perbuatan-perbuatan keji seperti berzina, merompak dan menipu kerana dari ibadah solat yang dilakukan itu menjadikan dirinya sentiasa mengingati Allah SWT dan berhubung denganNya.⁹

⁸ Muhammad Thalib (1997), *Ibu bapa Mithali*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 77.

⁹ Hamka (1987), *Tafsir al-Azhar*, juz. 21. Singapura: Pustaka Nasional, Pte. Ltd. h. 5441.

Namun begitu, fungsi solat sebagai pencegah kemungkaran dan kejahatan kini kian dilupakan. Hal ini terbukti dengan dapatan kajian yang telah dilakukan tentang pengabaian solat terutamanya di kalangan remaja serta kajian mengenai gejala keruntuhan yang berpunca dari pengabaian solat dalam kehidupan seseorang. Fariah Hussain dalam kajiannya *Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Suatu Kajian Di Alor Setar*, mendapati tiada penghayatan ibadah khusus harian terutamanya solat fardu telah menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja.¹⁰ Kajian yang melibatkan responden seramai 250 orang ini mendapati, bagi tahap pelaksanaan ibadah solat fardu hanya 53 orang (21%) yang melakukannya cukup lima waktu dalam sehari semalam. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pengabaian ibadah solat fardu adalah antara faktor berlakunya gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja dalam masyarakat hari ini.

Kajian juga telah dilakukan oleh Mohd Suhardi Mat Jusoh mengenai *Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja Di Daerah Pasir Putih, Kelantan*.¹¹ Kajian ini melibatkan 467 orang pelajar sebagai responden dan pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan remaja iaitu ada yang konsisten dan ada yang tidak konsisten. Hasil kajian juga mendapati remaja

¹⁰ Fariah Hussain (2006), "Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Kajian di Alor Setar" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹¹ Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004), "Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja: Kajian Di Sekolah Menengah Di Sekitar Daerah Pasir Putih, Kelantan" (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

yang sering mengabaikan solat lebih mudah terjebak dengan gejala sosial berbanding remaja yang konsisten dalam melaksanakan solat.

Azizah Zakaria pula yang mengkaji tentang *Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam Falsafah Etika al-Ghazali Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara, Shah Alam* mendapati, terdapat pelajar yang tidak konsisten dalam menunaikan solat dan golongan ini lebih mudah terjebak dengan perkara-perkara yang tidak baik.¹²

Ahmad Sabri Osman yang mengkaji *Keberkesanan Penghayatan Pendidikan Islam Di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Kampus Arau, Perlis* mendapati penghayatan ibadah khususnya solat dalam kalangan pelajar tidak memuaskan.¹³ Contohnya hanya 52.7% daripada jumlah responden seramai 300 orang yang menunaikan solat fardu penuh lima waktu. Hasil kajian juga mendapati pengabaian solat menyebabkan mereka lebih mudah terlibat dengan gejala keruntuhan akhlak.

¹² Azizah Zakaria (2004), "Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam falsafah Etika al-Ghazali: Kajian Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam", (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹³ Ahmad Sabri Osman (2002), "Sistem Pendidikan Islam: Suatu Kajian Tentang Keberkesanan Penghayatannya Di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Kampus Arau, Perlis", (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Berdasarkan realiti dalam kehidupan hari ini, sesetengah pelajar dan remaja mengabaikan solat atas berbagai alasan. Antaranya alasan sibuk belajar, menjalankan aktiviti kokurikulum atau sibuk dengan aktiviti-aktiviti tertentu. Ketika di rumah pula sibuk dan leka dengan menonton televisyen, bermain 'games' dalam komputer, amalan 'berchatting' atau melayari internet. Apabila ibadat solat sering ditinggalkan, hal ini menyebabkan mereka mudah terjebak dengan pelbagai gejala negatif yang ada di persekitaran mereka seperti gejala lepak, mat rempit, membuli, bergaduh, pergaulan bebas, vandalisme, penyalahgunaan dadah dan perlakuan jenayah.

Menyedari kepentingan solat dalam pembentukan akhlak dan budi pekerti mulia serta jati diri pelajar, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan ujian PAFA sebagai satu bentuk kerja kursus untuk calon-calon Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1995, secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan usaha ke arah amalan dan penghayatan Islam dalam kehidupan. Inisiatif pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) menjadikan amalan-amalan sunat sebagai penilaian dalam penilaian PAFA merupakan satu usaha yang amat baik. Usaha ini membolehkan pelajar melaksanakan solat serta diuji bacaan-bacaannya di peringkat sekolah secara praktikal. Pendidikan agama tradisional di negara sejak

dahulu lagi lebih menekankan pendidikan amali dan hafazan kerana ia mendatangkan banyak faedah dan amat berkesan kepada pelajar.¹⁴

Amali solat adalah salah satu komponen yang terkandung dalam PAFA untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah sebagai asas kepada pembentukan modal insan yang bersepadu. Amali solat yang dilaksanakan ini adalah kesinambungan kepada pelaksanaan solat di rumah yang mana ia menjadi tanggungjawab ibu bapa mereka. Tetapi memandangkan sebahagian masa pelajar adalah di sekolah, tanggungjawab ini turut dipikul oleh para guru khususnya guru-guru agama. Pelaksanaan amali solat ini sewajarnya ditekankan kerana pelajar boleh mempelajarinya secara praktis kewajipan mengerjakan solat fardu. Di sekolah, guru boleh memberi panduan dan bimbingan manakala pelajar yang kurang memahami tentang solat boleh menerima bimbingan dari guru supaya timbul kesedaran tentang kewajipan melaksanakannya.¹⁵

Namun begitu senario gejala sosial yang terus berlaku secara berleluasa dalam kalangan pelajar Islam hari ini menimbulkan persoalan, adakah pelajar Islam tidak melaksanakan solat fardu yang diwajibkan ke atas mereka sehingga tingkah laku dan akhlak mereka tidak melambangkan tingkah laku dan akhlak orang Islam? Atau pun solat yang mereka lakukan adalah solat yang tidak

¹⁴ Abdul Halim al-Muhammady (1991), *op. cit.* h. 70.

¹⁵ Abdul Mubin b A. Gani (1999), "Kajian Pelaksanaan Amali Solat Dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSM di Sekolah Menengah Rendah Daerah Kluang, Johor", (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 33.

menepati syarat-syarat sah atau solat yang tidak sempurna? Sedangkan selain ibu bapa, guru-guru agama di sekolah juga adalah pihak yang bertanggungjawab memastikan pelajar mereka dapat menunaikan solat yang menepati syarat-syarat sah serta solat yang sempurna. Keadaan ini juga menimbulkan satu lagi persoalan, bagaimanakah bentuk pelaksanaan Program Amali Solat yang terdapat dalam PAFA itu dilaksanakan oleh guru-guru agama di sekolah? Adakah dengan kesibukan aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah sedikit sebanyak mendatangkan masalah kepada guru-guru agama Islam untuk mengajar dan memantau pelajar-pelajar dalam melaksanakan solat? Atau apakah di sana, terdapat halangan dan masalah-masalah lain yang membantutkan pelaksanaan Program Amali Solat ini? Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau bentuk pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah-sekolah dan mengenal pasti apakah masalah yang membantutkan pelaksanaan program tersebut. Selain dari itu kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengenal pasti bentuk pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah-sekolah menengah daerah Hulu Langat.
2. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan di sekolah mereka.
3. Menganalisis masalah yang dihadapi dalam menjayakan Program Amali Solat di sekolah.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini diharap dapat memberi banyak faedah kepada pelbagai pihak, antaranya:

1. Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) sebagai penambahbaikan kepada Program Amali Solat yang telah sedia ada serta membuat semakan dan kajian ke atas pelaksanaan kurikulum tersebut, adakah masih relevan atau perlu kepada pengubahsuaian berdasarkan kepada keperluan dan situasi semasa.
2. Kepada pihak Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), Kementerian Pelajaran Malaysia. Dapatan kajian ini dapat membantu penggubal

kurikulum dalam menentukan corak kurikulum yang lebih menekankan Pendidikan Islam untuk generasi akan datang. Pihak BPK juga dapat mengenalpasti kelemahan yang mungkin wujud dari pelaksanaan ujian PAFA dan seterusnya dalam pendidikan Islam dari peringkat bawah lagi. Oleh itu beberapa langkah tertentu dapat dilaksanakan untuk memperbaikinya.

3. Kepada pihak sekolah, supaya dapat melaksanakan Program Amali Solat dengan lebih terancang dan berkesan. Bagi guru Pendidikan Islam, dapatan kajian ini membolehkan mereka merancang dan melaksanakan Program Amali Solat dengan bentuk pelaksanaan yang lebih menarik minat pelajar untuk menyertainya. Dengan itu, Program Amali Solat dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut objektif yang telah ditetapkan.
4. Kepada para pelajar agar mereka dapat melaksanakan solat dengan sempurna. Hasil daripada solat yang sempurna, diharapkan dapat menjadi benteng jati diri kepada pelajar dari terjerumus ke kancah permasalahan sosial masa kini, serta dapat menjauhkan diri mereka dari segala kejahatan dan kemungkaran.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dilakukan di lima buah sekolah menengah terpilih di daerah Hulu Langat yang dijadikan sebagai sampel kajian. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

1. Sek. Men. (A) Persekutuan Kajang.
2. Sek. Agama Menengah Bt.10, Cheras.
3. Sek. Men. Keb. Agama Maahad Hamidiah Kajang.
4. Sek. Men. Keb. Engku Husain, Semenyih.
5. Sek. Men. Keb. Jalan Empat, Bandar Baru Bangi.

Pemilihan sekolah-sekolah ini sebagai sampel kajian pengkaji adalah berdasarkan kepelbagaian jenis sekolah yang terdapat di daerah Hulu Langat. Kepelbagaian jenis sekolah yang terdapat di daerah Hulu Langat ini ialah sekolah menengah agama berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah agama menengah negeri serta sekolah menengah kebangsaan harian. Berdasarkan kepelbagaian inilah yang menyebabkan pengkaji telah memilih 5 buah sekolah bagi mewakili setiap jenis sekolah tersebut.

Responden kajian ini terdiri dari pelajar-pelajar Islam tingkatan dua di sekolah menengah yang terpilih di daerah Hulu Langat. Rasional pemilihan pelajar tingkatan dua sebagai sampel kajian adalah berkaitan dengan dasar Kementerian Pelajaran yang tidak menggalakkan pengambilan pelajar daripada

kelas peperiksaan menjadi sampel kajian, kerana dikhuatiri akan mengganggu pengajaran dan pembelajaran mereka.

Kajian ini juga difokuskan kepada aspek pelaksanaan dan masalah dalam Program Amali Solat di sekolah-sekolah tersebut serta persepsi pelajar terhadap pelaksanaan program tersebut di sekolah mereka. Kajian ini dilakukan pada tahun 2010.

1.6 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, pengkaji tidak menemui secara spesifik kajian mengenai pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah daerah Hulu Langat. Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baru yang dapat disumbangkan untuk pembangunan sahsiah remaja serta dapat dijadikan panduan untuk penambahbaikan kepada kurikulum Pendidikan Agama Islam yang telah sedia ada. Namun begitu, pengkaji mendapati beberapa kajian telah dibuat dalam bidang yang hampir sama mengenai tahap penghayatan Islam serta pelaksanaan solat dalam kalangan remaja.

Antara kajian tersebut ialah kajian yang dilakukan oleh Abdul Mubin b. A. Gani mengenai *Pelaksanaan Amali Solat Dalam Kurikulum Pendidikan Islam*

*KBSM di Sekolah Menengah Rendah Daerah Kluang, Johor.*¹⁶ Kajian ini merupakan kajian yang paling hampir dengan kajian pengkaji. Namun begitu, ia berbeza dengan kajian pengkaji, kerana kajian beliau lebih memberi tumpuan kepada bentuk pelaksanaan amali solat oleh guru-guru Pendidikan Islam sebagaimana yang digariskan secara kasar dalam kurikulum Pendidikan Islam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Manakala kajian pengkaji pula, memberi tumpuan kepada bentuk pelaksanaan amali solat yang dijalankan oleh guru di sekolah serta persepsi pelajar terhadapnya.

Satu kajian yang melibatkan 467 orang pelajar sebagai responden dan menggunakan instrumen soal selidik telah dilakukan oleh Mohd Suhardi Mat Jusoh mengenai *Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja Di Daerah Pasir Putih, Kelantan.*¹⁷ Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan remaja iaitu ada yang konsisten dan ada yang tidak konsisten. Kajian juga mendapati faktor persekitaran memberi pengaruh yang besar terhadap pelaksanaan solat fardu remaja. Sebagai contoh, pelajar yang tinggal di kawasan kampung lebih konsisten dalam melaksanakan kewajipan solat berbanding pelajar yang tinggal di bandar. Begitu juga pelajar yang tinggal di asrama lebih komited mengerjakan ibadah solat berbanding pelajar yang tinggal di rumah sendiri dan rumah sewa. Hasil kajian ini juga mendapati ibu bapa merupakan faktor utama anak mengerjakan solat atau tidak. Kajian Mohd Suhardi ini memberi tumpuan kepada tahap pelaksanaan ibadah solat dalam kalangan

¹⁶ Abdul Mubin b A. Gani (1999), *op. cit.*

¹⁷ Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004), *op.cit.*

pelajar dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengabaian solat dalam kalangan mereka. Kajian ini didapati berbeza dengan kajian yang dilakukan pengkaji kerana kajian pengkaji memberi tumpuan kepada bentuk pelaksanaan Program Amali Solat, persepsi pelajar terhadap pelaksanaannya serta masalah dalam pelaksanaannya.

Isyah Radhiah Idris dalam hasil kajian sarjananya yang bertajuk *Pendidikan Solat Oleh Ibu Bapa Terhadap Anak Dan Remaja Di Kota Bharu, Kelantan* mendapati pendidikan solat yang diterapkan sejak kecil menjadikan anak mampu istiqamah menunaikan solat setelah mencapai umur dewasa.¹⁸ Kajian ini juga mendapati ketegasan ibu bapa mempengaruhi amalan solat anak-anak sama ada mereka dapat melakukannya secara konsisten atau sebaliknya. Pengkaji kajian ini juga telah mengemukakan 10 kaedah pendidikan solat terhadap anak-anak yang boleh diaplikasikan oleh para ibu bapa. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada cara pendidikan solat oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka tanpa menyentuh tentang Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah kerana ia tidak termasuk dalam skop kajian pengkaji.

Manakala Farihah Hussain yang mengkaji *Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Suatu Kajian Di Alor Setar*, mendapati tiada penghayatan ibadah khusus harian terutamanya solat fardu telah menyumbang kepada

¹⁸Isyah Radhiah Idris (2004), "Pendidikan Solat Oleh Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak Remaja Di Kota Bharu, Kelantan", (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja.¹⁹ Kajian yang melibatkan responden seramai 250 orang ini mendapati bagi tahap pelaksanaan ibadah solat fardu hanya 53 orang (21%) yang melakukannya cukup lima waktu dalam sehari semalam. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja masa kini. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pengabaian ibadah solat fardu adalah antara faktor utama berlakunya gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja dalam masyarakat hari ini.

Berdasarkan kajian Normah Yamin pula yang bertajuk “*Hubungkaitan PAFA Dengan Pencapaian Pelajar Dalam PMR*”, hasil kajiannya mendapati sebahagian besar pelajar bersetuju bahawa ujian PAFA adalah penting untuk mereka meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Islam termasuk solat.²⁰ Sebahagian besar daripada mereka juga bersetuju bahawa ujian PAFA dapat membentuk akhlak mereka. Fokus kajian ini adalah tertumpu kepada PAFA secara keseluruhannya iaitu hubungkaitan PAFA dengan pencapaian pelajar dalam PMR.

Selain daripada itu, Nik Zaiton Mohd Nor telah melakukan kajian yang bertajuk “*Penyemaian Akhlak di Kalangan Kanak-kanak Dari Perspektif Islam*”:

¹⁹Fariyah Hussain (2006), *op. cit.*

²⁰Normah Yamin (1999), “Hubungkaitan PAFA Dengan Pencapaian Pelajar Dalam PMR”, (Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).

*Kajian di Kota Bharu, Kelantan.*²¹ Rumusan dari kajian tersebut telah dibuat mengenai penyemaian akhlak mulia secara umumnya adalah berpaksikan amalan solat yang berkualiti. Hanya solat yang sempurna yang akan menjamin keutuhan akhlak seseorang serta menjadi perisai dan benteng yang kebal dalam menghadapi fitnah, kejahatan, kemungkaran dan hasutan syaitan.

Siti Rokiah Abdul Ghani dalam hasil kajiannya bertajuk “*Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam*” mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap amalan solat dengan tahap akhlak pelajar.²² Kajian ini melibatkan 115 orang pelajar yang menjadi sampel kajian melalui kaedah persampelan rawak.

Kajian yang dilakukan oleh Zaib Ngah pula mengenai “*Persepsi Pelajar Terhadap PAFA: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Pekan Banting*”, mendapati persepsi pelajar terhadap pelaksanaan PAFA di sekolah adalah positif. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar berpendapat bahawa penilaian PAFA di sekolah adalah penting untuk mengukur tahap kefahaman mereka terhadap

²¹ Nik Zaiton Mohd Nor (2007), “Penyemaian Akhlak di Kalangan Kanak-kanak Dari Perspektif Islam: Kajian di Kota Bharu, Kelantan”, (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²² Siti Rokiah Abdul Ghani (2007), “Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam”, (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

perkara asas fardu ain termasuklah kefahaman dan pelaksanaan solat mereka.²³

Kajian ini juga di dapati berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji hanya memfokuskan kajian kepada satu komponen sahaja dari komponen-komponen yang terdapat dalam PAFA iaitu amali solat.

²³ Zaib Ngah (2006), "Persepsi Pelajar Terhadap PAFA: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Pekan Banting", (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

BAB 2

LANDASAN TEORI

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini menghuraikan tentang sejarah perkembangan pendidikan Islam di Malaysia sebelum dan selepas merdeka, Sistem Pendidikan Islam di Malaysia, pelaksanaan PAFA dalam kurikulum Pendidikan Islam KBSM dan Program Amali Solat yang menjadi salah satu komponen dalam pelaksanaan PAFA di sekolah.

2.2 SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Malaysia ialah sebuah negara yang pernah dijajah oleh pihak British sejak tahun 1874 lagi. Ketika itu sebahagian besar corak atau sistem pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia yang waktu itu dikenali dengan nama Tanah Melayu banyak dipengaruhi oleh kehendak dan petunjuk Barat.²⁴ Walau pun sebahagian besar corak atau sistem pendidikan tersebut telah dipengaruhi oleh Barat, namun sistem tersebut tidak dapat menggugat sistem pendidikan tidak formal yang telah berkembang di Semenanjung Tanah Melayu dan Nusantara Melayu pada abad

²⁴ Mohd Salleh Lebar (1996), *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. h. 1.

ke-14 hingga 16 seiring dengan pengembangan ajaran Islam yang dibawa oleh pedagang Arab dan India yang datang berdagang ke Asia Tenggara.²⁵ Kurikulum Pendidikan Islam yang merangkumi pengajian al-Quran di samping mata pelajaran yang lain di Tanah Melayu dilihat berterusan dilaksanakan atas inisiatif pihak kerajaan. Struktur kurikulum yang sama terdapat juga di sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat yang telah pun diambil alih oleh kerajaan Pusat pada 1 hb Januari, 1977. Sekolah-sekolah tersebut sekarang dikenali sebagai sekolah Menengah Kebangsaan Agama.²⁶

2.2.1 SEBELUM MERDEKA

Kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu dikatakan berlaku dalam kurun ke-15 Masihi atau lebih awal dari itu. Hal ini telah membuktikan bahawa pembentukan kurikulum Pendidikan Islam secara tidak formal juga telah berlaku seiring dengan pengembangan Islam. Menurut Mohd Jamil, kedatangan Islam ke Nusantara berkait rapat dengan aktiviti perdagangan yang mana orang Arab dan Parsi sering datang berniaga ke rantau ini. Ini kerana Nusantara terletak di tengah-tengah perjalanan dan persimpangan jalan laut antara negeri-negeri Asia Barat dengan India dan China.²⁷ Bersama dengan kedatangan pedagang tersebut

²⁵ Sufean Hussin (2004), *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia, Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 128.

²⁶ Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Selangor: Al-Rahmaniah, h. 89.

²⁷ Mohd Jamil Mukmin (1994), *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h.29.

ke Melaka, terdapat juga para ulama' dan pendakwah yang berpeluang datang ke rantau ini untuk mengajar agama suci Islam. Mereka bukan saja menyeru supaya memeluk Islam, malah mereka turut mendidik masyarakat supaya mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan.²⁸

Sehubungan dengan itu, lahirlah institusi-institusi pendidikan Islam awal di Tanah Melayu seperti rumah-rumah guru, masjid, surau dan istana. Secara tidak langsung Melaka telah menjadi pusat perkembangan dan pusat pendidikan Islam di rantau ini.²⁹ Melaka terus menjadi pusat dakwah Islam sehingga penduduk di negeri-negeri lain di Tanah Melayu turut memeluk Islam. Semasa kedatangan penjajah Portugis dan Belanda, pengajian Islam terus berjalan seperti biasa. Pihak penjajah tidak mengambil berat tentang pendidikan orang Islam kerana mereka menganggap itu bukan tanggungjawab mereka. Hal ini memberi peluang kepada orang Melayu Islam untuk meneruskan kegiatan pengajaran dan pembelajaran asas-asas agama serta pengetahuan kerohanian tanpa campur tangan pihak penjajah.³⁰

Pembelajaran agama tersebut pada peringkat awalnya berlaku dalam bentuk yang tidak formal di istana-istana dan rumah. Sultan Mansur Shah (1459-1477) juga telah terlibat secara aktif dalam pengajian dan pembelajaran

²⁸ Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 127.

²⁹ Hall, D.G.E (1968), *A History of South-East Asia*. New York: St. Martin's Press, h. 217.

³⁰ Abdullah Ishak (1995), *op. cit.* h. 132.

ilmu Islam peringkat awal ini. Terdapat beberapa mata pelajaran Agama Islam seperti Fiqh, Tauhid, Sirah dan Tasawwuf telah dipelajari walaupun tidak secara formal. Keadaan ini telah menggambarkan wujudnya struktur kurikulum Pendidikan Islam sejak peringkat awal kedatangan Islam ke rantau ini lagi.³¹ Di samping terdapatnya beberapa mata pelajaran tersebut, al-Quran juga dijadikan sebagai pelajaran dasar dalam rangkaian kurikulum di peringkat awal kedatangan Islam. Hal ini telah ditegaskan oleh Munshi Abdullah seperti berikut:

*“Dari zaman nenek moyang pun, tidak pernah orang menaruh tempat belajar Bahasa Melayu melainkan mengaji al-Quran sahaja. Dan sepatutnya belajar Bahasa Arab kerana ianya berguna kepada agama dan lagi di alam akhirat”.*³²

Kurikulum Pendidikan Islam yang merangkumi pengajian al-Quran di samping mata pelajaran yang lain di Tanah Melayu dilihat berterusan hingga ke zaman penjajahan Inggeris ke rantau ini. Sekolah al-Quran yang dianggap sebagai institusi pengajian agama berbentuk formal di peringkat rendah, telah menjadikan pengajian al-Quran di samping pelajaran Fiqh, Tauhid, Tajwid dan Sejarah Islam sebagai kurikulumnya. Manakala institusi pondok dan madrasah yang boleh dianggap sebagai institusi pengajian Islam peringkat menengah telah menjadikan pelajaran Tauhid, Tafsir, Fiqh, Usul Fiqh, Hadith, Mustalah Hadith, Tasawwuf, Nahu, Saraf, Mantiq, Balaghah dan Sejarah Islam sebagai

³¹ Shellabear W.G (1948), *Sejarah Melayu Or The Malay Annals*. Singapore: Malay Publishing House Ltd., h. 115.

³² Abdullah Ishak (1989), *op. cit.* h. 88.

kurikulumnya.³³ Sistem pendidikan pondok ini kebanyakannya didirikan oleh para ulamak di negeri-negeri Tanah Melayu khususnya di Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang.³⁴

Menurut Choong Lean Keow, perkembangan pendidikan Islam sebelum kemerdekaan telah melalui tiga peringkat iaitu:³⁵

1. Peringkat Pertama: Berpusatkan Rumah-rumah Guru

Murid-murid belajar mengaji al-Quran dan Fardu Ain daripada guru-guru yang dikenali sebagai ulamak di rumah mereka.

2. Peringkat Kedua: Berpusatkan Masjid, Surau dan Madrasah

Pusat ini mula diwujudkan untuk menampung bilangan murid yang kian bertambah. Murid-murid duduk dalam bulatan bersama ulamak mereka di masjid, surau dan madrasah. Para ulamak disanjung tinggi oleh masyarakat tempatan. Kadang-kadang mereka diundang ke istana untuk mengajar kaum kerabat Diraja.

3. Peringkat Ketiga: Berpusatkan Institusi Agama (pondok)

Institusi pondok adalah sekolah agama tradisional yang utama. Sistem pengajian pondok waktu itu diajar berasaskan kurikulum Masjid Al-Haram di Mekah. Antara mata pelajaran yang diajar termasuklah ilmu Tauhid, Al-Quran, Fiqh,

³³ *Ibid*, h. 89.

³⁴ Sufean Hussin (2004), *op. cit.* h. 128.

³⁵ Choong Lean Keow (2008), *Falsafah dan Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., h. 4.

Hadith, Nahu, Tasawwuf dan Akhlak, Bahasa Arab dan Tulisan Jawi. Murid-murid tinggal di pondok yang disediakan dan belajar di madrasah kepunyaan Tok Guru. Apabila tamat pengajian, kebanyakan murid ini akan berkhidmat di kampung mereka. Namun, ada yang melanjutkan pelajaran mereka di Mekah, Kaherah, Pakistan atau India. Sijil keluaran institusi ini tidak diiktiraf sebagai pra syarat kemasukan ke universiti tempatan.

Ahmad Mohd Salleh pula menyatakan bahawa secara kasarnya perkembangan pendidikan Islam di Semenanjung Tanah Melayu mengalami tiga tahap, iaitu.³⁶

1. Institusi Rumah Imam atau Guru

Pada peringkat awalnya, imam atau guru terdiri daripada mereka yang datang dari Negara Arab, Parsi, India dan lain-lain. Kelas biasanya bermula sesudah sembahyang subuh, zohor atau maghrib. Pelajaran tentang Al-Quran adalah diberi penekanan contohnya mengenal huruf, menghafal dan ilmu tajwid. Selain daripada Al-Quran, murid-murid juga diajar cara-cara sembahyang, berpuasa serta perkara-perkara yang sepatutnya diketahui oleh orang-orang Islam termasuklah cara-cara bersuci dan penentuan yang halal dan haram serta dosa dan pahala.

³⁶ Ahmad Mohd Salleh (1997), *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. h. 65-66.

2. Institusi Pondok

Kemunculan institusi pondok adalah kerana peranan ulamak yang mahir dalam pengajian Islam. Kemunculannya juga dipercayai kerana pengaruh Tok Kenali. Pada kurun ke-20, Kelantan telah mendahului negeri-negeri Melayu lain sebagai pusat persekolahan pondok. Antara pelajaran yang disampaikan di institusi pondok ialah Tauhid, Fiqh, Tasawwuf, Usul Fiqh dan Tarekat Islam. Secara keseluruhannya mata pelajaran ini bertujuan memberikan keteguhan agama bagi orang yang mempelajarinya. Kebanyakan tenaga pengajarnya adalah berasal dari Pattani, Mekah dan Mesir serta ulamak tempatan yang mendapat pendidikan agama di sana.

3. Institusi Madrasah

Institusi Madrasah ini mula diperkenalkan oleh para pelajar Melayu yang mendapat pendidikan agama di Timur Tengah. Mereka adalah antara pelajar yang mendapat pengaruh Gerakan Islah di Timur Tengah yang dipelopori oleh Sheikh Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh. Apabila kembali ke Semenanjung Tanah Melayu mereka berusaha untuk mengubah sikap orang Melayu supaya memahami Islam dalam bentuk yang lebih lengkap. Hasil dari itu lahirlah sebuah madrasah di Bukit Mertajam, Seberang Perai pada tahun 1906 yang dinamakan Madrasah al-Misriyah. Sistem pendidikan berbentuk madrasah ini lebih sistematik dan formal. Kurikulumnya meliputi Fardu Ain dan Fardu Kifayah seperti bahasa Arab, Ilmu Hisab, Ilmu Alam atau Geografi dan lain-lain lagi.

Dalam tempoh 40 tahun (1900-1940), madrasah-madrasah telah lahir di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dengan jumlah yang menggalakkan. Antara madrasah yang penting ialah:³⁷

- 1- Al-Madrasah al-Misriyyah, Bukit Mertajam, 1906.
- 2- Madrasah al-Iqbal, 1908.
- 3- Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang, 1914.
- 4- Madrasah al-Idrisiah, di Kuala Kangsar, 1922.
- 5- Madrasah Zainal Abidin, Kuala Terengganu, 1925.
- 6- Ma'ahad Ihya' Assyarif, Gunung Semanggul, Perak, 1934.
- 7- Ma'ahad al-Mahmud, Alor Setar, Kedah, 1934.
- 8- Ma'ahad al-Alawiah al-Diniah, Arau, Perlis, 1937.

Walaupun pentadbiran madrasah-madrasah ini adalah secara berasingan dan tidak di bawah satu pentadbiran induk, tetapi mata pelajaran asas yang terkandung dalam kurikulumnya adalah sama iaitu Akidah dan Syariah sebagai teras pembelajaran dan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya. Pendidikan Islam di tanah air yang berjalan sekian lama melalui sistem pondok dan madrasah telah memberi sumbangan yang amat besar dalam perkembangan Islam tanah air di bidang pendidikan Islam.

³⁷ *Ibid*, h.72.

Namun begitu pendidikan Islam terpaksa berhadapan dengan cabaran besar dari pihak penjajah melalui proses penghakisan pendidikan Islam oleh mereka. Penghakisan ini telah dibuat secara halus iaitu melalui pengenalan pendidikan sekular yang bermula sejak penubuhan Penang Free School pada tahun 1816 dan Raffle Institution pada tahun 1823.³⁸ Kewujudan sekolah-sekolah Inggeris pada masa itu kurang dirasai oleh orang-orang Islam kerana pendidikan madrasah masih kuat pengaruhnya. Namun, proses sekularisasi pendidikan anak-anak Melayu terus berlaku dengan pesatnya sehingga akhirnya kewujudan sekolah agama (madrasah) mula dilupa dan dipinggirkan.

Di samping itu, pihak penjajah juga telah menubuhkan sekolah vernakular Melayu sekitar tahun 1856 sehingga tahun 1863 di Pulau Pinang dan Melaka.³⁹ Selepas itu, sekolah-sekolah Melayu terus dibina di negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Dengan terbinanya sekolah-sekolah ini, terdapat sebilangan orang Melayu telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini dan juga ke sekolah Inggeris. Tujuan mereka berbuat demikian dikatakan supaya anak-anak lebih mudah mendapat kerja atau menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Mengikut Abdul Hadi Ismail, tujuan pihak penjajah memberikan pendidikan kepada orang Melayu bukanlah untuk menjadi pandai, cukup sekadar boleh membaca dan menulis sahaja. Pendidikan orang Melayu mesti dikawal supaya tidak '*over educated*', agar mereka akan meneruskan kesinambungan cara

³⁸ *Ibid*, h. 74.

³⁹ Shahril @ Charil Marzuki *et. al* (1995), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, h. 36.

hidup nenek moyang mereka sebagai petani dan nelayan selepas tamat sekolah nanti.⁴⁰

Menurut Shahril Marzuki, penubuhan sekolah Melayu pada mulanya tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan orang Melayu. Ini kerana para ibu bapa kurang berpuas hati terhadap sekolah tersebut disebabkan tiada pelajaran tentang agama diajarkan kepada pelajarinya.⁴¹ Walau bagaimanapun, akhirnya sekolah tersebut mendapat sambutan dan sokongan dari orang Melayu, apabila pada tahun 1871 A. M. Skinner selaku Pemangku Majistret di Seberang Prai telah menubuhkan kelas al-Quran di sekolah Melayu.⁴² Mok Soon Sang pula menyatakan, apabila sekolah-sekolah ini mendapat sambutan daripada orang Melayu, ia mula diperluaskan ke negeri-negeri lain khususnya semasa A. M. Skinner menjadi nazir sekolah dalam tahun 1872.⁴³ Hal ini telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu ketika itu amat mengambil berat tentang pendidikan agama anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, keadaan ini sedikit sebanyak telah menjejaskan sistem sekolah pondok.

Sekolah pondok merupakan asas kepada sekolah agama rakyat. Kelahiran sekolah Agama/Arab telah berlaku dengan pesat setelah sekolah pondok

⁴⁰ Abdul Hadi Ismail (1994), "Windstelt dan Pendidikan Orang Melayu", *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, jld. 13. 1994/95, h. 1.

⁴¹ Shahril Marzuki (1995), *op. cit.* h. 37.

⁴² Mohd Salleh Lebar (1992), *Perubahan & Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, cet. 2. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h.30.

⁴³ Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee (1990), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, h. 17.

mengalami kemerosotan mulai tahun 1918.⁴⁴ Walau bagaimanapun, dalam situasi kemajuan sekolah-sekolah vernakular yang diasaskan oleh penjajah, kewujudan sekolah Agama/Arab amat terbiar sekali. Pihak penjajah dengan taktik ‘hal-hal agama adalah hak raja-raja negeri’ telah melupakan sama sekali kewujudan madrasah tersebut. Akibatnya sekolah Agama/Arab ini hidup melalui biaya Majlis atau Jabatan Agama Islam negeri masing-masing dalam keadaan serba kekurangan.⁴⁵

Namun begitu, ramai pelajar dari sekolah Agama/Arab ini telah melanjutkan pelajaran di Kolej Islam Kelang (sekarang Kolej Islam Sultan Alam Shah) yang merupakan sebuah institusi pengajian Islam formal yang tertua dalam sejarah Tanah Melayu. Dari kolej ini juga ramai pelajar yang dapat meneruskan pelajaran ke universiti di dalam dan luar negara.⁴⁶ Kolej ini ditubuhkan pada tahun 1955 dan peringkat awal penubuhannya ia dikenali sebagai Muslim College Malaya. Penubuhannya adalah hasil dari cetusan idea beberapa orang ulamak dalam Pertubuhan Mesyuarat Islam Malaya yang ketika itu beribu pejabat di Singapura.⁴⁷ Inisiatif beberapa orang ulamak ini ternyata telah memberi sumbangan yang amat besar dalam dunia pendidikan Islam di Tanah Melayu sehinggalah sekarang.

⁴⁴ Muhd Fauzi Muhammad (2000), “Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia”, dalam *Majalah Dakwah*, Jun, 2000, terbitan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 15.

⁴⁵ Ahmad Mohd Salleh (1997), *op. cit.* h. 74.

⁴⁶ Hamidah Hj Mohd Saad (1993), “KISAS, Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia.” (Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya), h. 64.

⁴⁷ *Ibid*, h. 65.

Sebelum merdeka juga, Ordinan Pelajaran 1952 telah memperuntukkan supaya pelajaran Agama Islam dimasukkan dalam kurikulum sekolah. Dalam pelaksanaannya kelas-kelas agama ini masih dijalankan di luar waktu sekolah yang rasmi iaitu di sebelah petang manakala guru-gurunya dilantik oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri.⁴⁸ Keadaan ini membuktikan bahawa usaha-usaha untuk memertabatkan Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan di Malaysia telah bermula sejak sebelum merdeka lagi.

2.2.3 SELEPAS MERDEKA

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan yang diamalkan masih lagi terpengaruh dengan idea dan objektif gaya pemerintahan Barat, iaitu sistem yang berdasarkan cita rasa semua bangsa.⁴⁹ Ini kerana sistem pendidikan ala-barat yang telah berjalan di bawah zaman penjajahan selama lebih 400 tahun sehinggalah wujudnya Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960). Dalam kedua-dua penyata tersebut, pendidikan Islam telah dibincangkan untuk diletakkan ‘bersama’ di dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta Pelajaran (1961), telah memasukkan mata pelajaran agama Islam di dalam jadual waktu dengan peruntukan masa belajarnya sebanyak 120

⁴⁸ Report Of The Educational Review Committee 1960, dalam Mohd Yusuf Ahmad (2004), “Usaha-usaha JAPIM KPM dalam Pendidikan Al-Quran”, Tesis PHD Jab. Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, UM. h. 152.

⁴⁹ Mohd Salleh Lebar (1996), *op. cit.* h. 1.

minit seminggu.⁵⁰ Laporan Razak telah mencadangkan supaya pelajaran agama dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah dan ia diajar di sekolah-sekolah yang mempunyai 15 orang murid beragama Islam.⁵¹ Menurut Choong Lean Keow, mata pelajaran Pendidikan Islam juga boleh diajar di mana-mana sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang pelajar yang beragama Islam.⁵² Apa yang termaktub dan diberi perhatian dalam Akta Pelajaran (1961) adalah aspek-aspek yang berkaitan dengan tahap pendidikan iaitu pendidikan rendah dan pendidikan menengah serta aspek yang berkaitan dengan Pendidikan Islam.⁵³ Walau bagaimanapun, ahli jawatankuasa yang merencanakan Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib tidak terlintas langsung untuk memasukkan sebuah falsafah dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan berdasarkan perjuangan masyarakat Malaysia. Ini menyebabkan kemunduran pelajar-pelajar Melayu pada masa itu terutamanya dari segi pengisian ilmu agama baik yang belajar di sekolah menengah kebangsaan mahupun yang belajar di sekolah menengah agama kerajaan negeri.⁵⁴

Pada akhir tahun 1960-an dan awal 1970-an, telah wujud satu golongan pelajar yang menuntut agar mata pelajaran agama Islam ditambah dan mata pelajaran ini turut diajar di maktab-maktab dan pusat-pusat pengajian tinggi.

⁵⁰ Zainal Abidin Abdul Kadir (1993), "Reformasi Pendidikan Islam Di Sekolah: Matlamat dan Harapan", dalam Ismail Ab. Rahman *et al.* (ed.), *Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Kuala Terengganu: KUSZA, h. 18.

⁵¹ Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), *Mercu Tanda Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur. h. 7

⁵² Choong Lean Keow (2008), *op. cit.* h. 34.

⁵³ *Ibid*, h. 35.

⁵⁴ Mohd Salleh Lebar (1996), *op. cit.* h. 2.

Akhirnya atas desakan anak-anak muda ini, permintaan mereka telah ditimbang oleh pihak kerajaan dan pada akhir tahun 1970-an segala tuntutan mereka menjadi kenyataan. Maktab Perguruan Islam telah ditubuhkan dan Pengajian Islam (Tamadun Islam) telah dijadikan satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua pelajar. Peruntukan masa bagi mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah juga telah ditambah dari 120 minit seminggu kepada 240 minit seminggu.⁵⁵ Mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam telah ditukar kepada Pendidikan Agama Islam pada pertengahan tahun 1988. Ini kerana konsep pendidikan mempunyai pengertian yang lebih luas yang mana ia telah bermula daripada seseorang itu masih dalam kandungan ibunya sehingga akhir hayat.⁵⁶

Pada tahun 1979, satu laporan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 telah menyatakan bahawa mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam didapati masih belum mencapai satu peringkat yang diharapkan dan kurang menitikberatkan aspek amali.⁵⁷

Berlaku reformasi besar kepada sistem pendidikan negara hasil daripada laporan tersebut, di mana Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) telah diganti

⁵⁵ Ahmad Mohd Salleh (1997), *op. cit.*, h. 76.

⁵⁶ Khotib Al-Hafis (1995), *Pembentukan Generasi Cemerlang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 27.

⁵⁷ Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), “Ke Arah Amalan Dan Penghayatan Nilai Islam: Satu Pendekatan Bersepadu”, dalam Abd Halim El-Muhammady (ed.), *Pendidikan Islam: Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Bangi; Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, h. 107-108.

dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 dan telah dilaksanakan sepenuhnya di semua sekolah rendah mulai tahun 1983. Di peringkat menengah pula Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) telah menggantikan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) bermula pada tahun 1989.⁵⁸

Melalui KBSM, struktur dan kandungan kurikulum Pendidikan Islam serta pendekatan pengajaran dan pembelajarannya jauh berubah dari mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam dalam KLSM.⁵⁹ Dalam KBSM, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam telah memberi penekanan kepada penghayatan dan amalan Islam di samping memberi kefahaman tentang ajaran Islam keseluruhannya.⁶⁰

Akhir 1980-an merupakan tahun-tahun reformasi dan penjelmaan kembali pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan Negara. Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah menjadikan 'kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan' sebagai teras dan dasar penjurusan segala aktiviti pendidikan. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan FPN telah mendokong cita-cita dan hasrat Falsafah Pendidikan Islam yang juga ingin melahirkan generasi yang seimbang dari segi intelek, emosi,

⁵⁸ *Ibid.* h. 109.

⁵⁹ Zainal Abidin Abdul Kadir (1993), *op. cit.* h. 18.

⁶⁰ Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op. cit.*, h. 109.

rohani dan jasmani serta tunduk dan patuh kepada Tuhan.⁶¹ Keseluruhan struktur kurikulum pendidikan kebangsaan telah diubah suai agar setiap mata pelajaran turut mendokong cita-cita FPN dengan menerapkan nilai-nilai murni sejagat yang mana keseluruhan nilai tersebut adalah nilai dari ajaran Islam. Malah dari segi pendekatan pengajaran juga terdapat unsur-unsur gabung jalin serta penyerapan di antara mata pelajaran seperti mata pelajaran Sains dan Geografi contohnya diserapkan dengan akidah dan syariah Islamiah.⁶²

Sistem Pendidikan Kebangsaan yang mendokong pembangunan pendidikan Islam telah dibuktikan lagi dengan kewujudan dan perkembangan sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), kelas aliran agama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan wujudnya mata pelajaran elektif seperti Tasawwur Islam, Pendidikan Al-Quran dan Sunnah serta Pendidikan Syariah Islamiah di peringkat pengajian menengah atas (Tingkatan Empat dan Lima). Manakala di peringkat menengah tinggi (Tingkatan Enam) pula, pelajar-pelajar dapat mempelajari mata pelajaran Syariah dan Usuluddin.⁶³ Hal ini membuktikan betapa pihak kerajaan telah melaksanakan usaha-usaha ke arah memertabatkan ilmu-ilmu Islam dalam sistem pendidikan di negara kita.

⁶¹ Ahmad Mohd Salleh (1997), *op. cit.*, h. 76.

⁶² *Ibid.*

⁶³ *Ibid.*

2.3 SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada keutuhan sistem pendidikan selain daripada kestabilan politik, ekonomi, kebudayaan dan sistem nilai masyarakat. Ketiadaan dasar pendidikan yang sempurna dan mantap dengan falsafah yang jelas, sistem pendidikan adalah tidak sempurna sifatnya kerana mempunyai pelbagai bentuk dan corak yang tidak berfokus.⁶⁴

Pada amnya, rakyat Malaysia meletakkan nilai yang tinggi terhadap pendidikan. Masyarakat umum menganggap pendidikan sebagai satu pelaburan penting untuk memperkuatkan daya intelektual dan kemahiran kerja. Berdasarkan kepentingan pendidikan dalam proses pembangunan individu dan masyarakat, maka dasar-dasar pendidikan kerap dikaji semula dan diperbaharui oleh pihak kerajaan agar sistem pendidikan sentiasa seiring dengan kemajuan masyarakat dan kemajuan teknologi maklumat masa kini.⁶⁵

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Pelajaran Baru pada tahun 1970 dengan cara berperingkat-peringkat bermula dari sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Seiring dengan itu juga sistem pengajian agama di bawah kerajaan negeri diubah suai agar selari dengan

⁶⁴ Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2008), *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Perak: Tanjung Malim, h. 61.

⁶⁵ Sufean Hussin (2004), *op. cit.* h. 13.

Dasar Pelajaran Baru.⁶⁶ Bermula saat ini, mata pelajaran pendidikan Islam dilihat telah mendapat tempat dalam sistem pendidikan di Malaysia setanding dengan mata pelajaran yang lain.

2.3.1 PEMBENTUKAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN (FPK)

Secara amnya falsafah pendidikan adalah suatu bidang kajian, spekulasi dan pengalaman yang mana metod falsafah digunakan untuk mengkaji masalah atau isu yang berkaitan dalam sistem pendidikan. Menurut Abd. Fatah, falsafah pendidikan ialah suatu sistem kepercayaan, pegangan atau prinsip am yang membincangkan pelbagai hal mengenai pendidikan dan pengajaran yang patut dijalankan di sekolah atau di bilik-bilik darjah.⁶⁷

Menyedari konsep pendidikan yang lebih luas, maka sudah tentu keadaan ini memerlukan kepada suatu falsafah pendidikan. Atas kesedaran inilah, pihak Kementerian Pelajaran telah melancarkan sebuah falsafah pada tahun 1988 yang dikenali dengan nama Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebenarnya diambil kira daripada pelbagai aspek bagi menghasilkan bangsa yang maju, bertamadun, berdaya saing dan tahan diuji baik dari segi mental mahupun emosi.

⁶⁶ Mohd Salleh Lebar (1996), *op. cit.* h. 3

⁶⁷ Abd Fatah Hasan, "Falsafah Pendidikan", dalam Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2008), *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Perak: Tanjung Malim, h. 44.

Menurut Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, tujuan pembentukan falsafah ini adalah untuk menreformasikan aspek sosioekonomi, pembangunan tenaga manusia, pembentukan kemanusiaan, pemodenan, kebudayaan, nilai-nilai, alam sekitar, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi serta pengantarabangsaan.⁶⁸ Bagi mencapai aspirasi dan visi tersebut, pihak yang merangka falsafah tersebut telah berusaha bersungguh-sungguh agar pelaksanaan model yang baru ini dapat membendung anasir sosial yang tidak sihat dan boleh merosakkan nama baik sesebuah negara.⁶⁹ Harapan negara agar generasi yang dididik dan dibesarkan pada awal tahun 1990-an adalah generasi yang bijak dari segi mental dan dalam waktu yang sama memiliki akhlak yang mulia, bersepadu dari segi amalan, sihat dan dihormati oleh seluruh masyarakat dunia.

Pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini ialah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan

⁶⁸ Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1991), ‘Reformasi Pendidikan, Rasional, Falsafah dan Strategi’ (Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Kursus Orientasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di Pusat Perkembangan Kurikulum, Jun 1991), h. 3.

⁶⁹ Mohd Salleh Lebar (1996), *op. cit.* h. 4.

berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”⁷⁰

Menurut Tajul Ariffin Noordin, pernyataan falsafah adalah merupakan kejayaan terbesar dalam sistem pendidikan kebangsaan sejak negara mencapai kemerdekaan hingga ke hari ini.⁷¹ Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga adalah bingkai yang menggariskan secara kasar sistem pendidikan kebangsaan dalam bentuk pernyataan yang global sebagai panduan pelaksanaan KBSR dan KBSM.⁷² Secara kesimpulannya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi teras dan tunjang kepada sistem pendidikan kebangsaan. Ia menggambarkan generasi baru Malaysia yang hendak dilahirkan menerusi pelaksanaan KBSR dan KBSM untuk membangunkan Malaysia agar menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

⁷⁰ ‘Teks Pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan’ (Teks Pernyataan Pendidikan Kebangsaan Diedarkan Kepada Pegawai PPK, 3 Julai 1989), h. 4.

⁷¹ Tajul Ariffin Noordin (1991), ‘Kertas Cadangan Wawasan Pendidikan Islam 2020’ (Kertas Cadangan Bengkel Wawasan Pendidikan Islam di Malaysia Tahun 2020 Diedarkan Kepada Peserta Bengkel, 25 Januari 1991), h. 11.

⁷² Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1991), ‘Falsafah Pendidikan Negara Dalam Menghadapi Dasawarsa 90-an: Satu Kajian Semula Terhadap Pembinaan Tradisi Intelektual Malaysia’ (Kertas Kerja Dibentangkan di Jabatan Penuntut Malaysia, London, Februari 1991), h. 7.

2.3.2 FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM FPK

Pelaksanaan KBSR dan KBSM berpandukan pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam dinyatakan secara tersurat pada tahun 1988. Hal ini kerana asas pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu sendiri digubal berteraskan ketuhanan dan bertujuan untuk melahirkan golongan yang dapat menyepadukan antara kepentingan dunia dengan akhirat.⁷³ Pernyataan pertama yang terkandung dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi panduan kepada semua mata pelajaran termasuklah Pendidikan Islam, manakala pernyataan kedua menjadi panduan untuk mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pengajian Islam.

Pernyataan Falsafah Pendidikan Islam adalah seperti berikut:

Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri,

⁷³ Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim (1996), *Dasar-dasar Kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Zafar Sdn. Bhd., cet. 2, h. 126.

*masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.*⁷⁴

Falsafah ini telah menjelaskan bahawa generasi Islam yang hendak dibentuk adalah mereka yang berilmu pengetahuan agama. Ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh mereka dapat memberi manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara. Generasi yang ingin dibentuk juga adalah generasi yang mempunyai iman yang kental dalam diri serta teguh ketahanan diri bagi menghadapi cabaran globalisasi yang semakin mencabar.⁷⁵ Selain dari itu, falsafah ini juga menggambarkan bentuk generasi Islam Malaysia yang seimbang, sepadu dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani menerusi pelaksanaan Pendidikan Islam KBSR dan KBSM.

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah, selain daripada memberi pengetahuan tentang agama Islam, ia juga berhasrat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang kuat imannya, kuat ibadahnya, berpegang kepada cara hidup Islam dan kuat ketakwaannya.⁷⁶ Hasilnya, mereka mempunyai benteng pertahanan yang kukuh dalam menghadapi cabaran negatif gejala sosial yang semakin berleluasa dewasa ini.

⁷⁴ 'Falsafah, Matlamat dan Objektif Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah' (Kertas Kerja Bahagian Pendidikan Islam Dibentangkan Dalam Kursus Orientasi Kakitangan Sumber Pendidikan Islam KBSM di Pusat Perkembangan Kurikulum, Mac 1988), h. 12.

⁷⁵ Mohd Ali Hashim (2011), "Pendidikan Islam dan Elektif Pengajian Islam KBSM: Kajian Terhadap Pembentukan dan Pencapaian Objektifnya." (Tesis Doktor Falsafah Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). h. 113.

⁷⁶ Ahmad Mohd Salleh (1997), *op. cit.*, h. 137.

Seiring dengan objektif Falsafah Pendidikan Islam itu, peruntukan waktu Pendidikan Islam dalam KBSR dan KBSM mula ditambah. Peringkat Menengah Rendah diperuntukkan 120 minit seminggu untuk kurikulum, 80 minit untuk aktiviti kokurikulum dan 40 minit untuk aktiviti solat berjemaah atau amali solat. Ini berbeza dengan KLSM yang hanya memperuntukkan waktu 120 minit tanpa waktu amali solat.⁷⁷

Secara keseluruhannya, pernyataan falsafah ini menegaskan bahawa pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM memberi penekanan kepada:⁷⁸

1. Ilmu atau pengetahuan
2. Kemahiran atau amalan
3. Menghayati Islam
4. Membentuk sikap
5. Membentuk peribadi dan akhlak
6. Membentuk pandangan hidup atau pemikiran Islam
7. Tanggungjawab membangunkan diri
8. Tanggungjawab membangunkan masyarakat
9. Tanggungjawab membangunkan alam sekitar
10. Tanggungjawab membangunkan Negara

⁷⁷ Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op. cit.*, h. 110.

⁷⁸ Ahmad Mohd Salleh (1997), *op. cit.*, h. 138.

11. Mewujudkan kebaikan dunia
12. Mencapai kesejahteraan abadi di akhirat

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Islam KBSM adalah memberi penekanan yang lebih kepada amalan dan penghayatan Islam. Segala pengajaran dan nilai-nilai murni ajaran Islam mestilah menjadi amalan setiap muslim tanpa kompromi sama sekali dengan amalan lain yang bertentangan dengan Islam.⁷⁹ Penghayatan Islam dalam kalangan pelajar perlu dipupuk oleh para guru Pendidikan Islam. Mereka perlu melipatgandakan usaha ke arah mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Islam ini. Penyusunan pelbagai program dan pelaksanaannya harus dilakukan secara bijaksana tanpa menghiraukan halangan-halangan yang terpaksa dilalui. Usaha ini diharapkan dapat meningkatkan penghayatan Islam dalam kalangan para pelajar dan masyarakat serta dapat mengurangkan gejala tidak sihat dalam kalangan mereka seperti gejala keruntuhan moral, pergaulan bebas, penagihan najis dadah, perbuatan jenayah dan lain-lain lagi.

⁷⁹ *Ibid*, h. 142.

2.4 PERKARA ASAS FARDU AIN (PAFA)

Pada tahun 1974, sebuah Jawatan Kuasa mengkaji mata pelajaran Agama Islam di sekolah telah ditubuhkan. Jawatan Kuasa ini ditugaskan untuk mengkaji berbagai aspek pelajaran Agama Islam termasuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta penyeliaan. Hasil kajian ini telah dilaporkan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979.

Bermulanya penekanan kepada aspek amali dan penghayatan Islam dalam kurikulum Pendidikan Islam di negara ini adalah ekoran daripada laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 tersebut. Dalam laporan itu telah dinyatakan bahawa mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam didapati masih belum mencapai satu peringkat yang diharapkan dan kurang menitikberatkan aspek amali.⁸⁰ Daripada laporan yang dikemukakan itu dapat disimpulkan bahawa:

- a. Aspek amalan dan penghayatan Islam tidak diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Agama Islam.
- b. Pengajaran guru lebih banyak kepada menyampaikan pengetahuan tentang Agama Islam dan kurang menunjuk cara secara praktikal atau amali.

⁸⁰ Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), “Ke Arah Amalan Dan Penghayatan Nilai Islam: Satu Pendekatan Bersepadu”, dalam Abd Halim El-Muhammady (ed.), *Pendidikan Islam: Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Bangi; Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, h. 107-108.

Nik Azis Nik Pa menjelaskan bahawa, pendidikan berbentuk amali amat wajar dilakukan secara praktis sepanjang proses pendidikan yang dilalui oleh pelajar iaitu pendidikan sepanjang hayat.⁸¹ Abdullah Nasih Ulwan mengatakan bahawa amat wajar pelajar dididik dalam bentuk pendidikan amali atau praktis.⁸² Mereka wajar dididik dalam bentuk pendidikan amali secara berterusan sehingga ia menjangkau dewasa. Ini membuktikan keberkesanan pendidikan secara amali terhadap pelajar yang sewajarnya diberi penekanan oleh guru di sekolah terutama perkara yang berkaitan amalan agama.

Realitinya pada waktu itu kurikulum mata pelajaran Agama Islam (tumpuan kepada peringkat sekolah menengah) telah dibentuk berasaskan kepada keperluan dan matlamat untuk memberi pengetahuan mengenai Agama Islam semata-mata kepada para pelajar. Hal ini dapat dilihat melalui penekanan pengajaran dan pembelajarannya yang lebih mengarah kepada penyampaian maklumat dan ilmu mengenai Agama Islam daripada pencapaiannya dalam aspek amalan dan penghayatan Islam dalam kalangan pelajar. Kesan daripada ini pelajar lebih banyak menghafaz fakta daripada memahami fakta dan mempelajari mata pelajaran ini hanya sekadar untuk tahu dan untuk lulus dalam peperiksaan.⁸³

⁸¹ Nik Azis Nik Pa (1990), Program Pendidikan Teori dan Praktis, Kajang, Selangor: Institiut Pengajian Ilmu-ilmu Islam dalam Abdul Mubin b. A. Gani, h.33.

⁸² ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan (1983), *Tarbiyyah Al-Aulad fi Al-Islam*. Dar al-Salam: Qaherah, h. 267.

⁸³ Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op. cit.*, h. 106-107.

Mereka tidak dapat menghubungkaitkan fakta-fakta yang mereka pelajari dengan amalan seharian.⁸⁴

Sehubungan dengan itu, telah berlaku satu perubahan besar kepada sistem pendidikan di Malaysia apabila Kurikulum Bersepadu sekolah Menengah yang menjadi kesinambungan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah mula diperkenalkan pada tahun 1989. Perubahan ini telah membawa kepada perubahan peruntukan waktu untuk mata pelajaran Pendidikan Islam. Peringkat menengah rendah diperuntukkan 120 minit seminggu adalah untuk kurikulum, 80 minit untuk aktiviti ko-kurikulum dan 40 minit untuk aktiviti amali solat.⁸⁵

Reformasi pendidikan ini juga telah memberi penekanan supaya pendidikan Islam menitikberatkan keupayaan setiap pelajar dalam memahami aspek akidah serta boleh beramal dengan ibadat yang telah difardukan dan beramal dengan akhlak Islam. Ini menjadikan waktu pembelajaran Pendidikan Islam telah ditambah dari 3 waktu menjadi 6 waktu seminggu. Pertambahan waktu inilah yang telah memberi ruang 1 waktu bagi amali solat atau solat berjemaah dan 2 waktu tambahan untuk memperkukuhkan kurikulum. Melalui

⁸⁴ Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: UM, h. 106.

⁸⁵ Mohd Ali Hashim (2011), *op. cit.* h. 131.

pelaksanaan Pendidikan Islam KBSM, 1 waktu untuk solat berjemaah atau dikenali juga sebagai waktu amali solat mula diperkenalkan.⁸⁶

Namun begitu selepas 7 tahun KBSM ini dilaksanakan, masih terdapat lagi pelajar yang keluar dari sekolah tetapi buta fardu ain malah mereka juga turut hanyut dalam arus keruntuhan akhlak dan perlakuan jenayah. Keadaan ini menunjukkan bahawa ilmu yang mereka perolehi di sekolah tidak diamalkan atau dihayati.⁸⁷ Justeru itu, Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) mula diperkenalkan pada tahun 1995 untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah Kementerian Pelajaran Malaysia dengan harapan pelajar-pelajar akan lebih mantap kefahaman dan penghayatan fardu ain khasnya apabila mereka meninggalkan bangku persekolahan. Secara kesimpulannya, pihak kerajaan juga telah menunjukkan sifat keprihatinannya dalam menangani permasalahan sosial yang didapati berpunca dari kurangnya penghayatan agama dalam kalangan para pelajar sekolah.

2.4.1 MAKSUD PAFA

Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) ialah beberapa perkara yang terpenting daripada fardu ain yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, yang hendak dipastikan supaya setiap murid benar-benar mengetahui, memahami

⁸⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, Kuala Lumpur, h. 28.

⁸⁷ Kementerian Pelajaran Malaysia (1995), Buku Panduan PAFA, h. 11

dan boleh mengamalkannya dengan cara yang betul dan sempurna mengikut syarak.⁸⁸ Dalam aspek penilaian, murid dapat mencapai tahap kefahaman yang betul dan dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

2.4.2. TUJUAN PAFA

Pelaksanaan PAFA telah bermula pada tahun 1995 di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran. Ia merangkumi semua pelajar dari peringkat yang paling rendah sehingga peringkat yang paling tinggi iaitu pelajar Tingkatan Lima. Terdapat 3 tujuan utama yang telah ditetapkan oleh pihak pelaksana untuk dicapai iaitu:

- 1- Mengenalpasti murid atau pelajar yang lemah dalam kefahaman dan amalan Perkara Asas Fardu Ain, kemudian membimbing sehingga mereka dengan sendirinya faham serta dapat mengamalkannya dengan betul dan sempurna.
- 2- Memastikan tidak terdapat sebarang keciciran dalam PAFA atau dengan perkataan lainnya menentukan kejayaan 100%.
- 3- Menimbulkan dan menyuburkan keinsafan serta kerelaan yang positif untuk menghayatinya dalam amalan kehidupan seharian.

⁸⁸ Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1994, h. 1.

Berbekalkan rangka tujuan yang begitu tinggi, pihak pelaksana telah berusaha sedaya upaya untuk mencapainya dengan harapan dapat melahirkan generasi yang celik fardu ain serta yang konsisten dalam melaksanakan perintah Allah SWT.

2.4.3 TAJUK-TAJUK PAFA

Penilaian dalam PAFA memfokuskan kepada kemahiran-kemahiran fardu ain seperti cara bersuci hadas kecil dan besar, solat fardu dan juga fardu kifayah seperti solat jenazah. Buku untuk panduan PAFA telah disediakan oleh Bahagian Pendidikan Islam untuk menilai impak Pendidikan Islam kepada pelajar. Antara tajuk-tajuk yang difokuskan dalam buku panduan yang digunakan oleh pelajar menengah rendah adalah seperti berikut:

- (a) Mengucap dua kalimah syahadah
- (b) Rukun Iman
- (c) Rukun Islam
- (d) Beristinjak
- (e) Membersihkan diri, pakaian dan tempat daripada najis
- (f) Berwuduk
- (g) Bertayammum
- (h) Mandi wajib
- (i) Solat fardu, termasuk azan, iqamah, menjawab azan dan iqamah serta bacaan doa selepas azan dan iqamah.

- (j) Solat jenazah
- (k) Puasa
- (l) Adab terhadap ibubapa
- (m) Sifat ehsan

2.4.4 CARA PENILAIAN PAFA

Penilaian PAFA dijalankan melalui peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dikendalikan sepenuhnya oleh sekolah dan di bawah pengurusan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Penilaian ini diharapkan akan memberi kesedaran terhadap pentingnya PAFA dalam usaha membentuk individu yang berakidah, rajin beribadat serta berakhlak mulia. Menurut Mohd Ali Hashim, semua kemahiran yang dinilai dalam PAFA bertujuan memastikan pelajar menguasai kemahiran fardu ain yang wajib diketahui oleh setiap pelajar.⁸⁹

Tempoh penilaian yang ditetapkan adalah sepanjang tahun peperiksaan tersebut. Penilaian ini dijalankan secara lisan dan amali dan perlu diselesaikan sebulan sebelum peperiksaan bertulis dijalankan. Penilaian secara lisan adalah untuk menentukan pelajar dapat mencapai kefahaman yang sebenar manakala cara amali pula untuk menentukan pelajar boleh melakukan ibadat yang

⁸⁹ Mohd. Ali Hashim (2011), *op.cit.* h.193.

ditentukan dengan betul dan sempurna. Sebagai contoh, solat fardu dinilai bermula dari niat solat, bacaan dan perbuatan dalam solat.⁹⁰

Soalan dan jawapan penilaian adalah tidak menjadi rahsia, yang mana pelajar akan diberitahu mengenainya pada awal tahun peperiksaan malah setiap pelajar akan dibekalkan dengan sebuah buku teks sebagai panduan penilaian tersebut. Menurut Mohd Ali Hashim, dalam prosedur pelaksanaan PAFA, soalan diberitahu lebih awal dan tidak ada kerahsiaan.⁹¹ Pelajar-pelajar juga akan diberi masa, peluang dan bimbingan secukupnya untuk mengulang, memperbetulkan, memperbaiki kesalahan dan kelemahan mereka sehingga mereka benar-benar faham serta dapat mengamalkannya dengan betul dan sempurna. Pelajar juga boleh berbincang dengan guru untuk menetapkan bila tarikh mereka hendak diuji.⁹²

Penilaian ini juga akan menggunakan dua borang iaitu borang individu dan borang kelompok. Penilai akan menggunakan kedua-dua borang ini ketika membuat penilaian. Kemudian ia akan disahkan oleh pihak sekolah dan Jabatan Pelajaran Negeri sebelum dihantar ke Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia akan melaporkan 'LULUS' dalam pernyataan keputusan dan sijil peperiksaan bagi calon yang berjaya menguasai,

⁹⁰ *Ibid*, h.194.

⁹¹ *Ibid*.

⁹² Normah Yamin (1999), *op. cit.* h. 31

faham dan dapat mengamalkan semua soalan PAFA dengan betul dan sempurna.⁹³ Sebagai kesimpulannya, penilaian PAFA yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sebenarnya mampu melahirkan para pelajar yang dapat memahami serta mengamalkan perkara-perkara asas fardu ain dengan betul, sempurna dan secara konsisten sekiranya ia diurus dengan baik.

2.5 PROGRAM AMALI SOLAT DALAM PAFA

Program Amali Solat ini dilaksanakan atas kesedaran pihak kerajaan berkaitan fenomena pelajar yang keluar dari sekolah tetapi buta fardu ain, seterusnya mereka hanyut dalam arus keruntuhan akhlak dan perlakuan jenayah. Keadaan ini menunjukkan bahawa ilmu yang mereka perolehi di sekolah tidak diamalkan atau dihayati. Keadaan ini juga telah mengundang kebimbangan dan keresahan banyak pihak khususnya para ibu bapa dan golongan pendidik. Abdullah Nasih Ulwan telah menegaskan bahawa dalam konsep pendidikan kepada pelajar tentang solat, guru perlu memberi perhatian serius dan mendidik mereka supaya sanggup melaksanakan tanggungjawab menyempurnakan solat setiap hari di samping sedar akan tanggungjawab sebagai seorang muslim.⁹⁴

Berikutan dengan penubuhan sebuah Jawatan Kuasa mengkaji mata pelajaran Agama Islam di sekolah pada tahun 1974, yang ditugaskan untuk mengkaji berbagai aspek pelajaran Agama Islam termasuk kurikulum, pengajaran

⁹³ *Ibid*, h. 32.

⁹⁴ Abdullah Nasih Ulwan (1983), *op. cit.* h. 159.

dan pembelajaran serta penyeliaan, satu hasil kajian ini telah dilaporkan. Hasil kajian ini telah dilaporkan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979. Bermulanya penekanan kepada aspek amali dan penghayatan Islam dalam kurikulum Pendidikan Islam di negara ini adalah ekoran daripada laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 tersebut.⁹⁵

Sehubungan dengan itu, satu perubahan besar kepada sistem pendidikan di Malaysia telah berlaku apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang menjadi kesinambungan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah mula diperkenalkan pada tahun 1989. Perubahan ini telah membawa kepada perubahan peruntukan waktu untuk mata pelajaran Pendidikan Islam. Pertambahan waktu inilah yang telah memberi ruang 1 waktu bagi amali solat atau solat berjemaah dan 2 waktu tambahan untuk memperkukuhkan kurikulum.⁹⁶ Melalui pelaksanaan Pendidikan Islam KBSM, 1 waktu untuk solat berjemaah atau dikenali juga sebagai waktu amali solat mula diperkenalkan. Waktu amali solat ini dikenali juga sebagai Program Amali Solat. Cara pelaksanaannya secara ringkas telah digariskan oleh pihak KPM iaitu pengisian waktu amali ini perlu diisi dengan pemantauan oleh pihak guru bermula dari pelajar mengambil wuduk. Seterusnya pelajar melaksanakan solat secara berjemaah.⁹⁷ Perkara yang juga perlu diberi perhatian utama oleh guru dalam amali solat ialah mendengar bacaan-bacaan

⁹⁵ Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op. cit.*, h. 107-108.

⁹⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), *op. cit.* h. 28

⁹⁷ Abdul Mubin b A. Gani (1999), *op. cit.* h. 32

pelajar dalam solat serta melihat kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar waktu menunaikan solat. Kesilapan yang dilakukan mungkin berpunca dari pengetahuan yang kurang mendalam tentang amalan solat.⁹⁸ Maka, melalui Program Amali Solat ini pelajar akan dibimbing dan diberi panduan oleh guru pendidikan Islam untuk memperbaikinya.

2.5.1 KEPENTINGAN SOLAT DALAM KEHIDUPAN

Solat adalah salah satu ibadah yang perlu dilaksanakan oleh setiap muslim. Ia bukan sahaja dilihat sebagai lambang agama tetapi ia mempunyai keistimewaan yang unggul sesuai dengan kesyumulan Islam itu sendiri. Kedudukan dan kepentingan solat ini disentuh secara langsung oleh Allah SWT sama ada melalui ayat-ayat al-Quran mahupun Sunnah Rasulullah SAW yang memberi perhatian yang berat dan serius terhadap perintah solat.⁹⁹ Menurut Amran Kasimin, banyak ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan tentang kedudukan solat ini diterangkan di dalam pelbagai bentuk dan tujuan sama ada dalam bentuk perintah yang tegas, memuji orang yang mengerjakannya dan terdapat juga ayat yang mencela mereka yang meninggalkannya.¹⁰⁰ Antara dalil-dalil dalam al-Quran yang menyatakan tentang solat adalah doa Nabi Ibrahim AS iaitu:

⁹⁸ *op. cit.* h. 33.

⁹⁹ Abdul Rasyid Ahmad (2003), *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd. h. 47.

¹⁰⁰ Amran Kasimin (1992), *Bagaimana Mencegah Kejahatan Melalui Sembahyang*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers. h. 7




Maksudnya

"Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.

Surah Ibrahim: Ayat 40

Selain daripada itu, terdapat firman Allah SWT mengenai kewajipan solat yang perlu dilakukan oleh setiap mukmin iaitu:



Maksudnya:


Apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu

ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

Surah Al-Nisa': Ayat 103

Kedudukan ini juga jelas menunjukkan pentingnya solat sebagai praktikal lahir dan batin yang diucapkan sepenuh hati terhadap Allah SWT bertujuan membenarkan ucapan dua kalimah syahadah.¹⁰¹

Solat juga menjadi sebahagian amalan orang yang mempunyai sifat takwa.¹⁰² Hakikat ini diterangkan oleh Allah SWT dalam firmanNya:



Maksudnya:

Alif, Laam, Miim. Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang

¹⁰¹ Wahbah al-Zuhayli (1985), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, j. 1, c.3. Damsyik: Dar al-Fikr, h. 497.

¹⁰² Haron Din (1989), *Manusia dan Islam*, c. 4. Shah Alam: Hizbi Marketing Sdn Bhd. h. 114.

(hendak) bertaqwa; iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Surah al-Baqarah: ayat 1-3

Dalam aspek yang lain pula, al-Quran telah menerangkan bahawa ibadat solat yang dilakukan semata-mata kerana Allah SWT dapat membersihkan diri seseorang dan mengawal diri dari terjerumus ke lembah kehinaan serta naluri-naluri yang tidak sihat sebagaimana dalam firmanNya:



Maksudnya:

Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar;

Surah al-Ankabut: ayat 45

Dengan itu dapatlah difahami bahawa mengerjakan solat menjadi ukuran untuk menilai martabat keimanan seseorang kepada Allah SWT. Justeru, seseorang yang mengerjakan solat dianggap beriman kepada

Allah SWT. Sebaliknya pula, ia dianggap sebagai orang kafir yang ingkar kepada Allah SWT. Hal ini telah dinyatakan dalam hadis iaitu:

العهد الذي بيننا وبينهم الصلاة, فمن تركها فقد كفر

Maksudnya:

*Janji yang mengikat antara kami dan mereka ialah solat, maka barang siapa yang meninggalkan solat maka bererti dia telah kafir.*¹⁰³

Dalam hadis yang lain pula Rasulullah SAW telah bersabda iaitu:

بين الرجل وبين الشرك والكفر ترك الصلاة

Maksudnya:

*“Di antara ciri yang membezakan seseorang itu (sama ada muslim atau kafir) adalah meninggalkan solat.”*¹⁰⁴

¹⁰³ Al-Imam al-Mujtahid al-‘Allamah Muhammad bin ‘Ali al-Syawkani (1996), Nayl al-Awtar, Kitab al-Solah, Bab Hujjah Man Kaffara Tarik al-Solah, no. hadith 402.

¹⁰⁴ Al-Imam Abu Husayn Muslim bin Hujjaj al-Qusyayri al-Nisaburi (1995), Sahih Muslim, Kitab al-Iman, Bab Bayan Ithlaq Ismu al-Kufr ‘ala Man Taraka al-Solah, no. hadith 134.

Solat merupakan medium utama hubungan manusia dengan Allah SWT secara langsung tanpa perantaraan yang mampu menyuburkan keimanan seseorang. Cara beribadat sebegini sangat berbeza dengan sembahyang yang dilaksanakan oleh penganut agama lain. Bahkan dalam solat semua elemen rukun iman secara bersepadu dapat dihayati bermula dengan takbiratul ihram sehingga salam.¹⁰⁵ Justeru, solat adalah manifestasi keimanan kepada Allah SWT dan perkara ghaib. Di antara kesan ibadah solat ini dalam pembentukan keperibadian seseorang insan adalah melahirkan individu yang tenang jiwanya.

Para doktor jiwa hari ini juga telah sepakat menyatakan bahawa rawatan kepada pesakit jiwa adalah dengan meluahkan segala perasaan yang terpendam kepada orang lain. Ini kerana sikap menyembunyi atau memendam perasaan duka dalam hati akan bertambah parah. Maka orang yang bersolat secara langsung akan bermonolog dengan Allah SWT serta mencurahkan segala perasaan duka, kecewa, kesal dan susah hati kepadaNya. Justeru, ini akan menjadikan jiwanya tenang dan pasrah kepada Allah SWT. Selain itu solat juga dapat membentuk individu yang mempunyai daya ketahanan fizikal, mental dan rohani yang kental sehingga mampu untuk melaksanakan amar makruf dan berani mencegah kemungkaran.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Hajar Opir (2006), "Metodologi Pembangunan Akhlak di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Kajian Khusus di SMI Al-Amin Gombak, Selangor." (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). h. 49.

¹⁰⁶ *Ibid.*

Solat juga akan membuatkan seseorang merasa kehangatan hubungannya dengan Allah SWT, sentiasa hampir dengan Allah SWT serta melupakan seketika apa yang berlaku di sekelilingnya.¹⁰⁷ Ketenangan yang diperolehi oleh seseorang melalui solat akan menjadikan dirinya sentiasa rindu menunggu waktu solat fardu, segera untuk bermunajat kepada Allah SWT dengan meninggalkan segala urusan kerja dan aktiviti harian untuk sementara waktu.¹⁰⁸ Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW dalam hadisnya:

وجعلت قرّة عيني في الصلاة

Maksudnya:

*“Aku telah jadikan dalam solatku penyejuk mata”*¹⁰⁹

Mustafa Masyhur menyatakan, solat adalah perisai dan benteng yang paling kebal dalam menghadapi fitnah, kejahatan, kemungkaran dan hasutan syaitan. Seseorang itu akan merasakan Allah SWT sentiasa mengawasi dan memerhatikan tingkah lakunya, itulah sebabnya ia akan menjauhkan dirinya dari segala bentuk kemungkaran serta menjaga dirinya dari perkara-perkara negatif.¹¹⁰ Ini membuktikan betapa solat amat penting untuk dilaksanakan oleh seseorang yang bergelar muslim secara konsisten dan sempurna kerana solat adalah titik

¹⁰⁷ Mustafa Tahan (2006), *Al-Tarbiyyah Wa Dauruha Fi Tashkil Al-Suluk*, Dar Al-Wafa': Al-Mansurah. h. 271

¹⁰⁸ Mustafa Masyhur (1992), *Muqawwimat Rijal Al- 'Aqidah 'Ala Tariq Al-Da 'wah*, Dar Al-Tauzi' wa Al-Nasyr Al-Islamiah: Qaherah. h. 31.

¹⁰⁹ Salih bin al-Abd Aziz b Muhammad b Ibrahim (2000), *Mawsuah al-Hadith al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*, cet. 3, h. 2307.

¹¹⁰ Mustafa Masyhur (1987), *op. cit.* h.129

permulaan ke arah pembentukan individu yang benar-benar komited dengan ajaran Islam.

2.5.2 HUBUNGAN SOLAT DENGAN AKHLAK

Ibadat solat yang dilakukan dengan sempurna serta ikhlas semata-mata kerana Allah SWT akan memberi impak positif kepada seseorang. Al-Quran sendiri telah menjelaskan tentang hubungkaitan antara solat dengan akhlak serta perilaku seseorang dalam firman Allah SWT iaitu:



Maksudnya:

“Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar;”

Surah Al-Ankabut: Ayat 45

Syed Qutb di dalam mentafsir ayat ini menyatakan bahawa suruhan mengerjakan solat kepada seluruh mukmin kerana ia mampu mencegah seseorang dari perkara yang keji dan mungkar. Solat adalah penghubung secara terus dengan Allah SWT yang menyebabkan pelakunya merasa malu kepada Allah SWT untuk melakukan

sebarang dosa dan maksiat. Justeru itu ia dapat menyucikan diri dan jiwanya dari sebarang kejahatan dan kemungkaran.¹¹¹

Menurut Ibn Kathir pula, solat mengandungi dua perkara penting iaitu meninggalkan kejahatan serta kemungkaran. Maksudnya seseorang yang sentiasa konsisten dalam melaksanakan solat, ia akan menjauhkan dirinya dari kejahatan dan kemungkaran.¹¹² Sesungguhnya solat mempunyai tiga sifat. Sekiranya tidak disertai dengan tiga sifat ini maka seolah-olah tiada solat bagi seseorang itu. Tiga sifat tersebut ialah ikhlas, *khasyah* (takutkan Allah SWT) dan *zikrullah* (ingatkan Allah SWT). Sifat ikhlas akan menyuruh seseorang melakukan kebaikan, sifat *khasyah* pula mencegahnya dari kemungkaran dan sifat *zikrullah* akan menyuruhnya kepada kebaikan serta mencegah dari kemungkaran.¹¹³


Pelaksanaan solat juga secara tidak langsung dapat membentuk jati diri seorang mukmin. Seseorang itu akan dapat mengawal dirinya dari terjerumus ke lembah yang hina serta kegiatan yang tidak bermoral. Mereka akan merasakan Allah SWT sentiasa mengawasi dan memerhatikan tingkah lakunya, itulah sebabnya ia akan menjauhkan dirinya dari segala bentuk kemungkaran serta menjaga dirinya dari perkara-perkara negatif. Dalam erti kata yang lain, solat yang sempurna mampu membentuk peribadi dan akhlak yang mulia dalam diri

¹¹¹ Syed Qutb (1987), *Tafsir Fi Zilal al-Quran*, Qaherah: Dar al-Syuruq, c. 13, j. 5, h. 2738.

¹¹² Ibn Kathir (1993), *Tafsir Ibn Kathir*, Dar Al-Salam Li Al-Nasyr Wa al-Tawzi': Riyadh, j. 3, h. 2155

¹¹³ *Ibid*, h. 2156.

seseorang.¹¹⁴ Sebaliknya orang yang meninggalkan solat akan cenderung untuk melakukan kejahatan bahkan ia bakal menjadi penghuni neraka sebagaimana yang disebut oleh Allah SWT dalam firmanNya:



Maksudnya:

“Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka),”

Surah Maryam: Ayat 59

Hasil tinjauan kepada dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain, pengkaji dapat merumuskan bahawa solat yang dilakukan oleh seseorang dengan sempurna banyak memberi impak positif dalam kehidupan mereka. Sebaliknya, apabila solat diabaikan dalam kehidupan, seseorang itu mudah terjebak dengan berbagai gejala negatif. Di antaranya ialah Fariyah Hussain¹¹⁵

¹¹⁴ Hajar Opir (2006), *op. cit.* h.50.

¹¹⁵ Fariyah Hussain (2006), *op. cit.*

dalam kajiannya *Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Suatu Kajian Di Alor Setar*, mendapati tiada penghayatan ibadah khusus harian terutamanya solat fardu telah menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pengabaian ibadah solat fardu adalah antara faktor berlakunya gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja dalam masyarakat hari ini.

Hasil kajian Mohd Suhardi Mat Jusoh¹¹⁶ mengenai *Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja Di Daerah Pasir Putih, Kelantan* juga mendapati remaja yang sering mengabaikan solat lebih mudah terjebak dengan gejala sosial berbanding remaja yang konsisten dalam melaksanakan solat. Azizah Zakaria¹¹⁷ pula yang mengkaji tentang *Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam Falsafah Etika al-Ghazali Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara, Shah Alam* mendapati, terdapat pelajar yang tidak konsisten dalam menunaikan solat dan golongan ini lebih mudah terjebak dengan perkara-perkara yang tidak baik.

Kesimpulannya, solat adalah suatu ibadah yang paling penting dan utama berbanding ibadah yang lain kerana melalui solat seseorang hamba menumpukan sepenuh hati, pemikiran dan seluruh jiwanya dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT.¹¹⁸ Pelaksanaan solat yang sempurna juga dapat membentuk keperibadian dan akhlak seseorang individu dengan akhlak yang mulia lagi terpuji. Secara tidak langsung juga membentuk jati diri dan benteng untuk

¹¹⁶ Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004), *op. cit.*

¹¹⁷ Azizah Zakaria (2004), *op. cit.*

¹¹⁸ Safwan Fathi (2000), *Kemanisan Solat*, c.1. Kuala Lumpur: OMMO Enterprise. h. 30.

menangkis sebarang kejahatan. Dari situ akan lahir generasi yang sentiasa patuh kepada suruhan Allah SWT serta menjauhi sebarang laranganNya, berperibadi tinggi, berakhlak mulia dan bertanggungjawab terhadap masyarakat, agama, bangsa dan negara sebagaimana yang terkandung dalam matlamat Pendidikan Islam.

2.5.3 PELAKSANAAN AMALI SOLAT DI SEKOLAH

Setelah menyedari kepentingan solat dalam pembentukan akhlak dan budi pekerti mulia serta jati diri pelajar, pada tahun 1995 pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan ujian PAFA (Perkara Asas Fardu Ain) sebagai satu bentuk kerja kursus untuk calon-calon PMR dan SPM. Usaha ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan usaha ke arah amalan dan penghayatan Islam dalam kehidupan pelajar. Menurut Mohd Ali Hashim, satu waktu amali disediakan secara khusus dalam jadual waktu untuk menunaikan solat berjemaah di peringkat sekolah.¹¹⁹ Program Amali Solat ini dilaksanakan juga atas kesedaran pihak kerajaan berkaitan fenomena pelajar yang keluar dari sekolah tetapi buta fardu ain. Fenomena ini tidak berakhir di situ sahaja, bahkan apa yang membimbangkan banyak pihak apabila mereka turut hanyut dalam arus keruntuhan akhlak dan perlakuan jenayah.

¹¹⁹ Mohd. Ali Hashim (2011), *op. cit.* h. 196.

Bermulanya penekanan kepada aspek amali dan penghayatan Islam dalam kurikulum Pendidikan Islam di negara ini adalah ekoran daripada laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979.¹²⁰ Amali solat adalah salah satu komponen yang terkandung dalam PAFA untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah sebagai asas kepada pembentukan modal insan yang bersepadu. Amali solat yang dilaksanakan ini adalah kesinambungan kepada pelaksanaan solat di rumah yang mana ia menjadi tanggung jawab ibu bapa mereka. Tetapi memandangkan sebahagian masa pelajar adalah di sekolah, tanggung jawab untuk memastikan pelajar melaksanakan solat dengan sempurna turut dikongsi oleh para guru khususnya guru-guru agama.

Sehubungan dengan itu, satu perubahan besar kepada sistem pendidikan di Malaysia telah berlaku apabila Kurikulum Bersepadu sekolah Menengah yang menjadi kesinambungan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah mula diperkenalkan pada tahun 1989. Perubahan ini telah membawa kepada perubahan peruntukan waktu tambahan untuk mata pelajaran Pendidikan Islam. Pertambahan waktu inilah yang telah memberi ruang 1 waktu bagi amali solat atau solat berjemaah dan 2 waktu tambahan untuk memperkukuhkan kurikulum dan kokurikulum.¹²¹

¹²⁰ Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op.cit.* h. 107-108.

¹²¹ Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), *op. cit.* h. 28

Dari situ, menjadi tanggung jawab guru agama juga untuk merancang program pemulihan dan pengukuhan berdasarkan keperluan pelajar mereka. Program pemulihan dan pengukuhan juga boleh dilaksanakan dalam 2 waktu tambahan yang mana waktu tersebut memang diisi dengan program atau aktiviti yang ada hubungan dengan sukatan pelajaran.¹²²

2.5.4 MASALAH PROGRAM AMALI SOLAT

Dalam usaha melahirkan generasi yang berakhlak mulia serta bertanggung jawab, pelaksanaan serta penghayatan solat dalam kehidupan adalah perlu diberi perhatian khusus. Oleh itu melalui pelaksanaan Pendidikan Islam KBSM pada tahun 1989, 1 waktu untuk solat berjemaah atau dikenali juga sebagai waktu amali solat di sekolah mula diperkenalkan.

Amali solat iaitu salah satu komponen yang terkandung dalam PAFA telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah sebagai asas kepada pembentukan modal insan yang bersepadu. Namun begitu, tidak dinafikan di sebalik usaha murni tersebut terdapat halangan dan masalah yang terpaksa dilalui oleh pihak pelaksana mahu pun pelajar sekolah itu sendiri. Di antara masalah yang telah dikenal pasti ialah masalah kehadiran pelajar yang tidak penuh dalam Program

¹²² Bahagian Pendidikan Islam (1989), *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Islam KBSM di Sekolah Menengah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 2.

Amali Solat.¹²³ Ini menyebabkan usaha-usaha pembelajaran yang berfokuskan solat terjejas.

Laporan kajian Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) tahun 1993 juga telah menunjukkan bahawa daripada 1,053 sekolah yang dijadikan sampel kajian, di dapati 884 (83.3%) daripada sekolah tersebut mencatatkan kehadiran penuh, manakala 169 (16.6%) buah sekolah lagi mencatatkan kehadiran tidak penuh kerana masalah jadual waktu diletakkan dalam waktu terakhir. Antara sebab ketidakhadiran ialah pelajar sesi pagi yang perlu balik cepat kerana bas sedang menunggu, ada kelas tambahan, alasan pakaian tidak bersih, tidak tenteram kerana bertembung dengan pelajar sesi petang dan ada kelas kokurikulum umum.¹²⁴ Keadaan ini menimbulkan masalah kepada pihak pelaksana untuk menjamin pelaksanaan Program Amali Solat dapat dijalankan dengan berkesan.

Bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas sehingga mencecah 60 orang juga menimbulkan masalah kepada guru yang melaksanakan amali solat. Faktor ini menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai sepenuhnya pengajaran yang diajar.¹²⁵ Laporan kajian PPK mendapati bahawa daripada 1,019 buah sekolah, 369 (36.2%) buah sekolah mencatatkan bilangan pelajar kurang 30 orang

¹²³ Mohd. Ali Hashim (2011), *op. cit.* h. 196.

¹²⁴ Pusat Perkembangan Kurikulum (1993) *Laporan Impak Pelaksanaan Dua Masa Tambahan dan Amali Solat Dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Rendah dan Atas*. Penerbit dan Pencetak: Jemaah Nazir Sekolah (1997), h. 1

¹²⁵ Mohd Ali Hashim (2011), *op. cit.* h. 197.

untuk satu kelas, manakala 650 (63.85%) buah sekolah melebihi 30 hingga 60 orang pelajar dalam sesebuah kelas. Bilangan yang ramai ini menyukarkan tercapainya objektif pembelajaran.¹²⁶

Selain dari itu, terdapat juga pihak pentadbir sekolah yang meletakkan waktu amali solat di luar jadual waktu. Keadaan ini juga menimbulkan masalah kepada guru yang mana menyebabkan beban tugas guru semakin bertambah. Laporan kajian PPK pada tahun 1993 juga menunjukkan bahawa pada peringkat awal pelaksanaan KBSM, daripada 1,004 pengetua seramai 753 (75.0%) memasukkan amali solat dalam jadual waktu guru, manakala seramai 251 (25.0%) tidak memasukkannya dalam jadual waktu guru.¹²⁷ Walau bagaimanapun, perkara tersebut telah diperjelaskan kepada pengetua terbabit mengikut arahan surat pekeliling KPM.

Sepanjang pengalaman pengkaji sewaktu berada di sekolah, antara masalah yang kerap dihadapi oleh para guru dalam pelaksanaan Program Amali Solat adalah masalah pelajar. Masalah ini timbul apabila waktu amali solat ini diletakkan pada waktu terakhir sesi pagi pembelajaran. Pelajar-pelajar akan berhadapan dengan masalah yang perlu balik cepat kerana bas yang sedang menunggu dan lain-lain masalah seperti mana laporan hasil kajian pihak PPK

¹²⁶ Pusat Perkembangan Kurikulum (1993), *op. cit.* h. 12.

¹²⁷ *Ibid.*

(1993).¹²⁸ Pelaksana Program Amali Solat juga berhadapan dengan masalah untuk mengendalikan pelajar yang ramai pada satu-satu masa. Bilangan pelajar yang ramai dalam sesebuah kelas sehingga mencecah 60 orang juga menimbulkan masalah kepada guru yang melaksanakan amali solat. Gabungan di antara kelas bagi sekolah harian biasa menyebabkan seorang guru agama terpaksa mengendalikan pelajar yang ramai iaitu kira-kira 60-70 orang pelajar dalam satu-satu masa.

2.6 RUMUSAN

Secara kesimpulannya, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sudah cuba untuk melaksanakan program-program yang dapat membantu pelajar meningkatkan kualiti amalan dan penghayatan mereka dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun begitu untuk menjamin pencapaian objektifnya, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia berhadapan dengan berbagai-bagai masalah yang timbul sama ada dari sudut pelajarnya, guru, pihak pentadbir sekolah, ibu bapa, masalah prasarana, kewangan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, untuk menghadapi masalah-masalah ini kerjasama semua pihak adalah amat penting demi melihat generasi akan datang adalah generasi yang cemerlang di dunia dan akhirat. Tidak dapat dinafikan bahawa kerjasama serta keprihatinan dari para ibu bapa juga adalah amat perlu dalam melahirkan generasi yang sentiasa konsisten dalam mengerjakan solat.

¹²⁸ *Ibid.*

Justeru dari sini akan lahir pula generasi yang berakhlak serta mempunyai jati diri yang utuh dalam berhadapan dengan cabaran globalisasi era ini. Begitu juga bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, sentiasa berusaha melaksanakan kajian serta penyelidikan demi memastikan pelaksanaan kurikulum yang dirancang sentiasa selari dan relevan dengan keperluan semasa.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini akan diterangkan aspek-aspek berkaitan metodologi kajian yang digunakan dengan lebih jelas dan terperinci. Aspek-aspek tersebut ialah reka bentuk kajian, kawasan kajian, responden kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur pengumpulan data dan analisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif. Kajian deskriptif adalah bertujuan untuk memperlihatkan sesuatu fenomena atau situasi yang berlaku semasa kajian dijalankan. Menurut Sidek Mohd Noah, bahawa reka bentuk deskriptif selalunya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.¹²⁹ Dalam kajian ini, pengkaji ingin menerangkan tentang bentuk pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah, halangan yang dihadapi oleh pihak pelaksana dan pelajar serta persepsi pelajar terhadap bentuk pelaksanaan program ini di sekolah mereka.

3.3. Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Daerah Hulu Langat, Selangor berdasarkan beberapa faktor yang menarik minat pengkaji untuk memilihnya iaitu:

1. Daerah Hulu Langat terletak berhampiran dengan Kuala Lumpur yang merupakan ibu negara Malaysia serta ianya juga berhampiran dengan Putrajaya yang menjadi pusat pentadbiran kerajaan Malaysia. Kedua-dua situasi tersebut sudah tentu menjadikan Daerah Hulu Langat di antara daerah yang begitu cepat membangun di negeri Selangor Darul Ehsan. Pembangunan yang begitu pesat telah menjadi cabaran kepada masyarakat Islam setempat terutamanya para ibu

¹²⁹ Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 42.

bapa dan pendidik, bagi memastikan para remaja tidak hanyut dalam arus gejala sosial yang kian berleluasa seiring dengan kepesatan perkembangan sains dan teknologi maklumat.

2. Terdapat kepelbagaian jenis sekolah di daerah Hulu Langat iaitu sekolah berasrama penuh aliran agama, sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah agama menengah negeri, sekolah menengah kawalan dan sekolah menengah harian biasa. Kepelbagaian jenis sekolah di daerah ini amat sesuai untuk pengkaji membuat kajian kemungkinan ia menyumbang kepada perbezaan bentuk pelaksanaan Program Amali Solat serta masalah kepada pelaksanaannya.

3. Pengkaji sendiri mempunyai pengalaman selama 14 tahun mengajar di sekolah menengah kebangsaan di daerah ini. Hasil pemerhatian, pengamatan dan temubual dengan para pelajar serta perkongsian pendapat dengan rakan-rakan sejawatan dari kawasan yang sama mengenai Program Amali Solat, maka pengkaji berpendapat satu kajian khusus mengenai perkara ini perlu dibuat kerana dapatan daripada kajian tersebut dapat membantu untuk mengenal pasti bentuk pelaksanaan program tersebut, persepsi pelajar terhadapnya serta masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Program Amali Solat yang menjadi salah satu komponen dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) ini.

3.4 Responden Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar tingkatan 2 dari lima buah sekolah menengah yang terpilih di daerah Hulu Langat. Rasional pemilihan pelajar tingkatan dua sebagai sampel kajian adalah berkaitan dengan dasar Kementerian Pelajaran yang tidak menggalakkan pengambilan pelajar daripada kelas peperiksaan menjadi sampel kajian kerana dikhuatiri akan mengganggu pengajaran dan pembelajaran mereka. Responden kajian ini terdiri dari 337 orang pelajar tingkatan 2 dan 22 orang guru agama. Responden pelajar dipilih dari dua buah kelas bagi setiap sekolah dan mereka dipilih menggunakan persampelan secara rawak. Memilih sampel secara rawak bermaksud setiap orang dalam populasi kajian mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian. Sampelan yang dipilih secara rawak dapat meningkatkan kemungkinan yang sampel akan mewakili dengan lebih tepat populasi kajian dan ini membolehkan generalisasi dibuat kepada populasi yang lebih besar.¹³⁰

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Data yang dimaksudkan adalah maklumat yang dikumpul dan dianalisis dalam sesuatu kajian. Begitu juga apa-apa yang dimaksudkan dalam data tersebut

¹³⁰ Othman Lebar (2007), *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. h. 66.

termasuklah perkataan, surat, rajah, carta, kertas undi, bacaan meter air dan sebagainya.¹³¹

Data pada dasarnya terbahagi kepada dua iaitu data primer atau data asas dan data sekunder atau bersumberkan pihak kedua. Data asas ialah sesuatu yang dikumpul secara langsung dari objek atau sumber manakala data sekunder pula diperolehi dari sumber yang kedua seperti bahan bercetak.¹³² Bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan, kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

3.5.1 Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan (*Library Research*) dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui konsep dan teori yang berkaitan dengan kajian ini secara lebih mendalam. Kajian perpustakaan juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat dalam bentuk data sekunder. Sumber data sekunder ini melibatkan pengumpulan data-data berbentuk bahan bacaan yang meliputi buku, jurnal, disertasi, tesis, latihan ilmiah, laporan penyelidikan jangka pendek dan panjang yang dihasilkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam di Malaysia, laporan akhbar, prosiding atau kertas kerja yang telah dibentangkan dalam seminar, majalah dan sebagainya. Kajian perpustakaan sangat membantu untuk menyediakan pengenalan kepada

¹³¹ Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 63.

¹³² J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan: Penggunaannya Dalam Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 41.

kajian dan landasan teori dalam bab 1 dan bab 2. Daripada kajian perpustakaan juga, kajian dan penelitian ke atas kajian-kajian lepas yang berkaitan dapat dilakukan dan seterusnya dapat mengenalpasti kedudukan kajian ini. Selain itu juga dapat membantu pengkaji untuk merangka kandungan borang soal selidik.

Bagi mendapatkan bahan-bahan ini, pengkaji telah merujuk kepada buku-buku yang terdapat dalam koleksi perpustakaan peribadi pengkaji dan telah mengunjungi ke beberapa buah perpustakaan utama di sekitar Lembah Kelang. Di antaranya ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya, Pusat Sumber Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur dan Perpustakaan Negeri Selangor. Hasil kajiannya dibentangkan dalam bab 1 dan bab 2 sebagai huraian kepada teori asas kajian dan dalam bab-bab lain sebagai asas perbincangan. Ia juga digunakan untuk menyokong dapatan-dapatan yang diperolehi daripada kajian lapangan.

3.5.2 Penyelidikan Lapangan

Di samping kajian perpustakaan, untuk mendapatkan data-data kajian yang lebih seimbang dan bersesuaian dengan konteks kajian di Malaysia,¹³³ pengkaji telah turut melakukan kajian lapangan. Bahkan sebahagian besar data dan maklumat

¹³³Marohaini Yusoff, "Pertimbangan Kritikal Dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif", dalam Marohaini Yusoff (ed) (2001) *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 35-36.

dari kajian ini adalah diperolehi dari kajian lapangan. Dalam kajian lapangan ini, pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk mendapatkan data iaitu; soal selidik, temu bual dan pengamatan atau pemerhatian (*observation*). Hasil kajian melalui soal selidik merupakan data utama kajian ini. Ianya dibentangkan dalam jadual-jadual mengikut sub-topik dan dihuraikan mengikut peratusan, min dan sisihan piawai yang diperolehi. Hasil kajian yang diperolehi melalui temu bual dan pemerhatian adalah sebagai data sokongan atau tambahan bagi menghurai dapatan kajian. Pada dasarnya kaedah temu bual dan pemerhatian ini telah digunakan secara seiringan dan tidak terpisah. Hal ini memandangkan melalui temu bual, data yang diperolehi melalui pemerhatian dapat diperkukuhkan dan diperlengkapkan lagi.¹³⁴

a. Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Mohd Majid Konting, pengumpulan data secara temu bual sesuai digunakan untuk memperolehi maklumat yang lebih tepat dan lebih banyak daripada unit kajian meskipun perbelanjaannya mungkin lebih tinggi.¹³⁵ Penggunaan teknik temu bual juga membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk penyertaan langsung

¹³⁴ *Ibid*, h. 108-109.

¹³⁵ Mohd Majid Konting (2004), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c. 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21.

daripada peserta kajian sendiri.¹³⁶ Menurut Othman Lebar, tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih khusus. Ia perlu apabila kita tidak boleh memerhatikan perlakuan, perasaan atau bagaimana manusia mentafsir dunia sekeliling mereka.¹³⁷ Mengikut Patton pula, penyelidik hendaklah mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang. Beliau menjelaskan, “*We interview people to find out from them those things we cannot directly observe. We cannot observe feelings, thoughts and intentions.*”¹³⁸

Sebagai langkah untuk menjadikan kaedah temu bual ini bersifat objektif dan boleh dipertanggungjawabkan, beberapa kaedah yang lebih bersifat mikro telah dijalankan :-

(1) Pengkaji telah mengadakan temu janji dengan setiap guru yang terlibat, bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa yang terbaik untuk proses temu bual, di samping tidak membazirkan masa setiap guru yang sentiasa sibuk dengan tugas seharian.

(2) Pengkaji telah membahagikan proses temu bual ini kepada dua sesi yang utama iaitu:

- (i) Sesi pengenalan yang menjelaskan maksud dan tujuan kajian secara tidak langsung yang akan merapatkan hubungan antara pengkaji dengan orang yang bakal ditemu bual.

¹³⁶ Marohaini Yusoff (2001), “Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah”, dalam Marohaini (ed), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 109.

¹³⁷ Othman Lebar (2007), *op. cit.* h. 119.

¹³⁸ Patton, M (1990), *Qualitative Evaluation Methods*. Beverly Hills: Sage. h. 196.

(ii) Sesi temu bual sebenar yang lebih serius dan berfokus kepada isi kandungan sebenar kajian ini dibuat.¹³⁹

(3) Untuk memastikan kebolehpercayaan maklumat dan kedudukan orang ditemu bual tidak terjejas, pengkaji telah memaklumkan kepada mereka objektif kajian dan menyediakan borang persetujuan yang mengambil kira etika persetujuan berpengetahuan (*informed consent*) seperti mana ditegaskan di dalam *code of ethical conduct for research involving humans*.¹⁴⁰

(4) Temu bual dilakukan secara terancang dengan menggunakan pita rakaman dan catatan, yang kemudiannya dipindahkan ke dalam bentuk transkrip penulisan.

(5) Soalan yang agak rapi dan terancang telah disediakan terlebih dahulu. Di samping juga, terdapat beberapa soalan spontan yang digunakan akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang diberikan oleh orang ditemu bual.

(6) Kesemua orang yang ditemu bual adalah merupakan guru agama yang terlibat dalam Program Amali Solat secara langsung. Hal ini dilakukan untuk memastikan data-data yang diperolehi adalah tepat dan boleh menjadi sumber rujukan utama.

(7) Isi kandungan temu bual ini telah dipastikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.

(8) Proses pengumpulan data melalui temu bual dan pemerhatian kerap kali dibantu dengan pengumpulan data dokumen rasmi berupa laporan mesyuarat, minit mesyuarat, pamflet, brosur dan sebagainya yang dikategorikan sebagai dokumen sulit.

¹³⁹ Suseela Malakolunthu (2001), "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan", dalam Marohaini Yusoff (ed), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur. h.123-125.

¹⁴⁰ *Ibid*, h. 4-7.

(9) Kaedah triangulasi telah digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang terkumpul melalui temu bual.¹⁴¹ Melalui kaedah ini pengkaji tidak hanya bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh seorang guru sahaja, sebaliknya merujuk kepada guru lain supaya data yang diperolehi adalah tepat dan konsisten.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual 4 orang guru yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Program Amali Solat ini di sekolah.¹⁴² Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran secara menyeluruh tentang pelaksanaan amali solat dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA). Temu bual secara tidak berstruktur ini telah dilakukan dalam bulan Februari dan Mac 2010.

b. Pengamatan atau Pemerhatian

Pemerhatian digunakan untuk mengkaji interaksi yang kompleks dalam latar sosial yang sebenar. Pemerhatian memungkinkan pengkaji merekod perlakuan yang sedang berlaku. Pemerhatian melibatkan tindakan mengambil nota dan merakam peristiwa, perkara dan perlakuan secara sistematik di latar sosial yang dipilih untuk kajian.¹⁴³

¹⁴¹ Janesik Velerie J (1994), “ The Dance of Qualitative Research Design “, dalam (Ed. Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln) *Handbook of Qualitative Research*, London, Sage Publication, h. 214-215.

¹⁴² Senarai mereka yang ditemu bual terdapat dalam lampiran disertasi.

¹⁴³ Othman Lebar (2007), *op. cit.* h. 110.

Penyelidikan ini juga menggunakan kaedah pengamatan atau pemerhatian bagi memperolehi maklumat tambahan yang sukar diperolehi melalui temu bual atau soal selidik. Ini kerana pengamatan adalah gambaran langsung yang didapati oleh pengkaji tanpa perantaraan orang tengah. Suseela Malakolunthu menjelaskan, pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian. Ini disebabkan temu bual hanya merupakan pengumpulan laporan sendiri individu atau kumpulan individu tertentu. Dengan itu, adalah penting bagi seseorang penyelidik untuk membuat triangulasi maklumat yang dikumpulkan dengan pemerhatian.¹⁴⁴ Menurut Ahmad Mahzan Ayob, kebaikan kaedah ini ialah segala kejadian boleh direkodkan semasa kejadian itu berlaku.¹⁴⁵ Pemerhatian merupakan teknik yang terbaik apabila aktiviti, peristiwa atau situasi boleh diperhati secara langsung, atau apabila perspektif yang baru diperlukan.¹⁴⁶

Dalam kajian ini pengkaji telah turut serta dalam beberapa sesi Program Amali Solat yang dilaksanakan di beberapa buah sekolah selaku pemerhati kepada perjalanan program tersebut. Pengkaji juga memerhatikan bagaimana guru-guru agama mengawal pelajar-pelajar mereka yang ramai dengan pelbagai kerenah, untuk memastikan mereka semua menunaikan solat. Di samping itu, tinjauan dan pemerhatian juga dilakukan terhadap surau atau *musolla* iaitu tempat di mana

¹⁴⁴ Suseela Malakolunthu, "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan", dalam Marohaini (ed) (2001), *op. cit.* h. 126.

¹⁴⁵ Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 61.

¹⁴⁶ Othman Lebar (2007), *op. cit.* h. 110.

Program Amali Solat ini dilaksanakan serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalamnya.

c. Soal Selidik

Soal selidik memberi maksud rangkaian soalan yang distruktur berasaskan pembolehubah-pembolehubah yang dikenalpasti untuk menghasilkan sejumlah data bagi menjelaskan permasalahan kajian.¹⁴⁷ Penggunaan kaedah soal selidik sebagai alat pengukuran utama adalah lebih praktikal dan berkesan. Ini kerana kaedah persampelan digunakan dalam soal selidik untuk menguji populasi yang besar.¹⁴⁸ Di samping itu juga kaedah ini digunakan untuk mengkaji tentang persepsi dan pendapat tentang sesuatu perkara.¹⁴⁹

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan dua set borang soal selidik, satu set untuk guru-guru yang melaksanakan program tersebut iaitu “Borang Soal Selidik (A)”. dan satu set lagi bagi pelajar-pelajar yang mengikuti Program Amali Solat iaitu “Borang Soal Selidik (B)”. Soalan-soalan dalam semua bahagian bagi Borang Soal Selidik (A) dan Borang Soal Selidik (B) dibina berasaskan kepada kesesuaiannya dengan objektif kajian.

¹⁴⁷ Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn Bhd. h. 74.

¹⁴⁸ Mohd Majid Konting (2004), *op. cit.*, h. 202.

¹⁴⁹ Deobold B. Van Dalen (1962), *Understanding Educational Research: An Introduction*. New York: Mc Graw-Hill Book Company, Inc., h. 254.

i- Borang Soal Selidik (A)

Borang soal selidik (A) adalah untuk diisi oleh guru dan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu A, B, dan C. Bahagian A, mengandungi 5 item iaitu soalan yang berkaitan demografi responden iaitu jantina, jenis sekolah tempat mengajar, kelulusan akademik, pengalaman mengajar serta sesi persekolahan diajar. Bahagian ini juga meminta pendapat mereka tentang keperluan pelaksanaan Program Amali Solat kepada penambahbaikan, penyelarasan serta pemantauan di peringkat daerah.

Bahagian B, mengandungi soalan khas kepada guru yang melaksanakan Program Amali Solat merangkumi bentuk pelaksanaan dan waktu pelaksanaan amali solat ini. Bahagian C, merupakan soalan untuk mengetahui pandangan responden tentang masalah atau halangan yang dihadapi oleh mereka ketika melaksanakan Program Amali Solat. Item-item yang telah dibina adalah untuk mengetahui masalah mengikut pandangan mereka terhadap elemen-elemen yang dipilih iaitu tempat atau prasarana, waktu pelaksanaan, pelajar dan pentadbir sekolah. Responden diberi lima pilihan jawapan menggunakan skala Likert seperti berikut; (1) Sangat setuju, (2) Setuju, (3) Tidak pasti, (4) Tidak setuju, dan (5) Sangat tidak setuju. Skala “Sangat Setuju” bermaksud, responden amat yakin dengan kebenaran pernyataan tersebut. Skala “Setuju” bermaksud, responden beranggapan pernyataan tersebut adalah benar. Skala “Tidak Setuju” bermaksud, responden beranggapan pernyataan tersebut tidak benar. Skala “Sangat Tidak Setuju” membawa maksud, responden amat tidak bersetuju dengan pernyataan

tersebut. Skala “Tidak Pasti” bermaksud responden tidak dapat menentukan dengan jelas pernyataan tersebut.

ii- Borang Soal Selidik (B)

Borang soal selidik (B) adalah untuk diisi oleh pelajar dan juga dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu A, B, dan C. Bahagian A, adalah soalan yang berkaitan demografi responden iaitu jantina, jenis sekolah tempat belajar, adakah responden tinggal di asrama, sesi persekolahan serta tentang pelaksanaan solat fardu responden. Bahagian B pula mengandungi soalan kepada pelajar untuk mengetahui persepsi mereka tentang kepentingan Program Amali Solat terhadap mereka. Dalam bahagian ini juga responden ditanya mengenai pandangan secara umum serta secara terperinci terhadap pelaksanaannya di sekolah. Item-item telah dibina untuk mengetahui pandangan mereka secara terperinci terhadap elemen-elemen yang dipilih iaitu terhadap guru, cara guru melaksanakannya, waktu pelaksanaan serta tempat/prasarana tempat pelaksanaan. Bahagian C pula merupakan soalan untuk mengetahui pandangan responden tentang masalah atau halangan yang dihadapi oleh mereka ketika menjalani Program Amali Solat. Item-item yang telah dibina adalah untuk mengetahui masalah mengikut pandangan mereka terhadap elemen-elemen yang dipilih iaitu tempat atau prasarana, waktu pelaksanaan, guru yang melaksanakannya dan masalah peribadi mereka dalam mengikuti program ini. Responden juga diberi lima pilihan jawapan menggunakan

skala Likert sama seperti dalam borang soal selidik A, iaitu; (1) Sangat setuju, (2) Setuju, (3) Tidak pasti, (4) Tidak setuju, dan (5) Sangat tidak setuju

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, satu kajian rintis (*pilot-test*) telah dijalankan pada bulan Februari 2010 kepada 30 orang responden. Kajian rintis tersebut dikendalikan oleh pengkaji sendiri bertujuan untuk memastikan bahawa kaedah yang akan dilaksanakan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta mampu mengumpul data sebagaimana yang diperlukan.¹⁵⁰ Tujuan kajian rintis juga diadakan adalah untuk mengetahui sejauhmana soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik sesuai dan difahami oleh responden. Oleh itu mana-mana soalan yang tidak sesuai atau sukar difahami atau boleh mengelirukan boleh diperbaiki atau pun ditiadakan.¹⁵¹ Melalui kajian rintis ini hanya sedikit perubahan yang dilakukan oleh pengkaji kerana soalan-soalan yang dikemukakan di dalamnya ternyata banyak yang sesuai dan dapat difahami dengan baik oleh responden.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dijalankan secara berperingkat supaya berjalan lancar dan telus. Pertamanya, pengkaji telah mendapatkan kelulusan tajuk kajian

¹⁵⁰ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia and Publication, h.62.

¹⁵¹ Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *op. cit.*, h. 83.

daripada Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam. Apabila kelulusan tajuk kajian telah diperolehi, tindakan seterusnya ialah pengkaji menghantar surat permohonan untuk menjalankan penyelidikan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPD/ERPD), Kementerian Pelajaran Malaysia. Setelah kebenaran daripada BPPD diperolehi, pengkaji memohon pula kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS) untuk menjalankan penyelidikan terhadap sampel di sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti.

Apabila kebenaran daripada JPNS telah diperolehi, pengkaji telah pergi ke sekolah lain, di luar daerah Hulu Langat yang mempunyai persamaan dengan sampel kajian. Pengkaji telah memohon kebenaran daripada pengetua sekolah terlibat untuk menjalankan kajian rintis. Apabila kebenaran diperolehi, pengkaji telah menetapkan masa dan hari untuk menjalankan ujian rintis, melibatkan 30 orang pelajar tingkatan 2.

Dalam usaha menjalankan soal selidik yang sebenar, pengkaji juga telah memohon kebenaran daripada pengetua sekolah-sekolah terlibat. Apabila kebenaran telah diperolehi, pengkaji telah menetapkan hari dan masa untuk menjalankan kajian. Usaha mengumpul data menggunakan borang soal selidik mengambil masa selama tiga minggu. Pengkaji telah melibatkan diri secara langsung dalam pengagihan dan penerangan terhadap borang soal selidik ini

dengan kebenaran guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam untuk mengambil alih kelas mereka.

Apabila semua borang soal selidik yang diisi oleh responden telah dikumpulkan dan disemak, prosedur terakhir yang perlu dilakukan ialah memasukkan semua data yang diperolehi ke dalam komputer dengan menggunakan perisian SPSS untuk diproses dan dianalisis.

3.7. Analisis Data

Data ialah bahan mentah yang tidak memberi sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji kecuali ia dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu seperti kaedah statistik dan sebagainya. Manakala analisis pula bermaksud aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah. Penganalisan data melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadualkan.¹⁵² Secara umumnya, terdapat dua jenis data yang telah dikumpul dalam kajian ini, iaitu data yang didapati melalui soal selidik dan yang tidak menggunakan soal selidik.

¹⁵² Mohd Majid Konting (2004), *op. cit.*, h. 309.

Data-data yang diperolehi daripada soal selidik disemak dan diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 12.0*. Bentuk analisis data digunakan iaitu analisis statistik deskriptif yang merangkumi jumlah peratus dan frekuensi digunakan untuk memerihalkan latar belakang responden iaitu dalam bahagian A bagi borang soal selidik A untuk guru dan borang soal selidik B untuk pelajar. Manakala, nilai penganalisan dalam bentuk min dan sisihan piawai digunakan dalam bahagian B dan bahagian C bagi kedua-dua borang soal selidik A dan B. Data-data yang diperolehi melalui temu bual dan pemerhatian pula dibentangkan secara deskriptif sebagai menyokong atau menghurai data soal selidik.

BAB 4

HASIL KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan tentang hasil kajian yang dijalankan di lima buah sekolah pilihan di daerah Hulu Langat berkaitan dengan bentuk pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan oleh guru serta masalah yang dihadapi. Selain itu, bab ini juga menghuraikan persepsi pelajar terhadap bentuk pelaksanaan Program Amali Solat, persepsi terhadap kepentingan program ini terhadap diri mereka serta masalah yang dihadapi.

4.2 Demografi Responden

Kajian ini melibatkan responden yang terdiri dari kalangan guru yang terlibat dalam Program Amali Solat dan juga dari kalangan pelajar Islam Tingkatan Dua dari sekolah-sekolah terpilih di daerah Hulu Langat. Bahagian A dari borang soal selidik A dan B kajian ini adalah untuk menganalisis demografi responden.

4.2.1 Demografi Guru

Bahagian ini akan menganalisis latar belakang responden yang terdiri dari 22 orang guru dari 5 buah sekolah terpilih di daerah Hulu Langat. Bahagian A bagi soal selidik A ini adalah bahagian demografi untuk melihat jantina, jenis sekolah tempat mengajar, kelulusan akademik, pengalaman mengajar dan sesi persekolahan yang diajar oleh responden.

Berdasarkan jadual 1, dari jumlah 22 guru yang menjawab soalselidik, 2 orang sahaja adalah guru lelaki yang mewakili 9.1% dari keseluruhan responden dan 20 orang yang menyamai 90.0% adalah wanita. Ketidakseimbangan yang ketara antara responden lelaki dan perempuan ini adalah kerana berlakunya ketidakseimbangan antara bilangan guru lelaki dan guru wanita di sekolah-

sekolah daerah Hulu Langat. Sebenarnya isu bilangan guru wanita melebihi guru lelaki di sekolah bukannya isu baru. Bahkan dikatakan bukan sahaja berlaku di negara ini, tetapi juga berlaku di negara maju seperti Amerika Syarikat. Sehingga April 2010, akhbar melaporkan terdapat 279,650 guru wanita di seluruh negara berbanding 126,580 guru lelaki pada kadar 2:1.¹⁵³

Jadual 1: Jantina Responden Guru

	Frekuensi	Peratus
Lelaki	2	9.1
Perempuan	20	90.9
Total	22	100.0

Jadual 2 menunjukkan kepada jenis sekolah tempat responden mengajar. Terdapat 5 orang (22.7%) dari 22 orang responden mengajar di sekolah menengah berasrama penuh, 6 orang (27.3%) mengajar di sekolah menengah agama, diikuti oleh responden yang mengajar di sekolah menengah kawalan iaitu 4 orang (18.2%) dan 6 orang (27.3%) pula mengajar di sekolah menengah harian biasa.

Jadual 2: Taburan Jenis Sekolah Tempat Mengajar Responden Guru

¹⁵³ Mohd Fuad Razali (2010), "Guru Wanita Lebih Ramai: Isu Yang Berlarutan", *Majalah Pendidik*. Selangor: Widad Publication Sdn. Bhd.

	Frekuensi	Peratus
Sekolah Menengah Berasrama Penuh	5	22.7
Sekolah Menengah Agama	6	27.3
Sekolah Menengah Kawalan	4	18.2
Sekolah Menengah Harian	6	27.3
Tiada respon	1	4.5
	22	100.0

Berdasarkan jadual 3 pula menunjukkan, kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu 22 orang (100%) mempunyai kelulusan akademik tahap ijazah sarjana muda. Ini adalah kerana kajian ini dijalankan di sekolah menengah yang mana keseluruhan gurunya terdiri dari mereka yang memiliki tahap pendidikan sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda.

Jadual 3: Taburan Kelulusan Akademik Responden Guru

	Frekuensi	Peratus
Ijazah Sarjana Muda	22	100.0

Jadual 4 pula menunjukkan tempoh pengalaman mengajar responden. Seramai 2 orang (9.1%) responden mempunyai pengalaman mengajar dari 1-5 tahun, diikuti dengan 3 orang (13.6%) selama 6-10 tahun, seramai 12 orang (54.5%) responden telah mengajar selama 11-15 tahun dan responden yang berpengalaman mengajar selama 16 tahun ke atas adalah seramai 5 orang (22.7%).

Jadual 4: Taburan Pengalaman Mengajar Responden Guru

	Frekuensi	Peratus
1-5 tahun	2	9.1
6-10 tahun	3	13.6
11-15 tahun	12	54.5
16 tahun ke atas	5	22.7
Total	22	100.0

Jadual 5 pula menjelaskan tentang sesi persekolahan yang diajar oleh responden sama ada sesi pagi atau sesi petang. Terdapat 17 orang (77.3%) responden mengajar pada sesi pagi persekolahan dan 4 orang (18.2%) responden pula mengajar pada sesi petang persekolahan. Didapati responden guru yang mengajar pada sesi persekolahan pagi lebih ramai berbanding responden yang mengajar sesi petang persekolahan. Ini kerana jenis sekolah tempat responden guru mengajar iaitu sekolah menengah berasrama penuh dan sekolah menengah agama merupakan jenis sekolah satu sesi sahaja.

Jadual 5: Taburan Sesi Persekolahan Diajar Responden Guru

	Frekuensi	Peratus
Pagi	17	77.3
Petang	4	18.2
Tiada respon	1	4.5
Total	22	100.0

4.2.2 Demografi Pelajar

Bahagian ini akan menganalisis latar belakang responden yang terdiri 337 orang pelajar tingkatan dua dari 5 buah sekolah terpilih di daerah Hulu Langat. Bahagian A bagi soal selidik B ini adalah bahagian demografi untuk melihat jantina, jenis sekolah tempat responden belajar, tempat tinggal responden sama ada di rumah atau asrama, sekolah responden sama ada sekolah satu sesi atau dua sesi dan sesi persekolahan mereka belajar. Bahagian demografi ini juga untuk melihat pelaksanaan solat fardu responden.

Jadual 6 menunjukkan responden kajian ini terdiri dari 164 orang lelaki yang mewakili 48.7% dari keseluruhan responden, manakala 173 orang responden yang menyamai 51.3% adalah responden perempuan.

Jadual 6: Taburan Jantina Responden Pelajar

	Frekuensi	Peratus
Lelaki	164	48.7
Perempuan	173	51.3
Total	337	100.0

Jadual 7 menunjukkan kepada jenis sekolah tempat responden belajar. Terdapat 51 orang (15.1%) dari 337 orang responden belajar di sekolah menengah berasrama penuh, 149 orang (44.2%) belajar di sekolah menengah agama, diikuti oleh responden yang belajar di sekolah menengah kawalan iaitu 69 orang (20.5%)

dan 55 orang (16.3%) pula belajar di sekolah menengah harian biasa. Manakala 13 orang (3.9%) responden tidak menjawab soalan ini.

Jadual 7: Taburan Jenis Sekolah Responden Pelajar

	Frekuensi	Peratus
Sekolah Menengah Berasrama Penuh	51	15.1
Sekolah Menengah Agama	149	44.2
Sekolah Menengah Kawalan	69	20.5
Sekolah Menengah Harian	55	16.3
Tiada respon	13	3.9
Total	337	100.0

Jadual 8 pula menunjukkan 190 orang (56%) responden menyatakan mereka tinggal di asrama manakala 147 orang (43.6%) responden menyatakan mereka tidak tinggal di asrama. Di dapati responden yang tinggal di asrama lebih ramai berbanding mereka yang tidak tinggal di asrama. Ini kerana responden dari sekolah menengah berasrama penuh semua terdiri dari pelajar yang tinggal di asrama. Begitu juga dengan responden dari sekolah menengah agama yang mana majoriti pelajar sekolah ini adalah pelajar yang tinggal di asrama.

Jadual 8: Taburan Responden Pelajar Yang Tinggal Di Asrama

	Frekuensi	Peratus
Ya	190	56.4
Tidak	147	43.6
Total	337	100.0

Jadual 9 pula menjelaskan tentang sesi persekolahan yang terdapat di sekolah responden sama ada dua sesi atau satu sesi sahaja. Terdapat 111 orang (32.9%) responden menyatakan sekolah mereka adalah sekolah dua sesi. Manakala 223 orang (66.2%) responden pula menyatakan bahawa sekolah mereka adalah sekolah satu sesi iaitu sesi pagi sahaja. Terdapat 3 orang (0.9%) dari responden tidak menjawab soalan ini.

Jadual 9: Taburan Responden Pelajar Di Sekolah Dua Sesi

	Frekuensi	Peratus
Ya	111	32.9
Tidak	223	66.2
Tiada respon	3	.9
Total	337	100.0

Jadual 10 menunjukkan bahawa 99 orang (29.4%) dari responden yang belajar di sekolah dua sesi menjalani sesi persekolahan mereka pada waktu pagi. Seramai 58 orang (17.2%) dari mereka pula menyatakan bahawa mereka menjalani waktu persekolahan pada sesi petang. Manakala 180 orang (53.4%) dari responden kajian ini tidak memberi respon terhadap soalan ini kerana, mereka adalah terdiri dari pelajar sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah agama yang mempunyai hanya satu sesi persekolahan iaitu sesi pagi. Soalan ini hanya perlu dijawab oleh responden yang belajar di sekolah dua sesi sahaja.

Jadual 10: Taburan Sesi Persekolahan (Untuk Responden Pelajar Sekolah Dua Sesi)

	Frekuensi	Peratus
Pagi	99	29.4
Petang	58	17.2
Tiada respon	180	53.4
Total	337	100.0

Dalam jadual 11, merujuk kepada pelaksanaan solat fardu responden, 256 orang (76.0%) responden menyatakan bahawa mereka melaksanakan solat cukup 5 waktu sehari semalam, diikuti dengan 75 orang (22.3%) responden yang menyatakan bahawa mereka tidak melaksanakan sembahyang cukup 5 waktu sehari semalam. Manakala 6 orang (1.8%) responden pula tidak memberi respon terhadap soalan ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masih ramai pelajar yang tidak cukup melaksanakan solat 5 waktu sehari semalam iaitu seramai 75 orang atau mewakili 22.3%.

Jadual 11: Taburan Responden Pelajar Yang Solat Cukup 5 Waktu Sehari Semalam

	Frekuensi	Peratus
Ya	256	76.0
Tidak	75	22.3
Tiada respon	6	1.8
Total	337	100.0

Berdasarkan jadual 12, terdapat 31 orang (9.2%) responden menjelaskan bahawa mereka selalu/kerap menunaikan solat secara berjemaah di masjid atau surau. Seramai 49 orang (14.5%) responden pula menyatakan bahawa mereka kadang-kadang sahaja melaksanakannya secara berjemaah di masjid atau surau, manakala 23 orang (6.8%) responden menyatakan mereka amat jarang sekali. 234 orang (69.4%) responden tidak memberikan jawapan kepada soalan ini kerana soalan ini dikhususkan kepada pelajar lelaki yang tidak tinggal di asrama sahaja.

Jadual 12: Taburan Responden Pelajar Yang Solat Berjemaah Di Masjid Atau Surau (Untuk Responden Pelajar Lelaki Yang Tidak Tinggal Di Asrama Sahaja)

	Frekuensi	Peratus
Selalu/Kerap	31	9.2
Kadang-kadang	49	14.5
Amat jarang	23	6.8
Tiada respon	234	69.4
Total	337	100.0

4.3 Mengenal pasti Bentuk Pelaksanaan Program Amali Solat Di Sekolah Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat

Untuk mengetahui bentuk pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah menengah daerah Hulu Langat, seramai 22 responden telah diperolehi. Mereka dipilih melalui proses persampelan rawak mudah yang dilakukan ke atas 5 buah sekolah menengah di daerah Hulu Langat. Responden yang terdiri dari kalangan guru ini

diminta memberikan pendapat mereka terhadap pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah. Soalan seterusnya yang dikemukakan kepada responden di dalam soal selidik ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti bentuk pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah-sekolah menengah daerah Hulu Langat.

4.3.1 Pendapat Responden Terhadap Program Amali Solat

Mengenai pendapat responden terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dinyatakan dalam jadual 13, 14 dan 15.

Jadual 13 menunjukkan bahawa 10 orang (45.4%) dari responden berpendapat Program Amali Solat yang terdapat dalam PAFA sekarang sangat perlu kepada penambahbaikan. Manakala 8 orang (36.4%) responden pula menyatakan perlu, diikuti dengan hanya 2 orang (9.1%) menyatakan tidak perlu dan seramai 2 orang (9.1%) juga telah memilih jawapan tidak pasti. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 18 orang (81.8%) beranggapan bahawa bentuk pelaksanaan Program Amali Solat yang ada sekarang memerlukan kepada penambahbaikan. Pengkaji berpendapat penambahbaikan yang dimaksudkan oleh para responden ini ialah dalam bentuk penyebaran maklumat kepada guru-guru agama yang terlibat terhadap bentuk pelaksanaan yang sewajarnya dijalankan. Oleh itu pihak guru sebagai pelaksana akan dapat melaksanakan program ini secara selaras, terpinpin dan mendapat panduan yang khusus tentang proses pelaksanaannya.

**Jadual 13: Keperluan Bentuk Pelaksanaan Program Amali Solat
Sekarang Kepada Penambahbaikan**

	Frekuensi	Peratus
Sangat Perlu	10	45.4
Perlu	8	36.4
Tidak Perlu	2	9.1
Tidak Pasti	2	9.1
Total	22	100.0

Dalam jadual 14, menunjukkan terdapat 7 orang (31.8%) beranggapan bahawa pelaksanaan Program Amali Solat sangat perlu diselaraskan di peringkat daerah. 9 orang (40.9%) responden pula menyatakan pelaksanaan Program Amali Solat ini perlu diselaraskan, manakala 5 orang (22.75%) responden beranggapan bahawa ia tidak perlu diselaraskan. Terdapat seorang (4.5%) responden telah memilih jawapan tidak pasti. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 16 orang (72.7%) berpendapat bahawa Program Amali Solat ini perlu diselaraskan di peringkat daerah. Hal ini membuktikan bahawa pihak guru sebagai pelaksana mengharapkan pihak yang bertanggung jawab dapat menyelaraskan pelaksanaan program ini secara umum sekurang-kurangnya di peringkat daerah. Manakala proses pelaksanaan secara terperinci terpulang kepada kebijaksanaan pihak guru untuk melaksanakannya berdasarkan suasana dan realiti sekolah masing-masing. Pengkaji juga berpendapat usaha penyelarasan yang dilakukan oleh pihak yang bertanggung jawab akan menjamin Program Amali Solat ini berjalan dengan lebih terancang dan efektif.

Jadual 14: Keperluan Bentuk Pelaksanaan Program Amali Solat Diselaraskan Di Peringkat Daerah

	Frekuensi	Peratus
Sangat Perlu	7	31.8
Perlu	9	40.9
Tidak Perlu	5	22.7
Tidak Pasti	1	4.5
Total	22	100.0

Berdasarkan jadual 15 pula, dapatan kajian mengenai pendapat responden terhadap keperluan Program Amali Solat kepada pemantauan di peringkat daerah mendapati bahawa 3 orang (13.6%) responden menyatakan ianya sangat perlu dilakukan. Seramai 10 orang (45.5%) responden beranggapan pemantauan peringkat daerah perlu dilakukan, manakala 7 orang (31.8%) dari responden beranggapan ianya tidak perlu dilakukan. Seorang (4.5%) responden memberikan jawapan tidak pasti dan seorang (4.5%) juga tidak memberikan apa-apa jawapan terhadap soalan ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa seramai 13 orang (59.1%) responden menyatakan bahawa pelaksanaan Program Amali Solat ini perlu kepada pemantauan di peringkat daerah. Pemantauan adalah perlu untuk memastikan pelaksanaan Program Amali Solat ini berjalan dengan baik dan sempurna serta yang paling penting ia dapat mencapai objektif seperti mana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Islam. Pengkaji juga berpendapat usaha pemantauan perlu dilakukan sebagai salah satu usaha penambahbaikan kepada pelaksanaan Program Amali Solat yang sedia ada.

Jadual 15: Keperluan Pelaksanaan Program Amali Solat Kepada Pemantauan Di Peringkat Daerah

	Frekuensi	Peratus
Sangat Perlu	3	13.6
Perlu	10	45.5
Tidak Perlu	7	31.8
Tidak Pasti	1	4.5
Tiada respon	1	4.5
Total	22	100.0

4.3.2 Bentuk Pelaksanaan Program Amali Solat Yang Dilaksanakan Oleh Guru

Waktu amali solat dikenali juga sebagai Program Amali Solat. Melalui waktu amali solat ini juga, guru dapat mengesan kebolehan dan keupayaan pelajar dalam melaksanakan solat yang sempurna sama ada dari sudut rukun atau syarat sahnya. Bagaimana guru merancang cara pelaksanaan Program Amali Solat ini supaya pelaksanaannya membuahkan hasil yang diharapkan, semuanya bergantung kepada kebijaksanaan guru tersebut. Kajian ini telah mengajukan 10 soalan kepada 22 orang guru selaku responden untuk melihat bentuk pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan oleh mereka di sekolah. Hasil kajian tentang pernyataan bentuk pelaksanaan Program Amali Solat ini telah dihuraikan dalam jadual 16.

Jadual 16: Bentuk Pelaksanaan Program Amali Solat

Bil	Butiran	min	Sisihan piawaian
1	Saya akan membawa pelajar ke surau/musolla untuk melaksanakan Program Amali Solat.	1.45	0.510
2	Saya menunjuk cara wuduk dan solat dengan jelas kepada pelajar.	1.41	0.734
3	Saya menggunakan waktu amali solat untuk melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam dalam kelas.	3.00	1.414
4	Saya melaksanakan Program Amali Solat untuk pelajar saya yang dipecahkan kepada kumpulan kecil.	2.29	1.102
5	Saya mengajar cara wuduk dan solat secara teori di dalam kelas, kemudian melaksanakan amali di musolla/surau.	1.64	0.902
6	Saya merekodkan kehadiran pelajar kelas saya dalam Program Amali Solat.	1.68	0.945
7	Saya sentiasa menulis laporan tentang aktiviti Program Amali Solat yang saya laksanakan dalam buku khas.	2.50	1.225
8	Pelaksanaan amali solat di sekolah saya dijalankan semasa waktu solat fardu.	2.50	1.406
9	Peruntukan satu dari dua waktu tambahan Pendidikan Islam saya gunakan untuk mengajar pelajar saya cara berwuduk dan solat yang sempurna.	2.45	1.299
10	Kadang-kadang saya menggunakan waktu solat sunat dhuha sebagai waktu amali solat.	2.23	1.020

Dalam jadual 16, secara terperinci untuk pernyataan pertama iaitu “saya akan membawa pelajar ke surau/musolla untuk melaksanakan Program Amali Solat”, pernyataan ini telah dipersetujui oleh responden secara keseluruhan. Ini terbukti dengan min=1.45 yang menunjukkan bahawa hampir keseluruhan guru bersetuju dengan pernyataan ini.. Hal ini memudahkan untuk mereka mengawasi serta memerhatikan cara pelajar mengambil wuduk seterusnya melaksanakan solat secara sempurna sama ada dari sudut rukun atau syarat sahnya. Mereka juga bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka akan menunjukkan cara wuduk dan solat dengan jelas kepada pelajar. Ini disokong oleh min=1.41 yang diperolehi dari data yang dianalisa. Walaubagaimanapun, bagi pernyataan menggunakan waktu amali solat untuk melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam dalam kelas, majoriti guru menyatakan bahawa mereka tidak menggunakan waktu amali solat untuk melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam dalam kelas. Ini disokong oleh min=3.00 yang diperolehi dari data yang dianalisis. Dapatan ini menunjukkan bahawa para guru telah berusaha menggunakan waktu amali solat untuk mengajar dan membimbing pelajar mereka dalam pelaksanaan solat yang sempurna. Hal ini juga dibuktikan dengan pemerhatian pengkaji sendiri sewaktu amali solat sedang berlangsung di Surau Al-Faizin Sek. Men. Keb. Engku Hussien, Semenyih, Hulu Langat, Selangor.¹⁵⁴ Pengkaji dapat memerhatikan bagaimana usaha guru-guru untuk memastikan pelajar-pelajar mereka hadir, mengambil wuduk seterusnya menunaikan solat fardu secara berjemaah. Ini menunjukkan kesungguhan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut.

¹⁵⁴ Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap pelaksanaan amali solat di surau al-Faizin, Sek. Men. Engku Hussien, Semenyih pada 3 hb Mac, 2010.

Bagi pernyataan seterusnya iaitu, “saya melaksanakan Program Amali Solat untuk pelajar saya yang dipecahkan kepada kumpulan kecil,” sebahagian besar guru yang menyatakan persetujuan mereka dengan pernyataan ini. Ini terbukti dengan $\text{min}=2.29$ yang diperolehi. Ini bermakna tidak semua guru melaksanakan amali solat dengan memecahkan pelajar mereka dalam kumpulan kecil. Manakala untuk pernyataan yang seterusnya iaitu “Saya mengajar cara wuduk dan solat secara teori di dalam kelas, kemudian melaksanakan amali di musolla/surau”, hampir kesemua responden bersetuju dengan cara pelaksanaan ini melalui hasil analisis iaitu dengan $\text{min}=1.64$.

Melalui pernyataan keenam iaitu mengenai pernyataan responden merekodkan kehadiran pelajar dalam Program Amali Solat, didapati hampir keseluruhan responden telah merekodkan kehadiran pelajar mereka dalam Program Amali Solat. Ini disokong dengan $\text{min}=1.68$ yang diperolehi dari data yang dianalisis. Hal ini membuktikan kesungguhan para guru dalam memastikan pelajar mereka supaya tidak meninggalkan sembahyang fardu. Bagi pernyataan yang ketujuh iaitu berkaitan dengan sentiasa menulis laporan tentang aktiviti Program Amali Solat yang dilaksanakan dalam buku khas, separuh dari responden menyatakan bahawa mereka menulis laporan tentang aktiviti tersebut demikian melalui $\text{min}=2.50$ yang diperolehi.

Manakala bagi menjelaskan pernyataan yang kelapan berkaitan dengan waktu pelaksanaan amali solat di sekolah yang dijalankan semasa waktu solat

fardu, separuh dari responden juga bersetuju menyatakan bahawa berbuat demikian. Ini jelas dari dapatan yang diperolehi di mana pernyataan telah menunjukkan min=2.50. Dapatan ini juga mendapati separuh lagi responden tidak melaksanakan Program Amali Solat dalam waktu solat fardu bahkan melaksanakannya di luar waktu solat fardu. Sebenarnya, mengikut pendapat pengkaji pelaksanaan Program Amali Solat di luar waktu solat fardu adalah lebih sesuai dengan objektif program amali solat. Ini kerana objektif dari Program Amali Solat ini bukan sahaja untuk memastikan pelajar melaksanakan solat tetapi juga melaksanakannya dengan betul dan sempurna dari segi rukun dan syarat sahnya. Oleh sebab itu terdapat guru agama yang melaksanakannya dalam waktu duha.¹⁵⁵

Peruntukan satu dari dua waktu tambahan Pendidikan Islam saya gunakan untuk mengajar pelajar saya cara berwuduk dan solat yang sempurna adalah pernyataan yang kesembilan dicatatkan dalam jadual 16. Min=2.45 menunjukkan separuh dari responden bersetuju bahawa mereka menggunakan peruntukan satu dari dua waktu tambahan untuk mengajar pelajar cara berwuduk dan solat yang sempurna. Ini juga bermaksud bahawa separuh lagi responden tidak menggunakan peruntukan satu dari dua waktu tambahan untuk mengajar pelajar cara berwuduk dan solat yang sempurna. Keadaan ini sedikit sebanyak memberi impak kepada pelaksanaan solat yang sempurna dalam kalangan pelajar. Manakala bagi pernyataan yang terakhir “Kadang-kadang saya menggunakan waktu solat sunat

¹⁵⁵ Temu bual Puan Fatimah Abas, guru Pendidikan Islam Sek. Agama Men. Batu 10, Hulu Langat pada 1 hb Mac, 2010 dan Puan Razana bt Said @ Razali, guru Pendidikan Islam Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor pada 10 hb Mac, 2010.

dhuha sebagai waktu amali solat”, hampir separuh dari responden bersetuju dengan pernyataan ini sebagaimana yang ditunjukkan dengan perolehan min = 2.23 di atas. Ini membuktikan responden juga berjaya melaksanakan Program Amali Solat dengan menggunakan kreativiti mereka sendiri iaitu menggunakan waktu solat sunat dhuha untuk tujuan itu. Hasil temu bual pengkaji dengan beberapa orang guru Pendidikan Islam menyokong dapatan kajian ini.¹⁵⁶

4.3.3 Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Program Amali Solat Yang Dijalankan Di Sekolah Mereka

Bagi mengetahui persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah menengah daerah Hulu Langat, pengkaji telah memilih responden seramai 337 orang yang terdiri dari pelajar tingkatan dua. Mereka dipilih melalui proses persampelan rawak mudah yang dilakukan ke atas 5 buah sekolah menengah di daerah Hulu Langat. Responden yang terdiri dalam kalangan pelajar ini diminta memberikan pendapat mereka terhadap kepentingan pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah. Sebanyak 8 item soalan telah dibina oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengannya. Soalan seterusnya yang dikemukakan kepada responden di dalam soal selidik ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti persepsi mereka secara umum dan secara terperinci terhadap Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka. Hasil kajian

¹⁵⁶ Temu bual Puan Che Ainon Che Ahmad, Guru Kanan Pendidikan Islam Sek. Men. Keb. Agama Maahad Hamidah, Kajang, Selangor pada 9 hb Mac, 2010.

tentang persepsi responden terhadap bentuk pelaksanaan Program Amali Solat Ini telah dihuraikan dalam jadual 17.

Jadual 17: Persepsi Responden Pelajar Terhadap Kepentingan Program Amali Solat Dilaksanakan Di Sekolah

Bil	Butiran	min	S.P
1	Program Amali Solat adalah penting kepada semua pelajar	1.25	.484
2	Program Amali Solat telah banyak mengajar saya cara wuduk dan solat dengan sempurna.	1.29	.486
3	Ilmu tentang solat yang saya perolehi dari pelaksanaan Program Amali Solat sangat berguna untuk kehidupan saya.	1.20	.433
4	Pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah membantu saya untuk melaksanakan solat secara konsisten di rumah.	1.57	.709
5	Saya sering kali ponteng dari mengikuti Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya tanpa rasa rugi.	4.57	.765
6	Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya kurang memberi manfaat kepada diri saya.	4.36	.838

7	Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya dapat merapatkan hubungan saya dengan rakan dan guru agama.	1.93	.890
---	---	------	------

Dalam jadual 17, dapatan kajian telah menunjukkan pernyataan tentang kepentingan Program Amali Solat untuk pelajar. Hampir keseluruhan responden menjelaskan bahawa ianya penting untuk diri mereka sebagaimana $min=1.25$ yang didapati dari data yang dianalisis. Manakala untuk pernyataan yang seterusnya iaitu mengenai peranan program ini dalam mengajar cara wuduk dan solat yang sempurna, hampir keseluruhan responden juga menyatakan persetujuan mereka. Ini dibuktikan dengan $mi= 1.29$ yang diperolehi.

Bagi pernyataan ketiga iaitu berkenaan dengan ilmu tentang solat yang diperolehi oleh responden hasil dari mengikuti Program Amali Solat ini amat berguna kepada mereka, semua responden secara puratanya menyatakan persetujuan mereka. Ini disokong oleh $min=1.20$ yang diperolehi dari data yang dianalisa. Ini bermakna semua responden bersetuju bahawa Program Amali Solat ini berfaedah kepada mereka. Semua responden juga secara umumnya menyatakan bahawa pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah dapat membantu mereka untuk melaksanakan solat secara konsisten di rumah berdasarkan $min=1.57$ yang didapati. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden berpendapat Program Amali Solat penting dalam membantu mereka

solat secara konsisten di rumah. Hal ini membuktikan para pelajar sebenarnya menyedari bahawa program ini banyak memberi faedah kepada mereka.

Secara kesimpulannya, pengkaji berpendapat bahawa hampir keseluruhan pelajar menyedari kepentingan Program Amali Solat dan manfaatnya kepada diri mereka. Cuma apabila dilihat dari sudut pelaksanaan solat, masih ramai kalangan pelajar yang meninggalkan solat atau melaksanakannya secara tidak konsisten. Sudah pasti di sana terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi sesetengah pelajar yang menyebabkan mereka lalai dari menunaikannya secara konsisten.

“Saya sering kali ponteng dari mengikuti Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya tanpa rasa rugi” merupakan pernyataan yang kelima dalam bahagian ini. Min=4.57 menunjukkan kesemua responden tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka sering kali ponteng dari mengikuti Program Amali Solat tanpa rasa rugi. Dapatan ini membuktikan bahawa para pelajar sebenarnya suka menghadiri Program Amali Solat ini. Hampir keseluruhan responden menjelaskan mereka sebenarnya tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa program amali solat kurang memberi manfaat kepada mereka. Ini disokong oleh min=4.36 yang diperolehi. Dapatan ini menunjukkan bahawa semua responden menyatakan mereka mendapat manfaat dari program ini.

Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya dapat merapatkan hubungan saya dengan rakan dan guru agama adalah kenyataan terakhir yang dikemukakan dalam bahagian ini kepada responden. Kebanyakan responden bersetuju dengan kenyataan sebagaimana yang ditunjukkan dengan perolehan min=1.93 di atas. Dapatan ini menunjukkan bahawa Program Amali Solat secara tidak langsung juga berperanan dalam menjalinkan hubungan yang baik sesama pelajar juga antara guru dengan pelajar. Hal ini dapat memberi peluang kepada para guru untuk menyemaikan didikan akhlak yang mulia serta memberi nasihat yang berguna kepada mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa hampir kesemua pelajar mengakui kepentingan pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah dan manfaatnya untuk diri mereka.

Jadual 18 menjelaskan tentang pandangan pelajar secara umum terhadap Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka. Huraian bagi dapatan kajian bahagian ini adalah dalam bentuk frekuensi dan peratus. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden iaitu 249 orang (73.9%) berpendapat bahawa Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka adalah bagus. Manakala hanya seorang (0.3%) responden yang menyatakan ia tidak bagus, diikuti dengan 33 orang (9.8%) responden memberikan jawapan tidak pasti. 38 orang (11.3%) responden pula menjelaskan bahawa pelaksanaan program ini

perlu diperbaiki dan 16 orang (4.7%) responden pula tidak memberikan apa-apa respon kepada soalan ini. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru agama yang mengendalikan Program Amali Solat telah berjaya melaksanakannya dengan baik dan memuaskan hati pelajar-pelajar mereka.

Walau bagaimanapun dapatan kajian juga telah mendapati seramai 38 orang (11.3%) responden menyatakan bahawa ianya perlu dibaiki. Ini membuktikan terdapat segelintir pelajar yang tidak berpuas hati dengan bentuk pelaksanaan yang dijalankan oleh guru mereka dan memerlukan penilaian daripada pihak guru.

Jadual 18: Persepsi Responden Pelajar Secara Umum Terhadap Program Amali Solat Yang Dilaksanakan Di Sekolah

	Frekuensi	Peratus
Bagus	249	73.9
Tidak bagus	1	.3
Tidak pasti	33	9.8
Perlu dibaiki	38	11.3
Tiada respon	16	4.7
Total	337	100.0

Selain daripada diminta memberikan pandangan secara umum terhadap pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah mereka, responden juga diminta memberi pandangan mereka secara terperinci terhadapnya. Huraian tentang hasil kajian tersebut dihuraikan dalam jadual 19 seperti berikut:

Jadual 19: Persepsi Responden Pelajar Secara Terperinci Terhadap Pelaksanaan Program Amali Solat Di Sekolah

Bil	Butiran	min	S.P.
1	Saya suka belajar amali solat dengan guru yang mengajar saya sekarang.	1.72	0.710
2	Guru amali solat saya seorang yang mudah mesra.	1.76	0.768
3	Guru amali solat saya seorang yang prihatin terhadap kehadiran pelajar dalam Program Amali Solat.	1.91	0.807
4	Saya merasa bosan dengan cara guru saya mengajar amali solat.	3.91	0.925
5	Guru mengajar cara-cara wuduk dan cara solat dengan jelas.	1.75	0.714
6	Guru mengajar amali solat di sekolah saya hanya pada waktu Program Amali Solat sahaja.	2.63	1.046
7	Saya suka guru amali solat mengajar cara solat dalam kumpulan yang kecil.	2.10	1.020
8	Waktu amali solat mencukupi untuk saya belajar cara wuduk dan cara solat.	2.34	1.009
9	Waktu yang diperuntukkan untuk amali solat perlu ditambah.	2.40	1.030
10	Saya berpendapat waktu untuk amali solat amat sesuai dilaksanakan sebelum masuk waktu zohor.	2.34	1.018
11	Tempat amali solat selalu sesak dan padat kerana ruangnya yang kecil.	3.32	1.256
12	Saya dapat menjalani Program Amali Solat dalam keadaan selesa.	2.11	0.893

13	Saya dapat belajar mengambil wuduk dengan selesa kerana ruang wuduk yang luas.	2.15	0.992
----	--	------	-------

Pernyataan pertama, kedua dan ketiga adalah tentang pandangan responden terhadap personaliti guru yang mengajar mereka. Hampir keseluruhan responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan ini dan berpuas hati kepada personaliti guru mereka yang bersifat mesra dan prihatin. Hasil kajian ini digambarkan oleh nilai min=1.72, min=1.76 serta min=1.91 yang diperolehi hasil analisis data. Bagi pernyataan yang keempat, min=3.91 yang diperolehi menunjukkan bahawa sebilangan besar responden tidak bersetuju bahawa mereka merasa bosan dengan cara guru mereka mengajar amali solat. Manakala bagi pernyataan yang kelima pula, keseluruhan responden berpendapat mereka bersetuju bahawa guru mengajar cara-cara wuduk dan cara solat dengan jelas. Ini disokong oleh min=1.75 yang diperolehi.

Seterusnya bagi pernyataan yang keenam iaitu “Guru mengajar amali solat di sekolah saya hanya pada waktu Program Amali Solat sahaja”, lebih separuh dari responden iaitu min=2.63 bersetuju dengan pernyataan ini. Ini bermakna sebilangan besar guru mengajar amali solat di sekolah pada waktu Program Amali Solat sahaja. Namun begitu terdapat juga guru yang mengajar bukan sahaja dalam waktu amali solat bahkan ditambah dalam waktu yang lain mungkin dalam waktu pengajaran dan pembelajaran atau waktu kokurikulum. Keadaan ini bergantung

pada keadaan pelajar dan juga inisiatif para guru. Hasil temu bual pengkaji dengan beberapa orang guru agama menyokong pernyataan ini.¹⁵⁷

“Saya suka guru amali solat mengajar cara solat dalam kumpulan yang kecil” adalah kandungan yang tercatat dalam pernyataan yang ketujuh. Nilai min=2.10 menunjukkan majoriti daripada responden bersetuju bahawa mereka suka guru amali solat mengajar mereka cara solat dalam kumpulan yang kecil. Keadaan ini sebenarnya lebih digemari oleh kebanyakan pelajar kerana dengan cara ini mereka akan mendapat lebih tumpuan serta bimbingan dari guru.

Bagi pernyataan kelapan, kesembilan dan kesepuluh pula iaitu pernyataan tentang pendapat mereka terhadap waktu pelaksanaan amali solat. Nilai min =2.34 bagi pernyataan kelapan menunjukkan sebahagian daripada responden menyatakan bahawa waktu amali solat mencukupi untuk mereka belajar cara wuduk dan cara solat. Diikuti dengan lebih separuh juga responden iaitu dengan min=2.40 menyatakan mereka bersetuju waktu yang diperuntukkan untuk amali solat ditambah. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun waktu untuk mereka belajar cara wuduk dan cara solat telah mencukupi buat masa ini, tetapi mereka merasakan bahawa ia perlu ditambah untuk menambahkan lagi kualiti solat

¹⁵⁷ Temu bual pengkaji dengan Puan Abidah bt Ahmad, guru Pendidikan Islam Sek. Men. Keb. Engku Hussien, Semenyih, Puan Che Ainon Che Ahmad, Guru Kanan Pendidikan Islam Sek. Men. Keb. Agama Maahad Hamidiah, Kajang dan Puan Razana Said@Razali, guru Pendidikan Islam Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor pada pada 3, 9 dan 10 hb Mac, 2010.

mereka. Manakala bagi pernyataan kesepuluh iaitu “saya berpendapat waktu untuk amali solat amat sesuai dilaksanakan sebelum masuk waktu zohor”, lebih separuh juga responden bersetuju dengannya. Ini digambarkan dengan $\text{min}=2.34$ yang diperolehi hasil analisis data. Hal ini juga membuktikan bahawa responden lebih suka Program Amali Solat dilakukan secara berasingan dari waktu solat fardu. Ini mungkin mereka memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar yang lebih jelas dari guru mereka tentang cara wuduk dan cara solat yang betul.

Kenyataan yang seterusnya ialah pernyataan tentang tempat atau prasarana tempat Program Amali Solat dilaksanakan. $\text{Min}=3.32$ yang diperolehi hasil data yang dianalisis membuktikan majoriti pelajar menolak bahawa tempat amali solat selalu sesak dan padat kerana ruangnya yang kecil sebagaimana yang dinyatakan dalam pernyataan kesebelas. Ini membuktikan bahawa majoriti pihak sekolah mengambil berat tentang tempat Program Amali Solat dilaksanakan.

Manakala bagi pernyataan keduabelas iaitu “Saya dapat menjalani Program Amali Solat dalam keadaan selesa”, majoriti daripada responden menyatakan persetujuan mereka tentang pernyataan ini. Ini disokong dengan nilai $\text{min}=2.11$ yang diperolehi. Diikuti dengan pernyataan “saya dapat belajar mengambil wuduk dengan selesa kerana ruang wuduk yang luas” yang merupakan pernyataan terakhir bagi bahagian ini. Nilai $\text{min}=2.15$ membuktikan

bahawa majoriti responden bersetuju dengan pernyataan ini bermakna mereka dapat belajar mengambil wuduk dengan selesa kerana ruang wuduk yang luas.

Secara kesimpulannya, pandangan positif para responden menunjukkan bahawa tempat dan prasarana tempat Program Amali Solat dilaksanakan berada di tahap memuaskan hati mereka. Hal ini juga membuktikan keprihatinan pihak pentadbir sekolah serta kesungguhan para guru dalam menyediakan tempat yang selesa bagi melaksanakan program ini dengan lebih berkesan lagi.

4.4 Mengenal Pasti Masalah Yang Dihadapi Dalam Menjayakan Program Amali Solat.

Pihak KPM telah memperkenalkan amali solat iaitu salah satu komponen yang terkandung dalam PAFA untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah sebagai asas kepada pembentukan modal insan yang bersepadu. Namun begitu, tidak dinafikan di sebalik usaha murni tersebut terdapat masalah yang terpaksa dilalui oleh pihak pelaksana mahu pun pelajar sekolah itu sendiri. Ini menyebabkan usaha-usaha pembelajaran yang berfokuskan solat terjejas. Oleh itu, bahagian C ini adalah kandungan item yang bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam menjayakan Program Amali Solat sama ada dari perspektif guru mahu pun pelajar.

4.4.1 Mengenal Pasti Masalah Yang Dihadapi Dalam Menjayakan Program Amali Solat Dari Perspektif Guru

Bagi mendapatkan maklumat mengenai masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Program Amali Solat dari perspektif guru, pengkaji telah membina sebanyak 15 item soalan. Item-item ini yang dibina oleh pengkaji adalah tentang tempat/prasarana, waktu, masalah pelajar/kerenah pelajar dan masalah dari pihak pentadbir. Huraian tentang dapatan kajian tersebut dihuraikan dalam jadual 20 seperti berikut:

**Jadual 20: Masalah Yang Dihadapi Oleh Responden Guru
Dalam Pelaksanaan Program Amali Solat**

Bil	Butiran	Min	S.P
1	Sekolah saya tidak menyediakan ruang yang khas (musolla/surau) untuk pelajar menunaikan solat berjemaah.	4.32	.894
2	Program Amali Solat dilaksanakan di tempat yang kurang selesa kerana tidak cukup kemudahan asas seperti tikar dan kipas angin.	4.32	.716
3	Musolla/Surau di sekolah saya terlalu sempit dan sesak untuk pelajar yang mengikuti Program Amali Solat.	3.91	1.269
4	Tempoh waktu untuk melaksanakan Program Amali Solat di sekolah saya kurang mencukupi.	3.36	1.293

5	Waktu amali solat perlu ditambah untuk membolehkan guru melaksanakan program tersebut dengan lebih berkesan.	3.29	1.271
6	Waktu amali solat sukar untuk dilaksanakan kepada pelajar sesi pagi.	3.73	1.316
7	Waktu amali solat sukar untuk dilaksanakan kepada pelajar sesi petang.	4.20	0.523
8	Ramai pelajar yang sering kali ponteng Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya.	3.91	0.921
9	Hanya segelintir sahaja pelajar yang sering kali ponteng Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya.	3.32	1.086
10	Bilangan pelajar yang ramai menyukarkan saya untuk melaksanakan Program Amali Solat dengan berkesan.	2.86	1.283
11	Pihak pentadbir sekolah saya memberi kerjasama yang baik dalam pelaksanaan Program Amali Solat.	1.95	0.973
12	Saya diberi kebebasan oleh pihak pentadbir untuk memilih waktu mengajar pelajar amali solat asalkan ia berada dalam waktu Pendidikan Islam.	2.23	1.152
13	Guru-guru mata pelajaran lain turut memberi kerjasama dalam pelaksanaan Program Amali Solat.	2.82	1.140
14	Pihak pentadbir sekolah sentiasa menyemak buku laporan aktiviti pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah saya.	3.09	1.109
15	Pemantauan terhadap pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah saya telah dilakukan oleh pihak PPD/JPN	3.29	0.845

Pernyataan pertama sehingga ketiga adalah mengenai tempat/prasarana di mana Program Amali Solat dilaksanakan. Bagi pernyataan pertama, secara puratanya semua responden menolak bahawa sekolah mereka tidak menyediakan ruang yang khas (musolla/surau) untuk pelajar menunaikan solat berjemaah. Ini terbukti dengan nilai min=4.32 yang diperolehi hasil analisis data. Semua responden secara umumnya juga menolak pernyataan yang kedua iaitu berkaitan dengan Program Amali Solat yang dilaksanakan di tempat yang kurang selesa kerana tidak cukup kemudahan asas seperti tikar dan kipas angin. Ini berdasarkan nilai min=4.32 yang didapati.

Untuk pernyataan yang ketiga pula iaitu “Musolla/Surau di sekolah saya terlalu sempit dan sesak untuk pelajar yang mengikuti Program Amali Solat”, nilai min=3.91 dapatan kajian membuktikan bahawa keseluruhan responden juga menolak bahawa musolla/surau sekolah mereka sempit dan sesak untuk pelajar mengikuti Program Amali Solat. Kesimpulannya, sekolah responden tidak mempunyai masalah berkaitan tempat/prasarana di mana program amali solat dilaksanakan. Dapatan kajian ini disokong dengan hasil pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap musolla Sek. Men. Keb. Engku Hussien, Semenyih, Hulu Langat.¹⁵⁸ Pengkaji mendapati pihak sekolah telah menyediakan tempat yang selesa untuk pelajar melaksanakan solat serta menjalani Program Amali Solat. Begitu juga hasil pemerhatian yang dilakukan terhadap surau Sek.

¹⁵⁸ Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap surau al-Faizin Sek. Men. Engku Hussien, Semenyih pada 3 hb Mac, 2010.

Men. Keb. (A) Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor dan juga Masjid Al-Ehsan, Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang.¹⁵⁹

Bagi pernyataan seterusnya iaitu pernyataan keempat sehingga pernyataan ketujuh adalah berkaitan waktu pelaksanaan. Pernyataan yang keempat iaitu “tempoh waktu untuk melaksanakan Program Amali Solat di sekolah saya kurang mencukupi”, majoriti responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pernyataan ini melalui nilai min=3.36 yang diperolehi. Majoriti responden juga tidak bersetuju dengan pernyataan “waktu amali solat perlu ditambah untuk membolehkan guru melaksanakan program tersebut dengan lebih berkesan”. Ini disokong dengan nilai min=3.29 yang diperolehi. Dapatan ini menunjukkan majoriti guru sudah berpuas hati dengan peruntukan waktu yang sedia ada sekarang.

Pernyataan yang seterusnya iaitu “waktu amali solat sukar untuk dilaksanakan kepada pelajar sesi pagi”, para responden kebanyakannya tidak bersetuju dengannya. Ini terbukti dengan min=3.73 yang didapati hasil dari data yang dianalisis. Begitu juga dengan pernyataan yang ketujuh iaitu mengenai waktu amali solat yang sukar untuk dilaksanakan kepada pelajar sesi petang. Keseluruhan responden juga tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Ia terbukti

¹⁵⁹ Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap surau Sek. Men. Keb. Agama Maahad Hamidiah, Kajang dan juga Masjid Al-Ehsan Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor pada 9 hb Mac, 2010.

dengan nilai min=4.20 yang diperolehi. Hal ini menunjukkan bahawa persekolahan sesi pagi atau sesi petang tidak mendatangkan masalah kepada guru untuk melaksanakan Program Amali Solat.

“Ramai pelajar yang sering kali ponteng Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya”, merupakan pernyataan yang seterusnya dalam bahagian ini. Puratanya keseluruhan responden menyatakan mereka tidak setuju dengan pernyataan ini melalui nilai min=3.91 yang didapati. Manakala pernyataan yang kesembilan pula menunjukkan bahawa separuh daripada responden tidak bersetuju bahawa terdapat segelintir pelajar mereka yang sering kali ponteng dari menghadiri Program Amali Solat. Ini disokong dengan nilai min=3.32. Ini bermaksud terdapat separuh lagi yang bersetuju bahawa terdapat segelintir pelajar yang sering kali ponteng dari program ini. Dapatan ini disokong dengan hasil temu bual pengkaji dengan Puan Abidah bt Ahmad guru agama Sek. Men. Keb. Engku Hussien yang menyatakan mereka juga berhadapan dengan masalah pelajar yang menyembunyikan diri mereka untuk tidak menghadiri Program Amali Solat.¹⁶⁰

Biasanya pelajar yang terlibat adalah pelajar yang memang bermasalah dalam bidang akademik. Manakala masalah ponteng ini amat kurang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik. Ini terbukti dengan

¹⁶⁰ Temu bual pengkaji dengan Puan Abidah bt Ahmad, guru Pendidikan Islam Sek. Men. Keb. Engku Hussien, Semenyih pada 3 hb Mac, 2010.

hasil temu bual pengkaji bersama Guru kanan Pendidikan Islam Sek. Keb. Men. Agama Maahad Hamidiah, Kajang Puan Che Ainon dan guru Pendidikan Islam Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor iaitu Puan Razana Said @ Razali yang menyatakan bahawa mereka tidak menghadapi masalah pelajar ponteng dari mengikuti program amali solat kecuali teramat sedikit.¹⁶¹ Ini kerana pelajar-pelajar dari kedua sekolah ini merupakan pelajar terpilih dan cemerlang dalam bidang akademik. Pengkaji berpendapat bahawa kemungkinan wujudnya hubung kait antara pencapaian akademik dengan amalan solat seseorang pelajar itu.

Bagi pernyataan mengenai kesukaran responden untuk mengendalikan Program Amali Solat kerana bilangan pelajar yang ramai, sebahagian responden menyatakan mereka setuju dengan pernyataan ini. Dapatan ini adalah hasil nilai min=2.86 yang diperolehi selepas data dianalisis. Gabungan di antara kelas bagi sekolah harian biasa menyebabkan seorang guru agama terpaksa mengendalikan pelajar yang ramai iaitu kira-kira 60-70 orang pelajar dalam satu-satu masa.¹⁶² Hal yang sama kemungkinan turut dialami oleh guru-guru di sekolah harian biasa yang tidak termasuk dalam skop kajian pengkaji.

¹⁶¹ Temu bual pengkaji dengan Puan Che Ainon Guru kanan Pendidikan Islam Sek. Men. Keb. Agama Maahad Hamidiah, Kajang dan Puan Razana Said @ Razali, guru Pendidikan Islam Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor pada 9 dan 10 hb Mac, 2010.

¹⁶² Temu bual pengkaji dengan Puan Abidah bt Ahmad, guru Pendidikan Islam Sek. Men. Keb. Engku Hussien, Semenyih pada 3 hb Mac, 2010.

Untuk pernyataan yang seterusnya iaitu berkenaan pihak pentadbir yang memberikan kerjasama yang baik dalam pelaksanaan Program Amali Solat, sebahagian besar responden menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan pernyataan ini berdasarkan min=1.95 yang diperolehi. Bagi pernyataan “Saya diberi kebebasan oleh pihak pentadbir untuk memilih waktu mengajar pelajar amali solat asalkan ia berada dalam waktu Pendidikan Islam”, majoriti responden juga bersetuju dengan pernyataan ini berdasarkan nilai min=2.23 yang didapati. Hal ini menunjukkan bahawa para guru tidak menghadapi masalah dari pihak pentadbir, malah mereka juga diberi kebebasan untuk menentukan sendiri waktu yang sesuai untuk melaksanakan program ini.

Penyataan yang ketiga belas menyatakan tentang guru-guru mata pelajaran lain turut memberi kerjasama dalam pelaksanaan Program Amali Solat. Majoriti responden bersetuju dengan pernyataan ini berdasarkan nilai min=2.82 yang diperolehi. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru-guru mata pelajaran lain turut memberi kerjasama dalam pelaksanaan amali solat, terutama dalam keadaan program ini dilaksanakan serentak dengan waktu sembahyang fardu dan disertai oleh bilangan pelajar yang ramai. Guru-guru akan bertugas untuk mengawal pelajar-pelajar ini serta memastikan mereka melaksanakan solat dengan baik. Keadaan ini dapat diperhatikan oleh pengkaji ketika sesi pemerhatian yang

dilakukan terhadap program amali solat yang dilakukan di Masjid Al-Ehsan, Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor.¹⁶³

Pihak pentadbir sekolah sentiasa menyemak buku laporan aktiviti pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah saya. Ini terkandung dalam pernyataan yang keempat belas. Berdasarkan nilai min=3.09 yang diperolehi menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada pihak pentadbir tidak menyemak buku laporan aktiviti pelaksanaan Program Amali Solat. Manakala pernyataan yang terakhir pula iaitu tentang pemantauan terhadap pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah yang telah dilakukan oleh pihak PPD/JPN. Majoriti responden juga bersetuju bahawa pemantauan terhadap pelaksanaan program ini tidak dilakukan oleh pihak PPD/JPN. Ini disokong dengan nilai min=3.29 yang diperolehi hasil dari analisis data yang dilakukan. Dapatan ini juga disokong dengan hasil temu bual pengkaji bersama responden dari kalangan guru mengenai pemantauan yang tidak dilakukan di peringkat daerah.¹⁶⁴ Pengkaji juga berpendapat bahawa pemantauan perlu dilakukan oleh pihak unit agama PPD/JPN. Usaha pemantauan ini adalah untuk memastikan

¹⁶³ Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan di Masjid Al-Ehsan Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor pada 7 hb April, 2010.

¹⁶⁴ Temu bual pengkaji dengan Puan Abidah bt Ahmad, guru Pendidikan Islam Sek. Men. Keb. Engku Hussien, Semenyih, Puan Che Ainon, Guru kanan Pendidikan Islam Sek. Men. Keb. Agama Maahad Hamidah, Kajang dan Puan Razana Said @ Razali, guru Pendidikan Islam Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor pada pada 3, 9 dan 10 hb Mac, 2010.

pelaksanaan Program Amali Solat ini dapat dijalankan dengan baik dan sempurna yang mana sedikit sebanyak usaha ini akan memberikan impak positif kepada keberkesannya terhadap pelajar. Apabila pemantauan tidak dilakukan oleh pihak PPD/JPN, keadaan ini mungkin menyebabkan tidak ada pula usaha untuk menyeragamkan bentuk pelaksanaan program ini. Di samping itu, pihak berkenaan juga tidak dapat memastikan sama ada pelaksanaan Program Amali Solat ini dapat dijalankan dengan baik atau pun sebaliknya.

4.4.2 Mengenal Pasti Masalah Yang Dihadapi Dalam Menjayakan Program Amali Solat Dari Perspektif Pelajar

Item-item yang terkandung dalam bahagian C bagi borang soal selidik (B) adalah untuk mendapatkan maklumat tentang masalah yang dihadapi dalam menjayakan Program Amali Solat dari perspektif pelajar. Untuk tujuan ini, pengkaji telah membina 13 item soalan yang berkaitan waktu pelaksanaan, tempat/prasarana, guru dan juga masalah peribadi pelajar sendiri. Huraian tentang dapatan kajian tersebut dihuraikan dalam jadual 21 seperti berikut:

Jadual 21: Masalah Yang Dihadapi Oleh Responden Pelajar Dalam Pelaksanaan Program Amali Solat

Bil	Butiran	min	S.P.
1	Waktu Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya adalah tidak sesuai.	3.60	.908

2	Tempoh waktu Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya sangat terhad.	2.84	.977
3	Program Amali Solat di sekolah saya dilaksanakan serentak dengan solat berjemaah zohor atau asar.	3.21	1.067
4	Program Amali Solat dilaksanakan di tempat yang selesa kerana terdapat kemudahan asas seperti kipas angin.	1.74	.767
5	Sekolah saya tidak menyediakan ruang yang khas (musolla) untuk pelajar menunaikan solat berjemaah.	4.30	.903
6	Saya terpaksa mengikuti Program Amali Solat di tempat yang sesak dan sempit.	3.92	1.045
7	Tempat wuduk di sekolah saya berhampiran dengan tempat amali solat dilaksanakan.	1.88	.925
8	Guru agama sentiasa bersama saya ketika Program Amali Solat dilaksanakan.	2.09	.895
9	Guru mengajar cara-cara wuduk dan cara solat dengan cara yang tidak jelas.	4.01	.907
10	Guru yang mengajar amali solat saya mengajar dengan cara yang kurang menarik.	3.61	1.017
11	Saya sering kali ponteng Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya.	4.44	.853
12	Saya tidak ada masalah untuk menghadiri Program Amali Solat di sekolah saya.	1.86	.930
13	Suasana bising yang ditimbulkan oleh setengah pelajar lain menyebabkan saya sukar memberi tumpuan kepada Program Amali Solat.	2.30	1.154

Pernyataan pertama sehingga pernyataan ketiga yang tercatat dalam bahagian ini adalah mengenai waktu pelaksanaan Program Amali Solat.

Sebilangan besar responden tidak bersetuju dengan pernyataan pertama iaitu tentang waktu Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka adalah tidak sesuai. Nilai min=3.60 yang diperolehi membuktikan dapatan ini. Majoriti responden menyatakan tempoh waktu Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka sangat terhad. Ini terbukti dengan nilai min=2.84 yang diperolehi dari data yang dianalisis. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar merasakan tempoh waktu yang diperuntukkan untuk melaksanakan Program Amali Solat adalah terhad dan tidak mencukupi. Manakala bagi pernyataan yang ketiga iaitu tentang Program Amali Solat di sekolah mereka dilaksanakan serentak dengan solat berjemaah zohor atau asar, majoriti responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Ini berdasarkan nilai min=3.21 yang diperolehi. Hal ini menunjukkan pelajar lebih suka Program Amali Solat dilaksanakan di luar waktu solat fardu kerana mereka berkemungkinan memerlukan lebih bimbingan dan tunjuk ajar dari guru berbanding dengan solat secara berjemaah dengan hanya diperhatikan oleh guru mereka.

Bagi pernyataan yang keempat sehingga ketujuh adalah menyentuh tentang tempat/prasarana tempat program ini dilaksanakan. “Program Amali Solat dilaksanakan di tempat yang selesa kerana terdapat kemudahan asas seperti kipas angin” merupakan pernyataan yang keempat dalam bahagian ini. Ianya telah dipersetujui hampir sebulat suara oleh responden, malah mendapat persetujuan yang tertinggi iaitu min=1.74. Bagi pernyataan yang kelima iaitu mengenai sekolah mereka yang tidak menyediakan ruang yang khas (musolla) untuk pelajar

menunaikan solat berjemaah, keseluruhan responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini berdasarkan nilai min=4.30 yang diperolehi. Begitu juga dengan pernyataan keenam iaitu yang berkaitan keadaan mereka yang terpaksa mengikuti Program Amali Solat di tempat yang sesak dan sempit. Nilai min=3.92 jelas membuktikan bahawa keseluruhan responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Keseluruhan responden juga menyatakan bahawa tempat wuduk di sekolah mereka berhampiran dengan tempat amali solat dilaksanakan. Ini disokong oleh nilai min=1.88 yang diperolehi hasil analisis data. Dapatan ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tidak ada masalah berkaitan tempat/prasarana tempat Program Amali Solat dilaksanakan mengikut persepsi pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa pihak sekolah dengan inisiatif para guru telah menyediakan tempat/prasarana yang memuaskan hati pelajar sebagai pengguna. Hasil pemerhatian pengkaji terhadap tempat/prasarana tempat Program Amali Solat dilaksanakan telah menyokong dapatan ini dan ia cukup memuaskan serta selesa untuk kegunaan pelajar.¹⁶⁵

Bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap guru mereka, pernyataan kelapan sehingga pernyataan kesepuluh telah dikemukakan kepada responden. Hampir keseluruhan responden menyatakan bahawa guru agama sentiasa bersama mereka ketika Program Amali Solat dilaksanakan. Ini terbukti dengan nilai min=2.09 yang diperolehi. Secara puratanya keseluruhan responden juga

¹⁶⁵ Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap surau al-Faizin Sek. Men. Engku Hussien, Semenyih pada 3 hb Mac, 2010, surau Sek. Men. Keb. Agama Maahad Hamidiah, Kajang dan juga Masjid Al-Ehsan Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor pada 9 hb Mac, 2010.

menafikan bahawa guru mereka menunjukkan cara wuduk dan cara solat dengan cara yang tidak jelas. Ini disokong dengan nilai=4.01 yang diperolehi. Majoriti responden juga menolak bahawa guru yang mengajar amali solat mereka mengajar dengan cara yang kurang menarik dan ini terbukti dengan nilai min=3.61. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap guru mereka dan tidak ada masalah berkaitan guru dalam mengikuti program ini di sekolah. Hal ini juga membuktikan bahawa guru-guru agama di sekolah telah berjaya memainkan peranan mereka sebagai seorang pendidik dengan berkesan.

Sebahagian besar pelajar menolak pernyataan bahawa mereka sering kali ponteng Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka. Nilai min=4.44 yang diperolehi telah menyokong perkara ini. Hampir keseluruhan responden juga telah menyatakan bahawa mereka tidak ada masalah untuk mengikuti program ini berdasarkan min=1.86 yang diperolehi. Pernyataan terakhir untuk bahagian ini adalah mengenai suasana bising yang ditimbulkan oleh setengah pelajar lain menyebabkan mereka sukar memberi tumpuan kepada Program Amali Solat. Ternyata hampir keseluruhan responden bersetuju dengan pernyataan ini berdasarkan nilai min=2.30 yang diperolehi dari data yang dianalisis. Hal ini membuktikan bahawa suasana bising ini sedikit sebanyak mendatangkan masalah dalam pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah. Hasil pemerhatian pengkaji terhadap pelaksanaan Program Amali Solat yang sedang dijalankan membuktikan bahawa suasana bising yang ditimbulkan oleh

sebahagian pelajar sedikit sebanyak telah mengganggu kosentrasi pelajar lain.¹⁶⁶
Masalah ini sedikit sebanyak turut menjejaskan kelancaran perjalanan program ini di sekolah.

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi kesimpulan keseluruhan hasil kajian dan saranan-saranan berdasarkan hasil kajian kepada pihak tertentu bagi tujuan penambahbaikan kepada Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah buat masa sekarang.

5.2 Kesimpulan

¹⁶⁶ Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap pelaksanaan Program Amali Solat yang sedang berlangsung di surau al-Faizin Sek. Men. Engku Hussien, Semenyih pada 3 hb Mac, 2010.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, beberapa kesimpulan telah dapat dirumuskan dan dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

1. Bentuk pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah menengah Daerah Hulu Langat.
2. Persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan di sekolah mereka
3. Masalah yang dihadapi dalam menjayakan Program Amali Solat.

5.2.1. Bentuk Pelaksanaan Program Amali Solat di Sekolah Menengah Daerah Hulu langat

Hasil kajian mendapati para guru secara keseluruhannya menyatakan bahawa mereka telah menjalankan amali solat di surau yang disediakan oleh pihak sekolah, setelah pelajar diajar secara teori cara-cara melaksanakan solat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas masing-masing. Selain itu atas inisiatif para guru juga, mereka telah merekodkan kehadiran pelajar dalam amali solat. Hal ini membuktikan kesungguhan para guru dalam memastikan pelajar mereka supaya tidak meninggalkan sembahyang fardu serta telah berusaha menjalankan tanggungjawab mereka untuk memastikan pelajar-pelajar dapat melaksanakan solat dengan baik dan sempurna.

Begitu juga dengan hasil kajian dari aspek waktu pelaksanaan. Sebahagian daripada guru menyatakan bahawa mereka melaksanakan Program Amali Solat dalam waktu solat fardu. Kebanyakan sekolah telah menetapkan waktu solat fardu secara bergilir-gilir untuk pelajar mereka menunaikan solat khususnya pelajar sesi petang. Manakala sebahagian lagi guru tidak melaksanakan Program Amali Solat dalam waktu solat fardu sebaliknya memperuntukkan waktu yang lain seperti waktu solat sunat duha.

5.2.2 Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Program Amali Solat Yang Dijalankan Di Sekolah

Kajian ini mendapati hampir keseluruhan responden menjelaskan bahawa Program Amali Solat penting untuk diri mereka serta banyak membantu mereka untuk melaksanakan solat secara konsisten di rumah. Secara umumnya para pelajar berpuas hati dengan bentuk pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan di sekolah mereka. Tentang waktu pelaksanaannya pula, para pelajar berpendapat waktu yang diperuntukkan perlu ditambah. Hal ini kemungkinan kerana pelajar merasakan mereka perlu masa yang lebih untuk mendapatkan bimbingan ke arah pelaksanaan solat yang berkualiti. Begitu juga halnya dengan waktu program ini dilaksanakan, yang mana hasil kajian mendapati pelajar lebih suka ia dilaksanakan sebelum masuk solat fardu. Hasil kajian juga mendapati

persepsi pelajar terhadap tempat dan prasarana tempat Program Amali Solat dilaksanakan berada di tahap memuaskan hati mereka.

5.2.3 Masalah Yang Dihadapi Dalam Menjayakan Program Amali Solat

1. Perspektif Guru

Kajian ini mendapati bahawa sekolah responden tidak mempunyai masalah berkaitan tempat/prasarana di mana Program Amali Solat dilaksanakan. Dapatan kajian ini disokong dengan hasil pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap musolla Sek. Men. Keb. Engku Hussien, Semenyih, Hulu Langat. Pengkaji mendapati pihak sekolah telah menyediakan tempat yang selesa untuk pelajar melaksanakan solat serta menjalani Program Amali Solat. Begitu juga hasil pemerhatian yang dilakukan terhadap surau Sek. Men. Keb. (A) Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor dan juga Masjid Al-Ehsan, Sek. Men. Agama Persekutuan Kajang, Selangor.

Kajian juga mendapati bahawa para guru tidak menghadapi masalah dari aspek waktu pelaksanaan. Hal ini terbukti dengan dapatan kajian iaitu majoriti responden dari kalangan guru menolak bahawa tempoh waktu untuk melaksanakan Program Amali Solat di sekolah kurang mencukupi. Para guru juga tidak bersetuju bahawa Program Amali Solat ini sukar untuk dilaksanakan sama

ada untuk sesi pagi mahupun sesi petang. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru tidak mempunyai sebarang masalah dari sudut waktu dalam pelaksanaan program ini.

Manakala dari aspek pelajar pula, hasil kajian mendapati terdapat juga responden yang menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah pelajar yang menyembunyikan diri mereka untuk tidak menghadiri Program Amali Solat. Biasanya pelajar yang terlibat adalah pelajar yang juga bermasalah dalam bidang akademik. Manakala masalah ponteng ini amat kurang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik.

Dari sudut kesukaran responden untuk mengendalikan Program Amali Solat kerana bilangan pelajar yang ramai pula, sebahagian responden menyatakan bahawa mereka memang berhadapan dengan masalah ini. Gabungan di antara kelas bagi sekolah harian biasa menyebabkan seorang guru agama terpaksa mengendalikan pelajar yang ramai iaitu kira-kira 60-70 orang pelajar dalam satu-satu masa.

Mengenai masalah berkaitan pentadbir sekolah, dapatan kajian mendapati sebahagian besar responden menyatakan bahawa mereka mendapat kerjasama dan sokongan yang baik dari pihak pentadbir. Begitu juga dengan guru-guru mata pelajaran lain yang turut memberikan kerjasama mengawal pelajar yang ramai ketika pelaksanaan Program Amali Solat berlangsung. Hasil pemerhatian pengkaji

terhadap pelaksanaan Program Amali Solat yang sedang dilaksanakan juga membuktikan bahawa guru-guru mata pelajaran lain yang beragama Islam turut memberi kerjasama mengawal pelajar melaksanakan solat dengan baik.

Hasil kajian juga mendapati sebahagian besar responden juga menyatakan bahawa pihak PPD/JPN tidak membuat pemantauan terhadap pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan di sekolah. Sedangkan usaha pemantauan ini adalah penting untuk memastikan pelaksanaan Program Amali Solat ini dapat dijalankan dengan baik dan sempurna yang mana sedikit sebanyak usaha ini akan memberikan impak positif kepada keberkesanannya terhadap pelajar.

2. Perspektif Pelajar

Antara masalah yang didapati hasil kajian dari perspektif pelajar ialah, majoriti responden dari kalangan pelajar merasakan tempoh waktu yang diperuntukkan untuk melaksanakan Program Amali Solat adalah terhad dan tidak mencukupi. Selain dari itu, waktu program ini dijalankan iaitu serentak dengan solat berjemaah zohor atau asar juga tidak dipersetujui oleh sebahagian besar responden. Bahkan mereka lebih suka waktu program ini dijalankan di luar waktu solat fardu untuk mendapatkan tunjuk ajar dan bimbingan yang lebih khusus dari guru mereka tentang cara-cara berwuduk dan cara solat yang sempurna.

Dapatan ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa para pelajar berpendapat bahawa tidak ada masalah berkaitan tempat/prasarana tempat Program Amali Solat dilaksanakan di sekolah mereka. Hasil pemerhatian pengkaji terhadap tempat/prasarana tempat Program Amali Solat dilaksanakan telah menyokong dapatan ini dan ia cukup memuaskan serta selesa untuk kegunaan pelajar.

Dapatan kajian ini juga telah mendapati bahawa pelajar mempunyai perspektif yang positif terhadap guru mereka dan tidak ada masalah berkaitan guru dalam mengikuti program ini di sekolah. Hal ini juga membuktikan bahawa guru-guru agama di sekolah telah berjaya memainkan peranan mereka sebagai seorang pendidik dengan berkesan. Mereka telah berusaha untuk menjalankan amanah mereka sebagai guru agama di sekolah dengan baik.

Mengenai masalah dari aspek peribadi pelajar pula, kajian mendapati mereka tidak ada masalah untuk mengikuti program ini. Tetapi antara masalah yang mereka hadapi adalah suasana bising yang ditimbulkan oleh setengah pelajar lain menyebabkan mereka sukar memberi tumpuan kepada Program Amali Solat.

5.3 Saranan

Berdasarkan kepada penemuan kajian ini, maka dicadangkan beberapa saranan kepada beberapa pihak tertentu untuk dipertimbangkan atau dilaksanakan bagi mengemaskini pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah menengah Daerah Hulu Langat serta mempertingkatkan lagi keberkesanannya.

5.3.1 Saranan Kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia

1. Sentiasa membuat semakan dan kajian semula ke atas pelaksanaan kurikulum yang sedia ada dari masa ke semasa adakah masih relevan atau perlu kepada penambahbaikan atau pengubahsuaian berdasarkan kepada keperluan dan situasi semasa.
2. Menilai semula peruntukan masa untuk amali solat mengikut keperluan semasa. Ini memandangkan kepada ramainya pelajar yang masih buta fardu ain khususnya dalam melaksanakan solat.
3. Mengkaji semula pelaksanaan ujian PAFA serta waktu untuk amali solat bagi mengetahui tahap keberkesanannya dalam kehidupan harian pelajar.
4. Mengenal pasti kelemahan yang mungkin wujud dari pelaksanaan ujian PAFA serta amali solat yang dijalankan sekarang dari peringkat bawah lagi. Oleh itu beberapa langkah tertentu perlu dilaksanakan untuk memperbaikinya.
5. Menghasilkan modul-modul bagi program berkaitan solat yang praktikal dan fleksibel yang dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah dalam langkah memperkasakan solat dalam kehidupan pelajar.

6. Mengenal pasti nisbah bilangan guru agama dengan bilangan pelajar Islam sesebuah sekolah sama ada sesuai atau sebaliknya demi menjamin pencapaian objektif yang ditetapkan.

5.3.2 Saranan Kepada Sektor Pendidikan Islam dan Moral (SPIM), Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah

1. Sentiasa membuat pemantauan terhadap pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan di sekolah-sekolah untuk memastikan ia berjalan dengan baik dan mencapai objektif yang ditetapkan.
2. Mengadakan bengkel tertentu untuk membantu Guru Pendidikan Islam merancang dan mengelolakan Program Amali Solat secara berkesan di sekolah masing-masing dengan mengambil kira modul-modul yang dibina oleh JAPIM.
3. Menyelaraskan pelaksanaan Program Amali Solat di peringkat daerah untuk memudahkan proses pemantauan dan penilaian.
4. Mencalonkan sekolah yang berjaya menjadi *role model* kepada sekolah lain dari segi pengurusan Program Amali Solat yang teratur serta sistematik sehingga berjaya mewujudkan iklim “dini” di sekolah.

5.3.3 Saranan Kepada Pihak Pengurusan Sekolah

1. Memberi ruang yang sewajarnya kepada Panitia/Guru Pendidikan Islam untuk menjalankan program-program khusus untuk memperkasakan solat di sekolah.
2. Menggembeling tenaga seluruh warga sekolah untuk menjayakan pelaksanaan Program Amali Solat seterusnya mewujudkan iklim “dini” di sekolah.
3. Bekerjasama dengan masyarakat setempat untuk menjalankan program-program ke arah memperkasakan solat seperti JKK Masjid dan JKK Kampung yang melibatkan penyertaan pelajar dan ibu bapa.

5.3.4 Saranan Kepada Guru Pendidikan Islam

1. Merancang dan melaksanakan Program Amali Solat dengan bentuk pelaksanaan yang lebih menarik minat pelajar untuk menyertainya. Dengan itu, Program Amali Solat dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut objektif yang telah ditetapkan.
2. Sentiasa membuat penilaian terhadap Program Amali Solat yang telah dijalankan untuk mengetahui tahap keberkesanannya dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan dapatan penilaian yang dibuat.

3. Mengadakan program yang khusus untuk pelajar-pelajar yang tidak mengetahui cara wuduk dan cara solat di luar waktu kelas dibimbing oleh guru agama serta rakan sebaya.
4. Menghasilkan satu kajian tindakan dalam Panitia Pendidikan Islam yang mana hasil daripada kajian tersebut boleh digunapakai untuk meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan Program Amali Solat khususnya dan mata pelajaran pendidikan Islam amnya.

5.3.5 Saranan Kepada Ibu Bapa

1. Prihatin dengan pendidikan agama anak-anak dan sentiasa memantau pelaksanaan solat mereka. Kajian Mohd Suhardi Mat Jusoh mendapati 13.5% responden mengakui sikap ibu bapa dapat menentukan sama ada anak melaksanakan kewajipan solat atau tidak.
2. Menjalin hubungan yang baik dengan guru-guru untuk mengetahui perkembangan anak-anak.
3. Menunjukkan contoh sebagai muslim/muslimah yang baik kepada anak-anak khususnya dari sudut pelaksanaan solat yang konsisten di rumah.
4. Meningkatkan ilmu berkaitan kemahiran keibubapaan mengikut acuan Islam yang sebenar khususnya yang berkaitan dengan tanggungjawab mendidik anak seperti yang terkandung dalam ajaran Islam.

5.3.6 Saranan Kepada Pelajar-Pelajar Islam

1. Memahami dengan jelas bahawa belajar Pendidikan Islam bukan hanya untuk lulus peperiksaan semat-mata tetapi untuk diamalkan dan dihayati dalam kehidupan.
2. Sentiasa memberi sokongan dan menyertai Program Amali Solat serta program berbentuk keagamaan yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau NGO Islam.
3. Sentiasa melaksanakan solat secara konsisten serta memahami fungsi solat sebagai benteng jati diri dari terjerumus ke kancah permasalahan sosial masa kini, serta dapat menjauhkan diri dari segala kejahatan dan kemungkaran.

5.3.7 Saranan Kepada Pengkaji Akan Datang

1. Kajian ini dilakukan hanya terbatas kepada pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan di sekolah menengah terpilih di daerah Hulu Langat Selangor. Maka hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada daerah-daerah lain kecuali memiliki ciri-ciri persamaan. Oleh itu, adalah dicadangkan kajian yang serupa dilakukan di daerah lain untuk mengetahui perbezaan atau persamaan hasil kajian yang diperolehi.
2. Kajian ini hanya dijalankan di kawasan bandar. Oleh itu pengkaji mencadangkan, untuk penyelidikan yang berkaitan pada masa akan datang

mengkaji perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar untuk menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh.

3. Memandangkan kajian ini merupakan kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif, oleh itu adalah dicadangkan kajian yang berbentuk lain (seperti kajian korelasi, kajian kes, kajian perbandingan sebab-akibat atau kajian eksperimental) dapat dilakukan oleh pengkaji lain akan datang. Dengan itu aspek-aspek tertentu dapat diperincikan maklumat mengenainya.

5.4 Penutup

Usaha-usaha yang berterusan perlu dilakukan untuk memastikan generasi kini adalah generasi yang menjadikan solat sebagai benteng pertahanan diri serta ketahanan menghadapi arus cabaran era globalisasi kini. Seterusnya mereka akan mampu menghindarkan diri dari terjebak dengan pelbagai gejala negatif yang boleh merosakkan generasi Islam kini dan akan datang. Pengaruh globalisasi memberi impak besar kepada sikap dan sahsiah remaja Islam. Bagaimanapun saling menuding jari serta menyalahkan pengaruh tertentu tanpa mengambil tindakan yang sepatutnya tidak dapat menyelesaikan masalah. Oleh itu kesepaduan tenaga untuk mendekatkan anak-anak kepada penghayatan solat yang sebenar serta kehidupan beragama amat perlu. Semua pihak perlu menggembeling tenaga semaksimum yang mungkin untuk memastikan generasi pewaris kini sentiasa mendapat bimbingan untuk berada di atas landasan hidup beragama sepanjang hayat. Mereka perlu didedahkan dengan kesempurnaan dan keindahan

Islam sebagai jalan kehidupan yang menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Hasrat melahirkan generasi yang memiliki jati diri muslim mungkin sukar untuk dicapai sekiranya pelaksanaan solat yang berkualiti diabaikan. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat ibu bapa yang merupakan tunjang utama kepada institusi keluarga perlu memainkan peranan sebaik mungkin sebagai guru pertama kepada anak-anak. Ini kerana sekolah dan guru hanya mengambil alih tanggungjawab setelah anak-anak mempunyai pendidikan asas daripada ibu bapa di rumah. Tindakan pihak ibu bapa yang menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak sekolah/guru merupakan tindakan yang kurang wajar. Ibu bapa yang sepatutnya memikul amanah yang besar ini untuk memastikan anak-anak mereka sentiasa konsisten dalam melaksanakan solat lima waktu sehari semalam. Para guru di sekolah hanya mengambil alih tanggungjawab ini ketika anak-anak berada di sekolah pada waktu persekolahan sahaja. Oleh itu pengkaji juga berharap para ibu bapa menyedari tanggungjawab serta amanah Allah SWT yang amat besar ini kerana mereka akan dipersoalkan di akhirat kelak. Pengkaji juga menaruh harapan agar semua pihak terus bekerjasama dalam melaksanakan usaha murni ini.

Pengkaji juga berharap dapatan kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengenal pasti bentuk pelaksanaan Program

Amali Solat yang telah dijalankan di sekolah serta masalah yang dihadapi sama ada dari pihak pelaksana mahupun dari pihak pelajar sendiri. Semoga usaha-usaha untuk memperkasakan solat dalam kalangan pelajar sekolah serta mengembalikan mereka kepada kehidupan yang bertunjangkan Islam dapat dilaksanakan dengan kerjasama dan kesedaran semua pihak yang berkaitan.

BIBLIOGRAFI

Abd Fatah Hasan (2001), "Falsafah Pendidikan", Kuala Lumpur: PTS Publications & distributors Sdn Bhd. dalam Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2008), *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*, Perak: Tanjung Malim.

Abdul Hadi Ismail (1994), "Windstelt dan Pendidikan Orang Melayu" *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, jld. 13. 1994/95, terbitan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM.

Abdul Halim al-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam, Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.

Abdul Mubin b A. Gani (1999), "Kajian Pelaksanaan Amali Solat Dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSM di Sekolah Menengah Rendah Daerah

Kluang, Johor” (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Abdul Rasyid Ahmad (2003), *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*, Selangor: Al-Rahmaniah.

_____ (1995), *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Abdullah Nasih ‘Ulwan (1983), *Tarbiyyah Al-Aulad fi Al-Islam*, Kaherah: Dar al-Salam.

Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2008), *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*, Perak: Tanjung Malim.

Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mohd Salleh (1997), *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Sabri Osman (2002), “Sistem Pendidikan Islam: Suatu Kajian Tentang Keberkesanan Penghayatannya Di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Kampus Arau, Perlis” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Akhlaq Husain (1996), *Ibu bapa Muslim*. Mustafa Ramadhan (terj), Kuala Lumpur: Pustaka Hayathi,

Al-Imam Abu Husayn Muslim bin Hujjaj al-Qusyayri al-Nisaburi (1995), *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab Bayan Itlaq Ismu al-Kufr ala Man Taraka al-Solah, no. hadith 134. Kaherah: Dar Al-Salam.

Al-Imam al-Mujtahid al-‘Allamah Muhammad bin ‘Ali al-Syawkani (1996), *Nayl al-Awtar*, Kitab al-Solat, Bab Hujjah Man Kaffara Tarik al-Solah, no. hadith 402. Kaherah: Dar Al-Salam.

Amran Kasimin (1992), *Bagaimana Mencegah Kejahatan Melalui Sembahyang*, Kuala Lumpur: Dinie Publishers.

Azizah Zakaria (2004), “Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam Falsafah Etika al-Ghazali: Kajian Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Bahagian Pendidikan Islam (1989), *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Islam KBSM di Sekolah Menengah Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Choong Lean Keow (2008), *Falsafah dan Pendidikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Deobold B. Van Dalen (1962), *Understanding Educational Research: An Introduction*. New York: Mc Graw-Hill Book Company, Inc.

Fariyah Hussain (2006), “Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Kajian Di Alor Setar” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Hajar Opir (2006), “Metodologi Pembangunan Akhlak di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Kajian Khusus di SMI Al-Amin Gombak, Selangor.” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Hall, D.G.E (1968), *A History of South-East Asia*, New York: St. Martin’s Press.

Hamid al-Ghawabi (1957), *Majalah Liwa’ al-Islam*.

Hamidah Hj Mohd Saad (1993), “KISAS, Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia.” (Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya).

Hamka (1987), *Tafsir al-Azhar*, juz. 21. Singapura: Pustaka Nasional, Pte. Ltd.

Haron Din (1989), *Manusia dan Islam*, c. 4. Shah Alam: Hizbi Marketing Sdn Bhd.

Ibn Kathir (1993), *Tafsir Ibn Kathir*, Riyadh: Dar Al-Salam Li Al-Nasyr Wa al-Tawzi’.

Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Intel Multimedia And Publication.

_____ (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*, Selangor: Kamil & Shakir Sdn Bhd.

Isyah Radhiah Idris (2004), “Pendidikan Solat Oleh Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak Remaja Di Kota Bharu, Kelantan” (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan: Penggunaannya Dalam Pemasaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Janesik Velerie J (1994), "The Dance of Qualitative Research Design", dalam (Ed. Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln) *Handbook of Qualitative Research*, London, Sage Publication.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1995), *Buku Panduan PAFA*. Kuala Lumpur.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), *Mercu Tanda Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1979), Laporan J/K Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Panduan Amali Pendidikan Islam Sekolah Menengah*, Kuala Lumpur

Khotib Al-Hafis (1995), *Pembentukan Generasi Cemerlang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Marohaini Yusoff, "Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah", dalam Marohaini (ed) (2001), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Jamil Mukmin (1994), *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Mohd Majid Konting (2004), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c. 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Salleh Lebar (1992), *Perubahan & Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, cet. 2. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

_____ (1996), *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004), "Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja: Kajian Di Sekolah Menengah Di Sekitar Daerah Pasir Putih, Kelantan" (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: UM.

Mohd Yusuf Ahmad (2004), *Usaha-usaha JAPIM KPM dalam Pendidikan Al-Quran*, Tesis PHD Jab. Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, UM.

Mohd. Ali Hashim (2009), “Pendidikan Islam dan Elektif Pengajian Islam KBSM: Kajian Terhadap Pembentukan dan Pencapaian Objektifnya.” (Tesis Doktor Falsafah Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee (1990), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Muhammad Thalib (1997), *Ibu bapa Mithali*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Muhd Fauzi Muhammad (2000), *Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia*. Dalam *Majalah Dakwah*, Jun, 2000, terbitan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Mohd Fuad Razali (2010), “Guru Wanita Lebih Ramai: Isu Yang Berlarutan”, *Majalah Pendidik*. Selangor: Widad Publication Sdn. Bhd.

Mustafa Masyhur (1987), *Bekalan di Sepanjang Jalan Dakwah*, Mohd Tahir Daeng Mengati (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Mustafa Masyhur (1992), *Muqawwimat Rijal Al-‘Aqidah ‘Ala Tariq Al-Da’wah*, Kaherah: Dar Al-Tawzi’ wa Al-Nasyr Al-Islamiyyah.

Mustafa Tahan (2006), *Al-Tarbyyiah Wa Dauruha Fi Tashkil Al-Suluk*, Al-Mansurah: Dar Al-Wafa’.

Nik Azis Nik Pa (1990), *Program Pendidikan Teori dan Praktis*, Selangor: Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.

Nik Zaiton Mohd Nor (2007), “Penyemaian Akhlak di Kalangan Kanak-kanak Dari Perspektif Islam: Kajian di Kota Bharu, Kelantan” (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Normah Yamin (1999), “Hubungkaitan PAFA Dengan Pencapaian Pelajar Dalam PMR” (Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).

Othman Lebar (2007), *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Mohamed (2001), *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Patton, M (1990), *Qualitative Evaluation Methods*. Beverly Hills: Sage.

Pusat Perkembangan Kurikulum (1993), *Laporan Impak Pelaksanaan Dua Masa Tambahan dan Amali Solat Dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Rendah dan Atas*. Penerbit dan Pencetak: Jemaah Nazir Sekolah(1997).

Pusat Perkembangan Kurikulum, Teks Pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan' (Teks Pernyataan Pendidikan Kebangsaan Diedarkan Kepada Pegawai PPK, 3 Julai 1989).

Report of the Educational Review Committee 1960 (1960), Kuala Lumpur: Government Printers.

Safwan Fathi (2000), *Kemanisan Solat*, c.1. Kuala Lumpur: OMMO Enterprise.

Shahril @ Charil Marzuki *et. al* (1995), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Shellabear W.G (1948), *Sejarah Melayu or the Malay Annals*, Singapore: Malay Publishing House Ltd.

Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Siti Rokiah Abdul Ghani (2007), "Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam" (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Sufean Hussin (2004), *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia, Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suseela Malakolunthu, "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan", dalam Marohaini (ed) (2001), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Syed Qutb (1987), *Tafsir Fi Zilal al-Quran*, Kaherah: Dar al-Syuruq.

Tajul Ariffin dan Nor'Aini Dan (2002), *Pendidikan & Pembangunan Manusia, Pendekatan Bersepadu*, Selangor: As-Syabab Media.

Tajul Ariffin Noordin (1991), 'Kertas Cadangan Wawasan Pendidikan Islam 2020' (Kertas Cadangan Bengkel Wawasan Pendidikan Islam di Malaysia Tahun 2020).

Universiti Malaya (2001), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.

Wahbah al-Zuhayli (1985), *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. j. 1, c.3, Damsyik: Dar al-Fikr.

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1991), 'Falsafah Pendidikan Negara Dalam Menghadapi Dasawarsa 90-an: Satu Kajian Semula Terhadap Pembinaan Tradisi Intelektual Malaysia' (Kertas Kerja Dibentangkan di Jabatan Penuntut Malaysia, London, Februari 1991).

_____ (1991), 'Reformasi Pendidikan, Rasional, Falsafah dan Strategi' (Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Kursus Orientasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah di Pusat Perkembangan Kurikulum).

Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim (1996), *Dasar-dasar Kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Zafar Sdn. Bhd.

Zaib Ngah (2006), "Persepsi Pelajar Terhadap PAFA: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Pekan Banting" (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Zainal Abidin Abdul Kadir (1993), "Reformasi Pendidikan Islam Di Sekolah: Matlamat dan Harapan", dalam Ismail Ab. Rahman *et al.* (ed.), *Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Kuala Terengganu: KUSZA.

_____ (1994), "Ke Arah Amalan Dan Penghayatan Nilai Islam: Satu Pendekatan Bersepadu", dalam Abd Halim El-Muhammady (ed.), *Pendidikan Islam: Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Bangi; Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah.

LAMPIRAN